



ISU-ISU KONTEMPORARI DALAM

# PENGAJIAN AL-QURAN & AL-SUNNAH

(SIRI 5) 2024

PENYUNTING:

FARHAH ZAIDAR MOHAMED RAMLI . MUHAMMAD AIZAT SYIMIR ROZANI  
PHAYILAH YAMA

**ISU-ISU KONTEMPORARI  
DALAM PENGAJIAN  
AL-QURAN DAN AL-SUNNAH  
(SIRI 5) 2024**

**PENYUNTING**  
FARHAH ZAIDAR MOHAMED RAMLI  
MUHAMMAD AIZAT SYIMIR ROZANI  
PHAYILAH YAMA

**PENERBIT FPPI**  
Universiti Islam Selangor (UIS)  
2024

---

## **HAK CIPTA**

Hak Cipta/*Copyright* Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), UIS, 2024

Hak cipta terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku digital ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh digunakan semula, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk, atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, perakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Penerbit FPPI terlebih dahulu.

*All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording or any information storage and retrieval system, without permission in writing from Penerbit FPPI.*

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*

PENERBIT FAKULTI PENGAJIAN PERADABAN ISLAM (FPPI)

Universiti Islam Selangor (UIS)  
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan  
<http://www.kuis.edu.my/fppi/>  
03-89117000 ext: 7167

e ISBN 978-967-2808-43-5  
ISU-ISU KONTEMPORARI DALAM PENGAJIAN AL-QURAN DAN AL-SUNNAH (SIRI 5) 2024

---

## ISI KANDUNGAN

	HALAMAN
KATA PENGANTAR	v
PRAKATA	vi
PENDAHULUAN	vii
<b>BAB 1 PENGISLAHAN MASYARAKAT DALAM KERANGKA <i>MĀQĀṢID AL-QUR'ĀN</i>: SOROTAN TERPERINCI TERHADAP PANDANGAN ULAMA</b> Muhammad Aizat Syimir Rozani, Abur Hamdi Usman & Mohd Farid Ravi Abdullah	1
<b>BAB 2 KAEDEAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP) <i>HIFZ AL-QURAN</i> SECARA DALAM TALIAN: SATU ANALISIS</b> Abdul Hadi Awang, Muhammad Aizat Syimir, Wan Ramizah Hassan & Mohd Norzi Nasir	8
<b>BAB 3 PENGURUSAN EMOSI MENURUT PERSPEKTIF AL-QURAN</b> Nurzatil Ismah binti Azizan, Nabihah Solehah binti Roslan	20
<b>BAB 4 <i>AD-DUNYA</i> MENURUT PERSPEKTIF AL-QURAN: KAJIAN TERHADAP AYAT-AYAT LARANGAN MENGUTAMAKAN DUNIA DAN CELAAN KE ATASNYA</b> Abdul Mukti bin Baharudin	28
<b>BAB 5 AL-QURAN KARYA BESTARI DAN AL-QURAN KARYA TELAGA BIRU: SATU PERBANDINGAN</b> Nor Hasanah Mohd Yusoff, Siti Mahfudzoh Mohd Hafiz, Nursaiyidah Nafisah Mohd Zamri, Amiratul Rashidah Abdul Nasir	38
<b>BAB 6 PENGUKUHAN SISTEM PENGURUSAN KES SOSIAL BERORIENTASI KONSEP <i>TAUHIDIY</i></b> Rogayah Chek, Khadher Ahmad, Monika@ Munirah Abd Razzak	46
<b>BAB 7 TAHAP KEFAHAMAN MASYARAKAT DI KEMAMAN, TERENGGANU TENTANG AL-QURAN DAN AL-SUNNAH MELALUI MEDIA MASSA</b> Mohd Norzi bin Nasir, Mohd Ikhwan Bin Mohd Kudhri	57
<b>BAB 8 SALASILAH SANAD KITAB <i>TURATH</i> HADIS TOKOH ULAMA PONDOK NEGERI KEDAH TUAN GURU HAJI SALLEH BIN MUSA (1927-2016M)</b> Farhah Zaidar Mohamed Ramli & PM Dr. Phayilah Yama	78

BAB 9	<b>KEPERLUAN PENGGUNAAN APLIKASI ICT UNTUK MENGUASAI ISTILAH-ISTILAH ULUM HADIS</b> Suriani Sudi, Farhah Zaidar Mohamed Ramli, Siti Mursyidah Mohd. Zin, Nur Saadah Khair, Rosni Wazir, Phayilah Yama, Nor Musliza Mustafa, Muhamad Azam Najihan Jamaluddin	90
BAB 10	<b>KAJIAN RINTIS TERHADAP KEPERLUAN PEMBANGUNAN APLIKASI MUDAH ALIH E-KAMUS ISTILAH HADIS</b> Siti Mursyidah Mohd Zin, Suriani Sudi, Farhah Zaidar Mohamed Ramli, Rosni Wazir, Phayilah Yama, Nor Musliza Mustafa dan Nur Saadah Khair	97
BAB 11	<b>مفهوم الإعجاز العلمي في الصيام بين منظور السنة النبوية والعلم الطبي في الأمراض المزمنة</b> Phayilah Yama, Farhah Zaidar Mohamed Ramli, Suriani Sudi	105
BAB 12	<b>الولاية العامة للمرأة في ضوء السياسة الشرعية</b> Mukrimah binti Mukhtar	119
BAB 13	<b>THE CONTRIBUTION OF IMAM SHAFI'I AND IMAM MALIK IBN ANAS TO THE FIELD OF ISLAMIC LAW: COMPARATIVE STUDY</b> Tijani Ahmad Ashimi	142
BAB 14	<b>THE REALITY OF JESUS CHRIST IN ISLAMIC WORLDVIEW (QURANIC APPROACH)</b> Tijani Ahmad Ashimi	149
BAB 15	<b>THE INSTITUTION OF MARRIAGE IN ISLAMIC PERSPECTIVE</b> Tijani Ahmad Ashimi	155

## KATA PENGANTAR

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين والصلوة والسلام على سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين.

أما بعد

Rasa syukur tiada hingga dipanjatkan ke hadrat ilahi atas segala limpah kurniaNYA, Universiti Islam Selangor (UIS) menerusi Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI) berjaya menerbitkan buku “Isu-Isu Kontemporari dalam Pengajian Al-Quran dan Al-Sunnah (Siri 5)” versi digital yang memuatkan koleksi kertas kerja yang telah dibentangkan di dalam seminar *International Conference on Islamic Civilizational Studies* (IConICS 2024).

Buku versi digital ini menghimpunkan intisari penulisan hasil penyelidikan berkaitan isu-isu kontemporari dalam bidang pengajian al-Quran dan al-Sunnah melibatkan pelbagai skop dan batasan kajian. Korpus perbincangan antara lain menyentuh isi *maqasid al-Quran*, pengajaran dan pembelajaran hafalan al-Quran dalam talian, pengurusan emosi menurut al-Quran, kefahaman masyarakat tentang al-Quran dan al-Sunnah, aplikasi ICT istilah hadis, mukjizat saintifik ibadah puasa dalam mengubati penyakit menurut al-Sunnah serta kajian berkaitan tokoh tempatan dan antarabangsa dan lain-lain lagi.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada Pengarah dan Ahli Jawatankuasa Pelaksana serta semua pihak yang terlibat dalam proses penerbitan buku digital ini, sama ada atas kapasiti sebagai penerbit, penyunting dan penyumbang artikel. Penglibatan semua pihak merupakan dokongan utama kepada pihak fakulti dan pihak universiti dalam melastarkan pembudayaan ilmu-ilmu pengajian Islam terutama al-Quran dan al-Sunnah agar terus kekal relevan serta berdaya saing sepanjang zaman.

Besar harapan kami agar penerbitan buku versi digital ini dapat menjadi satu wadah diskusi untuk merancakkan lagi momentum kesedaran dan kefahaman masyarakat terhadap isu-isu kontemporari dalam bidang pengajian al-Quran dan al-Sunnah pada masa kini.

Sekian, Salam hormat.

**DR. ROSNI WAZIR**

Dekan,  
Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI)  
Universiti Islam Selangor (UIS)

## PRAKATA

*Bismillahirrahmanirrahim.*

Segala puji bagi Allah SWT dan selawat serta salam ke atas junjungan mulia Rasulullah SAW, ahli keluarga baginda SAW, para sahabat RA, tabiin serta umat Islam seluruhnya. Buku “Isu-Isu Kontemporari dalam Pengajian al-Quran dan al-Sunnah (Siri 5)” versi digital ini mengandungi kompilasi kertas-kerja seminar *International Conference on Islamic Civilizational Studies (IConICS 2024)* yang bertemakan disiplin pengajian al-Quran dan al-Sunnah. Buku digital ini menggabungkan penulisan hasil kajian para penyelidik Institut Pengajian Tinggi (IPT) yang berlatarkan kepakaran dalam bidang al-Quran dan al-Sunnah.

Bab-bab dalam buku digital ini memaparkan data-data penyelidikan yang terperinci menyentuh isu-isu kontemporari berkaitan bidang al-Quran dan al-Sunnah. Rangkuman isu-isu yang dikupas antaranya tertumpu kepada *maqasid al-Quran*, pengajaran dan pembelajaran hafalan al-Quran dalam talian bagi mendepani cabaran era pandemik Covid-19, pengurusan emosi menurut al-Quran, isu berkaitan tokoh, aplikasi ICT istilah hadis dan mukjizat saintifik ibadah puasa dalam mengubati penyakit menurut al-Sunnah dan lain-lain lagi.

Pada kesempatan ini juga, pihak penyunting ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Universiti Islam Selangor (UIS), pihak penerbit iaitu Fakulti Pengajian Peradan Islam (FPPI) dan tidak lupa juga para penulis selaku penyumbang kertas kerja atas segala kerja sama yang dihulurkan untuk memudahkan penerbitan buku versi digital ini.

Besar harapan kami agar buku digital ini membawa manfaat yang besar kepada pembaca terutamanya pelajar, pensyarah, penyelidik dan masyarakat awam.

Sekian, selamat membaca.

**Farhah Zaidar Mohamed Ramli**  
**Muhammad Aizat Syimir**  
**Phayilah Yama**  
Penyunting

## PENDAHULUAN

Al-Quran dan al-Sunnah merupakan dua sumber rujukan terpenting dalam Pengajian Islam. Kedua-dua sumber ini sentiasa menjadi tumpuan kajian dalam kalangan penyelidik bidang Pengajian Islam di peringkat Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia. Penerokaan kajian melibatkan kedua-dua sumber tersebut kekal relevan dan berdaya saing sejajar dengan Islam sebagai agama negara dan penganutnya adalah paling dominan sekali di Malaysia. Justeru sehingga kini, kajian bertemakan skop dan disiplin al-Quran dan al-Sunnah konsisten dihasilkan serta dibentangkan terhadap khalayak dalam pelbagai seminar pada setiap tahun.

Buku ‘Isu-Isu Kontemporari dalam Pengajian al-Quran dan al-Sunnah (Siri ke 5)’ versi digital ini tidak terkecuali sebagai kelangsungan siri yang menghimpunkan bab-bab penulisan bertemakan penyelidikan dalam pengajian al-Quran dan al-Sunnah. Bab-bab penulisan ini merupakan suntingan daripada kertas-kerja yang pada asalnya telah dibentangkan dalam seminar *Islamic Conference on Islamic Civilisation Studies* (IconICS 2024) anjuran Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), Universiti Islam Selangor (UIS) yang diadakan pada 7 Ogos 2024 di Hotel Movenpick KLIA, Malaysia. Tema utama seminar kali ini adalah “Pengajian Islam Melestarikan Keharmornian Masyarakat”. Pengajian al-Quran dan al-Sunnah merupakan salah satu sub tema yang diketengahkan dalam seminar tersebut.

Buku versi digital ini memuatkan bab-bab penulisan yang meliputi pelbagai aspek berkaitan isu-isu kontemporari yang mempunyai hubung kait dengan pengajian al-Quran dan al-Sunnah. Justeru kandungan buku ini istimewa dalam mengupas dan membincarakan permasalahan, penyelesaian serta hasil kajian berlandaskan metodologi ilmiah menurut kacamata bersumberkan wahyu al-Quran dan al-Sunnah. Dengan itu, buku digital ini diharapkan dapat menjadi naskhah bermutu untuk rujukan pelajar, pensyarah, penyelidik serta masyarakat awam.

# BAB 1

## PENGISLAHAN MASYARAKAT DALAM KERANGKA *MĀQĀṢID AL-QUR’ĀN*: SOROTAN TERPERINCI TERHADAP PANDANGAN ULAMA

Muhammad Aizat Syimir Rozani<sup>1</sup>, Abur Hamdi Usman<sup>1</sup> & Mohd Farid Ravi Abdulllah<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Universiti Islam Selangor (UIS)

### Pengenalan

Agama Islam sangat menitikberatkan aspek keselamatan dan keharmonian dalam kehidupan penganutnya. Hal ini selari dengan fitrah manusia yang menginginkan ketenangan hidup dan dijauhkan daripada keserabutan. Misalnya, ketenangan jiwa, keselamatan diri, keluarga, dan harta serta keharmonian dalam masyarakat yang berbeza adat, budaya mahupun agama. Sekiranya dapat dicapai segala kemahuan ini sudah pasti memberikan kehidupan yang bermakna buat seseorang individu (Sulthani, 2021). Rentetan itu, Allah SWT selaku Tuhan yang mencipta dan mengetahui perihal hamba-Nya sangat menekankan aspek pengislahan masyarakat bagi menjamin kehidupan yang selesa. Kehendak Allah SWT ini menjadi *maqāṣid al-Qur’ān* (objektif al-Quran) yang termaktub di dalam kitab suci-Nya. Para ulama pengkaji al-Quran turut membahaskan *maqṣad* Allah SWT ini di dalam karya ilmiah mereka (Usman & Kadir, 2020).

Sehubungan dengan itu, artikel ini menganalisis aspek pengislahan masyarakat dalam kerangka *maqāṣid al-Qur’ān* menurut pandangan ulama terpilih. Kajian ini menggunakan metode kualitatif dengan pendekatan analisis kandungan karya ulama yang membincangkan *maqāṣid al-Qur’ān* khususnya yang berkaitan dengan usaha untuk mengislah masyarakat. Berdasarkan perbahasan tersebut, kajian mendapati al-Quran menyebut lafaz *īslāh* sebanyak tujuh ayat (al-Baqarah [2]: 220 & 228, al-Nisā [4]: 35 & 114, al-A‘raf [7]: 56 & 85, Hūd [11]: 88) (‘Abd al-Bāqī, 1996) yang menurut pandangan ulama dapat membuktikan kecaknaan agama Islam terhadap urus tadbir di peringkat komuniti dan bukan terhad kepada aspek rohani dan spiritual sahaja. Malah idea pengislahan masyarakat yang berteraskan kepada *maqāṣid al-Qur’ān* ini dapat memberikan sudut pandang usaha yang berlandaskan kepada kehendak Allah SWT dan bukan mengikut kehendak manusia yang tidak lekang daripada kesalahan dan kepentingan peribadi. Oleh itu, pengislahan masyarakat sepatutnya berkiblatkan kepada *maqāṣid al-Qur’ān* seperti yang diinginkan sendiri oleh Allah SWT melalui ayat-ayat suci al-Quran. Pengislahan masyarakat ini sekali gus dapat menatijahkan komuniti yang harmoni dan bahagia.

### Definisi *Maqāṣid Al-Qurān* menurut Pandangan Ulama

*Maqāṣid al-Qurān* merupakan gabungan dua perkataan iaitu “*Maqāṣid*” dan “*Al-Qurān*”. Perkataan *maqāṣid* pada sudut bahasa mempunyai banyak makna antaranya bermaksud mendapatkan sesuatu seperti yang dinyatakan oleh Ibn Fāris (2002) dalam kamusnya *Maqāyīs al-Lughah*. *Maqāṣid* juga membawa maksud pertengahan seperti yang dinyatakan oleh al-Nasafī (1998) ketika mentafsirkan ayat ke-19 dalam surah Luqmān [31]. Begitu juga al-Ṭabarī (2001) dalam mentafsirkan ayat ke-9 dalam surah al-Nahl [16], beliau merujuk perkataan *al-Qaṣd* kepada jalan yang lurus.

Pada sudut istilah pula, Hāmidī (2008) mendefinisikan *maqāṣid al-Qurān* sebagai tujuan yang diturunkan oleh al-Quran demi memastikan maslahah buat para hamba Allah SWT. Al-Muntār (2013) pula memberikan definisi *maqāṣid al-Qurān* yang lebih terperinci dengan menjelaskan bahawa ia merupakan himpunan makna, hikmah dan tujuan yang terdapat di dalam al-Quran seperti pada surah-surah, ayat-ayat, potongan-potongan (*al-Fawāṣil*), juzuk-juzuk dan hizib-hizib al-Quran. Himpunan makna, hikmah dan tujuan ini membentuk kehendak Allah SWT dalam penurunan al-Quran terhadap para mukallaf sama ada di dunia atau akhirat (Al-Muntār, 2013).

Kaitan di antara definisi *maqāṣid* pada sudut bahasa dan juga definisi *maqāṣid al-Qurān* dilihat sangat signifikan. Hal ini kerana, *maqāṣid al-Qurān* berusaha untuk mendapatkan sesuatu iaitu kemaslahatan hamba Allah SWT sama ada di dunia dan akhirat (Mufid, 2020). Justeru, *maqāṣid al-Qurān* hanya akan diperoleh melalui cara yang pertengahan dan lurus tanpa terpesong daripada jalan yang sebenar; iaitu berpandukan kepada kehendak Allah SWT yang dipamerkan dalam setiap penurunan ayat-ayat suci al-Quran.

## **Pengislahan Masyarakat Menurut Perspektif Al-Quran**

Perkataan *al-Islāḥ* (الصلاح) mempunyai akar kata yang berasal daripada gabungan huruf *hijā’iyah* ح - ل - ح (Ṣād - Lām - Ḥā'). Hasil carian istilah yang berasal daripada akar kata ini telah menemui lapan bentuk perkataan yang berasal daripada “Ṣād - Lām - Ḥā”. Lapan bentuk perkataan ini dapat ditemui di dalam al-Quran pada 180 tempat seperti di Jadual 1:

Jadual 1: Perkataan berasal daripada akar kata ح - ل - ح dalam al-Quran

ح - ل - ح							
صلح	اصلاح	مصلحة	صالحت	صالح	صالح (الني)	اصلح	صلح
2	7	5	62	65	9	28	2
Jumlah keseluruhan: 180 tempat							

Sumber: <https://corpus.quran.com/qurandictionary.jsp?q=SIH>

Namun, hanya tiga perkataan yang mempunyai kaitan secara langsung dengan perkataan islah iaitu kata kerja “*Aṣlaḥa*” (28 tempat), kata nama “*Muṣliḥ*” (5 tempat) dan kata dasar “*Islāḥ*” (7 tempat) dengan jumlah keseluruhan 40 tempat. Tujuh perkataan islah di dalam al-Quran adalah pada surah al-Baqarah [2]: 220 & 228, surah al-Nisā [4]: 35 & 114, surah al-A’raf [7]: 56 & 85, dan surah Hūd [11]: 88.

Islah merupakan perkataan berlawanan dengan kemusnahan (*al-Fasād*) (Ibn Fāris, 2002). Malah, perkataan islah selalu beriringan dengan perkataan *al-Fasād* atau *al-Sayyi’ah* (keburukan) (Al-Rāghib Al-Asfahānī, 1992). Al-Zamakhsharī (1998) di dalam tafsirnya mendefinisikan islah sebagai satu usaha untuk menghasilkan suasana yang baik dan bermanfaat. Manakala Ibn Bādīs (2002) pula memberikan definisi islah yang lain iaitu satu usaha untuk mengembalikan sesuatu perkara kepada keadaan asalnya yang baik dengan menghapuskan segala keburukan padanya. Berdasarkan kepada dua pentakrifan ini, Rozani et al. (2022) merumuskan bahawa perbuatan islah mencakupi dua usaha yang perlu dilaksanakan bersama iaitu menghapuskan sebarang keburukan dan mengembalikannya pada keadaan asal yang baik.

Ibn ‘Āshūr (2004) di dalam kitabnya “*Maqāṣid al-Shari‘ah al-Islāmiyyah*” menyatakan bahawa syariat Islam sangat mengutamakan usaha pengislahan yang merupakan salah satu daripada kehendak (*maqāṣid*) syariat Allah SWT. Tambahan pula, *maqāṣid* Allah SWT dalam usaha pengislahan ini mencakupi pelbagai aspek seperti pengislahan akidah, pengislahan syariah, pengislahan peribadi, pengislahan masyarakat, pengislahan kehidupan dan pengislahan hubungan (Al-Nāṣirī, 1985)

Dalam konteks pengislahan masyarakat menurut perspektif al-Quran, Allah SWT memberikan galakan untuk melakukannya serta menjanjikan kebaikan yang pelbagai buat manusia. Sehubungan itu, Allah SWT memberikan perintah untuk melakukannya seperti yang dinyatakan dalam surah al-Anfāl [8], ayat pertama. Menurut al-Sha'rawī (1997), keimanan yang sebenar adalah dengan ketaatan kepada Allah serta Rasul-Nya pada setiap perkara dan antaranya adalah melalui pengislahan di antara manusia. Hal ini turut dinyatakan dalam ayat al-Quran yang lain pada surah al-Hujurāt [49], ayat ke-10.

Allah SWT juga memberikan pujian ke atas usaha pengislahan masyarakat serta meletakkan ia sebaris dengan amalan baik yang lain seperti memberi sedekah dan membuat perkara makruf. Hal ini dinyatakan oleh Allah SWT dalam surah al-Nisā' [4], ayat ke-114. Menurut al-Rāzī (1997), tiga amalan ini merupakan amalan kebaikan yang memberikan manfaat kewangan seperti sedekah, manfaat rohani seperti berbuat makruf dan juga menghapuskan kemudaratan dengan cara melakukan islah di antara manusia.

Masyarakat yang harmoni dan beriman juga memilih untuk melakukan islah sesama mereka berbanding mengekalkan diri dalam suasana pergaduhan dan pertelingkahan. Hal ini digambarkan oleh Allah SWT dalam isu rumah tangga suami dan isteri seperti di dalam ayat ke-128 pada surah al-Nisā' [4]. Menurut al-Sa'dī (2002) berbaik di antara satu sama lain adalah lebih baik berbanding berada dalam pergaduhan kerana perasaan kasih sayang serta kemaafan berada dalam semangat melakukan pengislahan. Hal ini sudah pasti dengan bersyarat iaitu selagi mana tidak menghalalkan yang haram mahupun mengharamkan yang halal (Al-Sa'dī, 2002).

Pengislahan masyarakat dalam konteks al-Quran juga menjadikan tanggungjawab ini sebagai salah satu daripada amanah yang dipikul oleh para nabi terhadap kaum mereka yang melakukan kefasadan di atas muka bumi. Hal ini dapat dilihat dalam kisah Nabi Shu'ayb AS dan kaumnya yang dipanggil kaum Madyan (Al-Khālidī, 1998). Nabi Shu'ayb diutuskan untuk mengislah masyarakatnya dengan seruan tauhid serta peringatan agar tidak melakukan kerosakan di atas muka bumi seperti yang dinyatakan dalam surah al-'Ankabūt [29], ayat ke-36. Para Nabi secara umumnya memfokuskan kepada pengislahan akidah masyarakat mereka. Hal ini kerana pengislahan akidah sekaligus akan membawa kepada pengislahan kehidupan yang turut melibatkan aspek keperibadian dan akhlak (Hanafī, 1995). Walau bagaimanapun, amanah ini tidak hanya ditanggung oleh para Nabi sahaja akan tetapi menjadi legasi yang diturunkan kepada semua umat Islam untuk bermula dengan pengislahan diri yang akhirnya akan membawa kepada pengislahan masyarakat (Muhyi, 2021).

Kesimpulannya, pengislahan masyarakat merupakan satu tanggungjawab yang dituntut oleh Allah SWT dengan janji kebaikan yang pelbagai (Abdul Hamid & Jalani, 2010). Perintah pengislahan masyarakat ini merupakan manifestasi terhadap ketaatan kepada Allah SWT dan Rasulullah SAW. Usaha pengislahan yang merangkumi amalan baik lain seperti sedekah dan perbuatan makruf merupakan amalan yang membawa memberikan manfaat pada sudut rohani, ekonomi dan memastikan kemudaratan dihapuskan. Malah ia turut dipuji oleh Allah SWT. Pengislahan masyarakat merupakan tanggungjawab para Nabi seterusnya diamanahkan kepada seluruh umat Islam.

### **Pengislahan Masyarakat dalam Kerangka *Maqāṣid Al-Qurān* Menurut Para Ulama**

Para ulama yang membahaskan berkaitan *maqāṣid al-Qurān* mempunyai pengkategorian yang tersendiri. Namun begitu, kategori *maqāṣid al-Qurān* yang berbeza di antara satu sama lain ini mempunyai persamaan dan dapat dihimpunkan bersama. Melalui teori *maqāṣid al-Qurān* para ulama ini, kajian dapat mengenalpasti elemen pengislahan masyarakat dalam kerangka perbahasan *maqāṣid al-Qurān*. Berikut merupakan antara pandangan para ulama berkaitan pengislahan masyarakat dalam kerangka *maqāṣid al-Qurān*.

Abū Ḥāmid al-Ghazālī (1990) di dalam kitabnya bertajuk “*Jawābir al-Qurān*” telah membicarakan tentang *maqāṣid al-Qurān* pada bab ketiga yang dinamakan “huraian *maqāṣid al-Qurān*”. Menurut al-Ghazālī (1990), *maqāṣid al-Qurān* terbahagi kepada dua bahagian; primer dan sekunder. *Maqāṣid al-Qurān* yang sekunder bertujuan untuk melengkapi *maqāṣid al-Qurān* yang primer. *Maqāṣid al-Qurān* primer merujuk kepada pengenalan kepada Allah SWT, jalan yang lurus dan situasi ketika sampai kepada Allah SWT atau difahami dengan hari akhirat. Manakala *maqāṣid al-Qurān* sekunder pula menyentuh aspek pengenalan kepada keadaan orang beriman, keadaan orang kafir dan langkah-langkah persediaan untuk berjumpa Allah SWT.

Pengislahan masyarakat dalam kerangka *maqāṣid al-Qurān* menurut al-Ghazālī dalam “*Jawābir al-Qurān*” dapat dilihat pada *maqāṣid al-Qurān* sekunder yang ketiga iaitu pengenalan kepada langkah-langkah persediaan untuk berjumpa Allah SWT. Langkah-langkah ini dapat dilaksanakan dengan dua keadaan iaitu secara memperoleh maslahah dan menjauhi mafsadah. Menurut al-Ghazālī (1990), manusia tidak boleh menjalani kehidupan secara menyalahi syariat yang akhirnya akan membawa kepada kehancuran. Justeru, syariat telah meletakkan undang-undang dalam kehidupan manusia seperti dalam urusan jual beli, hutang, pewarisan harta, nafkah, nikah, penyusuan bayi dan lain-lain lagi. Hal ini adalah bertujuan untuk memastikan pengislahan masyarakat dapat dilaksanakan berpandukan kepada kehendak Allah SWT serta memastikan maslahah masyarakat dapat dipelihara. Manakala langkah-langkah yang dapat menjauhi mafsadah pula adalah dengan meletakkan hukuman terhadap kesalahan-kesalahan yang melanggar syariat seperti hukuman hudud, denda, takzir, kafarah, qisas dan lain-lain lagi.

Rashīd Riḍā (1984) antara yang membicarakan tentang *maqāṣid al-Qurān* dalam kitabnya yang berjudul “*Al-Wahyū Al-Muḥammadi*”. Pada topik yang kelima, Riḍā (1984) telah menyenaraikan sepuluh *maqāṣid al-Qurān*. Pertama, *maqāṣid al-Qurān* pada penerangan berkaitan hakikat tiga rukun agama iaitu iman kepada Allah SWT, Hari Kebangkitan dan Pembalasan serta amalan soleh. Kedua, *maqāṣid al-Qurān* pada menerangkan tentang kenabian, risalah dan tanggungjawabnya. Ketiga, *maqāṣid al-Qurān* pada menerangkan kesempurnaan insan sama ada individu dan masyarakat. Keempat, *maqāṣid al-Qurān* dalam pengislahan insan di peringkat masyarakat, politik dan negara. Kelima, *maqāṣid al-Qurān* dalam menetapkan ciri-ciri asas Islam berbentuk tanggungjawab individu seperti perkara-perkara yang wajib dan haram. Keenam, *maqāṣid al-Qurān* dalam menerangkan hukum hakam berkaitan politik kenegaraan. Ketujuh, *maqāṣid al-Qurān* dalam bentuk petunjuk ke arah pengislahan harta. Kelapan, *maqāṣid al-Qurān* pada pengislahan undang-undang peperangan dan falsafahnya. Kesembilan, *maqāṣid al-Qurān* dalam pemberian hak kepada wanita. Kesepuluh, *maqāṣid al-Qurān* dalam pembebasan hamba.

*Maqāṣid al-Qurān* yang keempat secara jelas menyentuh berkaitan *maqāṣid al-Qurān* dalam pengislahan masyarakat. Justeru ini memberikan gambaran tentang pengislahan masyarakat dalam kerangka *maqāṣid al-Qurān* menurut Rashīd Riḍā dalam “*Al-Wahyū Al-Muḥammadi*”. Menurut Riḍā (1984), pengislahan masyarakat dapat dilaksanakan dengan penyatuan masyarakat yang dibahagikan kepada lapan aspek penyatuan masyarakat. Antaranya, kesatuan umat seperti yang dinyatakan dalam surah al-Anbiyā’ [21], ayat ke-92. Seterusnya, kesatuan kedudukan manusia dengan tiada kelebihan antara satu individu dengan individu yang lain melainkan ketaqwaaan. Selanjutnya, kesatuan agama dengan mengikut ajaran Rasul SAW. Kemudian, kesatuan pensyariatan yang bersifat adil dengan memberikan syariat kepada yang mukmin dan kafir, baik dan jahat, kaya dan miskin serta lain-lain lagi. (Riḍā, 1984) turut menyenaraikan aspek politik, ekonomi, peperangan, isu-isu wanita serta kemerdekaan hamba sebagai salah satu daripada *maqāṣid al-Qurān* sekaligus melibatkan proses pengislahan masyarakat.

Mahmūd Shaltūt (1983) di dalam kitabnya bertajuk “*Ila al-Qurān al-Karīm*” turut menyentuh topik *maqāṣid al-Qurān* serta membahagikannya kepada tiga iaitu akidah, akhlak dan hukum.

Pengislahan masyarakat dalam konteks *maqāṣid al-Qurān* menurut Maḥmūd Shaltūt (1983) dapat dilihat pada aspek akhlak. Hal ini kerana akhlak dapat menyucikan diri manusia sama ada di peringkat individu atau masyarakat serta menguatkan semangat persaudaraan dan tolong menolong sesama insan. Komponen akhlak yang penting adalah seperti sabar, menunaikan janji, berlemah lembut dan lain-lain lagi yang sifat yang memancarkan bukti keimanan kepada Allah SWT.

Ibn ‘Āshūr (1984) di dalam tafsirnya “*Al-Tahrīr wa Al-Tanwīr*” turut menyenaraikan *maqāṣid al-Qurān* seperti Pengislahan Akidah yang Sahih, Akhlak, Hukum, Pentadbiran Masyarakat, Kisah Teladan dan Berita Umat Terdahulu, Pendidikan yang bersesuaian dengan keadaan zaman, Ancaman dan Khabar Gembira serta I’jaz al-Quran.

Perbahasan Ibn ‘Āshūr (1984) terhadap *maqāṣid al-Qurān* berkaitan Pentadbiran Masyarakat membincangkan berkaitan kehendak Allah SWT dalam memastikan kemaslahatan umatnya dan menjaga undang-undang masyarakat agar terpelihara. Misalnya petunjuk Allah SWT agar membina kesatuan dalam masyarakat seperti yang dinyatakan dalam surah Ālī ‘Imrān [3] ayat ke-103 dan surah al-An‘ām [6] ayat ke-159. Seterusnya, *maqāṣid al-Qurān* berbentuk peringatan juga mempunyai kaitan dengan usaha pengislahan masyarakat. Hal ini kerana al-Quran mempunyai ayat-ayat berbentuk ancaman dan juga berita gembira yang dinamakan sebagai “*al-Targhib wa al-Tarhib*”.

*Maqāṣid al-Qurān* menurut al-Ṣadīq (1982) pula terbahagi kepada lapan iaitu tauhid, akidah, agama, pensyariatan, ibadah, kisah-kisah al-Quran, i’jaz al-Quran dan undang-undang kemasyarakatan. Perbahasan berkaitan undang-undang kemasyarakatan menyentuh aspek kesamarataan dan tolong menolong dalam Islam, kelebihan di antara manusia, cara berinteraksi sesama manusia, melaksanakan amanah dan keadilan dalam hukum hakam. Usaha-usaha ini adalah demi untuk merealisasikan pengislahan masyarakat yang menjadi tuntutan Allah SWT.

Yūsuf al-Qaraḍāwī (1991) di dalam kitabnya “*Kayf Nata‘āmal Ma‘a Al-Qurān*” juga membahaskan tentang *maqāṣid al-Qurān* dan membahagikannya kepada tujuh *maqāṣid*. Pengislahan masyarakat dalam konteks *maqāṣid al-Qurān* menurut Yūsuf al-Qaraḍāwī (1991) dapat dilihat dalam usaha beliau membincangkan berkaitan seruan untuk menyucikan diri manusia. Melalui firman Allah SWT dalam surah al-Shams [91] ayat ke-7 hingga 10, Yūsuf al-Qaraḍāwī (1991) menyatakan bahawa memilih jalan untuk menyucikan diri merupakan satu pilihan bagi orang yang berjaya. Yūsuf al-Qaraḍāwī (1991) juga menyatakan antara *maqāṣid al-Qurān* adalah melalui pembentukan keluarga dan keadilan perempuan. Ia merupakan syariat Allah SWT yang menyuruh untuk membina keluarga yang soleh dan solehah serta mampu menghasilkan masyarakat yang soleh. Seterusnya, pembinaan umat juga merupakan *maqāṣid al-Qurān* (Yūsuf al-Qaraḍāwī, 1991). Ia merupakan usaha untuk membentuk umat yang mengimplementasikan risalah Allah SWT dan mengasaskan kehidupan manusia di atas akidah dan syariat yang ditetapkan.

Ḩāmidī (2008) membahagikan *maqāṣid* kepada am dan khas. Dalam membincarkan soal *maqāṣid* yang umum, Ḥāmidī (2008) menyatakan antaranya pengislahan masyarakat yang merujuk kepada pengislahan keluarga, harta dan hukuman. Pengislahan keluarga merujuk kepada undang-undang kekeluargaan yang melibatkan perkahwinan yang sah dan sejahtera serta perpisahan ketika darurat menurut undang-undang talak di dalam Islam. Pengislahan harta merujuk kepada cara-cara pemilikan dan pendapatan serta penjagaan harta daripada menjadi punca kerosakan. Pengislahan hukuman pula merujuk kepada undang-undang berkaitan hukuman serta pelaksanaannya berdasarkan kepada garis panduan syariah demi untuk memastikan objektif syariah tersebut tercapai di peringkat individu dan masyarakat.

Berdasarkan kepada pandangan para ulama di atas, dapat disimpulkan bahawa usaha pengislahan masyarakat dalam kerangka *maqāṣid al-Qurān* merangkumi pelbagai pendekatan yang dibincangkan oleh para ulama berdasarkan tafsiran mereka terhadap *maqāṣid al-Qurān*. Pendekatan

pengislahan masyarakat dalam kerangka *maqāṣid al-Qurān* menurut pandangan ulama dapat disimpulkan seperti berikut:

1. **Membina keluarga dan umat yang harmoni:** Hal ini dengan memulakan pembinaan individu yang soleh sekaligus melahirkan keluarga dan masyarakat yang soleh serta membina masyarakat berdasarkan akidah dan syariat yang diajar oleh Rasul SAW.
2. **Meningkatkan kualiti akhlak melalui penyucian diri:** Hal ini dengan menyucikan diri individu dan masyarakat melalui sifat-sifat mahmudah untuk mencapai kejayaan serta menguatkan semangat persaudaraan sesama masyarakat.
3. **Memastikan kemaslahatan masyarakat dicapai dan menghindarkan mafsadah:** Hal ini dengan melaksanakan undang-undang syariah dalam urusan kehidupan, menetapkan hukuman terhadap kesalahan yang melanggar syariat, memastikan kemaslahatan umat dengan membina kesatuan dan menjaga undang-undang masyarakat serta memberikan peringatan melalui ayat-ayat ancaman dan berita gembira.
4. **Memastikan kemaslahatan keluarga, harta dan hukuman dalam masyarakat:** Hal ini dengan memastikan pensyariatan berkaitannya mencapai objektif syariah di peringkat individu dan masyarakat.
5. **Menyatukan masyarakat dan menjamin keadilan:** Hal ini dengan mengutamakan kesatuan umat tanpa perbezaan, mengikut ajaran Rasul SAW dalam pensyariatan, menekankan kesamarataan, tolong-menolong, dan keadilan dalam hukum hakam serta menangani isu politik, ekonomi, wanita, dan kemerdekaan hamba dalam konteks syariah.

## Kesimpulan

Artikel ini telah menjawab objektif kajian yang ditetapkan iaitu dengan menganalisis aspek pengislahan masyarakat dalam kerangka *maqāṣid al-Qurān* menurut pandangan ulama terpilih. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa *maqāṣid al-Qurān* bertujuan untuk mencapai kemaslahatan hamba Allah SWT baik di dunia maupun akhirat. Seterusnya, al-Quran menjelaskan bahawa pengislahan masyarakat merupakan tanggungjawab yang dituntut oleh Allah SWT, mencerminkan ketaatan kepada-Nya dan Rasulullah SAW serta membawa kemaslahatan kepada rohani, ekonomi, dan sosial. Pendekatan pengislahan masyarakat yang disarankan oleh ulama menurut kerangka *maqāṣid al-Qurān* merangkumi pembinaan keluarga dan umat yang harmoni, peningkatan kualiti akhlak melalui penyucian diri, memastikan kemaslahatan dan menghindari mafsadah, serta menjamin keadilan dalam masyarakat.

## Rujukan

- 'Abd al-Bāqī, M. F. (1996). *Al-Mu'jam Al-Mufabras li Alfāz Al-Qur'ān*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Abdul Hamid, F. F., & Jalani, H. (2010). Beberapa Pandangan Mengenai Islam dari Perspektif Parti Politik Melayu. *Journal of Al-Tamaddun*, 5(1), 117–130. Retrieved from <https://ijie.um.edu.my/index.php/JAT/article/view/8540>
- Al-Ghazālī, A. Ḥāmid. (1990). *Jawābir Al-Qurān*. Beirut: Dār Ihyā' al-'Ulūm.
- Al-Khālidī, Ṣalāḥ. (1998). *Al-Qaṣaṣ Al-Qurānī: 'Arḍ Waqā'i' Wa Taḥlīl Aḥdāth*. Beirut: Al-Dār Al-Shāmiyyah.
- Al-Muntār, M. (2013). Al-Idrāk Al-Maqāṣidī Muḥaddidun Min Muḥaddidāt Tadabbur Al-Qurān Al-Karīm. *Al-Mu'tamar Al-'Ālamī Al-Awwal Li Tadabbur Al-Qurān Al-Karīm*. Doha.
- Al-Nasafī, A. A.-B. 'Abdullah bin A. bin M. Ḥāfiẓ al-D. (1998). *Maṭārik Al-Tanzil Wa Haqā'iq Al-*

- Ta'wil*. Beirut: Dār al-Kalim al-Tayyib.
- Al-Nāṣirī, M. al-M. (1985). *Al-Taysir Fī Aḥādīth al-Tafsīr*. Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī.
- Al-Rāghib Al-Aṣfahānī, A.-Ḥusayn bin M. (1992). *Al-Mufradāt Fi Gharib al-Qurān*. Beirut: Dār al-Qalam.
- Al-Rāzī, M. bin ‘Umar F. al-D. (1997). *Mafātiḥ al-Ghayb*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Ṣadīq, M. al-Ṣāliḥ. (1982). *Maqāṣid Al-Qurān*. Damsyik: Dār al-Ba‘th.
- Al-Sa‘dī, ‘Abd al-Rahmān bin Nāṣir. (2002). *Tafsīr Al-Karīm Al-Rahmān Fi Tafsīr Kalām Al-Mannān*. Riyadh: Dār al-Salām .
- Al-Sha‘rāwī, M. M. (1997). *Tafsīr Al-Sha‘rāwī*. Kaherah: Maṭābi‘ Akhbār Al-Yaum.
- Al-Ṭabarī, M. bin J. (2001). *Jāmi‘ al-Bayan ‘an Ta’wil Āyi Al-Qurān*. Kaherah: Dār Hijr.
- Al-Zamakhsharī, A. A.-Q. M. bin ‘Umar. (1998). *Al-Kashshaf ‘An ḥaqā‘iq Ghawāmid Al-Tanzīl Wa ‘Uyūn Al-Aqāwīl Fī Wujūh Al-Ta’wil*. Riyad: Maktabat al-‘Abīkān.
- Ḩāmidī, A. al-K. (2008). *Maqāṣid Al-Qurān min Tashri‘ al-Āḥkām*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Ḩanafī, ‘Abd al-Ḥalīm. (1995). *Uslūb Al-Muḥāwarah Fī Al-Qurān Al-Karīm*. Kaherah: Al-Hay’ah Al-Miṣriyyah Al-‘Āmmah Li Al-Kitāb.
- Ibn Bādīs, ‘Abd al-Ḥamīd bin Muḥammad. (2002). *Tafsīr Ibn Bādīs Fī Majālis Al-Tadhkīr Min Kalām Al-Ḥakīm Al-Khabīr*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Fāris, A. (2002). *Maqāyīs al-Lughah*. Damsyik: Ittiḥād al-Kitāb al-‘Arab.
- Ibn ‘Āshūr, M. al-Ṭāhir. (1984). *Al-Tahīr wa al-Tanwīr*. Tunisia: Al-Dār al-Tūnisiyyah li al-Nashr.
- Ibn ‘Āshūr, M. al-Ṭāhir. (2004). *Maqāṣid Al-Shari‘ah Al-Islāmiyyah*. Doha: Wizārat al-Awqāf Wa al-Shu‘ūn al-Islāmiyyah bi Qaṭar.
- Mahmūd Shaltūt. (1983). *Ila Al-Qurān Al-Karīm*. Kaherah: Dār al-Shurūq .
- Mufid, A. (2020). Mengukur Metode Penggalian Maqasid Al-Quran Perspektif Muhammad Al-Ghazali (1996 M/1416 H). *Dialogia: Jurnal Studi Islam Dan Sosial*, 18(1), 39–58. Retrieved from <https://jurnal.iainponorogo.ac.id/index.php/dialogia/article/view/2036>
- Muhyi, A. Z. (2021). Al-Iṣlāḥ Fī Al-Qurān Al-Karīm: Al-Nabi Shu‘ayb Unmūdhajan. *Journal of Educational and Human Sciences*, 5, 1–15.
- Riḍā, M. R. (1984). *Al-Wahy Al-Muḥammadi*. Beirut: Mu’assasah ‘Izz al-Dīn.
- Rozani, M. A. S., Abdullah, M. F. R., Azizan, N. I., & Hasan, Y. (2022). Al-Iṣlāḥ Menurut Muḥammad Al-Makkī Al-Nāṣirī dan Penerapannya dalam Mendepani Fasa Endemik. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 7(2), 972–981. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v7i2.345>
- Sulthani, D. A. (2021). Internalisasi Pendidikan Agama dalam Membentuk Masyarakat Madani. *Tarbiyatuna: Jurnal Pendidikan Islam*, 14(1), 87–100. <https://doi.org/https://doi.org/10.36835/tarbiyatuna.v14i1.813>
- Usman, A. H., & Kadir, M. N. A. (2020). Discussion on the Maqāṣ id al- Qur ’ān : Classical and Contemporary Intellectual Response [ Wacana Maqāṣ id al- Qurān : Respon Intelektual Klasik dan Kontemporer ]. *Al-Irsyad*, 5(1), 188–196.
- Yūsuf al-Qaraḍāwī. (1991). *Kayf Nata‘āmalu Ma`a Al-Qurān*. Virginia: Al-Ma‘had Al-‘Ālamī Li Al-Fikr Al-Islāmī.

## BAB 2

### KAEDAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP) HIFZ AL-QURAN SECARA DALAM TALIAN: SATU ANALISIS

Abdul Hadi Awang,<sup>1</sup> Muhammad Aizat Syimir,<sup>1</sup> Wan Ramizah Hassan<sup>1</sup> & Mohd Norzi Nasir<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Universiti Islam Selangor (UIS)

#### Pendahuluan

Pada tanggal 16 Mac 2020, kerajaan Malaysia telah mengumumkan bahawa satu peraturan dikuatkuasakan secara serta-merta iaitu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat dilanda penyakit coronavirus (COVID-19). Dengan itu, semua organisasi sama ada kerajaan ataupun swasta perlu akur dan menutup operasi mereka bermula jam 12.00 tengah malam pada 18 Mac 2020 sehingga 31 Mac 2020. Arahan ini terpaksa dilaksanakan kerana penularan COVID-19 di Malaysia semakin meningkat naik. Merujuk kepada laporan Majlis Keselamatan Negara (MKN), semua rakyat dinasihatkan untuk mengamalkan ciri-ciri keselamatan dan kesihatan yang tinggi, dengan duduk di rumah sepanjang masa, kecuali dibenarkan untuk keluar sekejap untuk membeli barang-barang keperluan asas. Rakyat disarankan untuk mengamalkan *social distancing* dengan orang sekeliling bagi mengelakkan sebarang penularan penyakit COVID-19 (Majlis Keselamatan Negara, 2020).

Menurut Amani Nawi & Umi Hamidaton (2020), sejak wabak COVID-19 melanda dunia, semua institusi-institusi pendidikan tinggi di seluruh negara telah melaksanakan kaedah pembelajaran dan pengajaran secara dalam talian supaya para pelajar dapat meneruskan proses pengajian seperti biasa bagi mengelakkan penangguhan pengajian memandangkan semester semasa masih berlangsung. Dianggarkan bahawa lebih 421 juta pelajar telah terjejas akibat penutupan institusi pengajian melibatkan 39 buah negara manakala 22 negara mengambil keputusan untuk menutup sebahagian daripada operasi pengajian tempatan mereka (Tam & El Azhar 2020). Dalam hal ini, negara Malaysia tidak terkecuali dalam melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran dalam talian akibat penularan pandemik COVID-19.

#### Kaedah PdP Hifz al-Quran

Pertumbuhan pesat institusi tahniz dikaitkan dengan permintaan tinggi masyarakat setempat terhadap pendidikan berteraskan tahniz al-Quran. ini antara penyebab ibu bapa menghantar anak ke sekolah tahniz untuk mendapatkan pembelajaran tahniz yang juga dikenali sebagai tahniz turath, tahniz awal, pengajian Islam atau tahniz vokasional (Rahim et al., 2021). Proses perancangan penyediaan pengajaran dan pembelajaran merupakan komponen penting dalam sistem pendidikan. Persediaan yang tepat dan menyeluruh dalam bidang pendidikan termasuk tahniz al-Quran boleh menghasilkan pembelajaran yang berkualiti dan berjaya. Seterusnya penguasaan terhadap bahan pengajaran dan pembelajaran yang digunakan akan memberi kesan kepada kualiti pendidikan tahniz al-Quran. Kajian yang dijalankan oleh Rahim et al. (2021) menunjukkan bahawa proses perancangan PdP tahniz mempunyai kaitan dengan keupayaan menghafal pelajar. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penyediaan pelajaran tahniz yang rapi adalah penting dalam menentukan tahap keberkesanan pelajar dalam mengekalkan hafalan. Oleh itu, pengajaran dan pembelajaran tahniz harus dirancang dengan mengambil kira objektif, tempoh, aktiviti dan bahan PdP agar memberi kesan yang ketara terhadap keupayaan menghafal pelajar.

Seiring dengan kajian yang dijalankan oleh Hashim et al. (2021), tahap keupayaan pemikiran kritis didapati pada pelajar di sekolah tahfiz pada semua peringkat akademik, juga sama ada dalam aliran pengajian sains dan agama. Hal ini kerana terdapat pendekatan hafazan "al-fahm" dalam pengajian hafazan al-Quran yang mengarahkan pelajar menganalisis dan memahami maksud dan tafsiran ayat al-Quran yang dipelajari. Kaedah "al-fahm" harus digunakan dalam pembelajaran hifz al-Quran di institusi tahfiz bagi mendapatkan pembelajaran hafazan al-Quran yang berkualiti. Hal ini disokong oleh kajian daripada Hashim dan Tamuri (2012) yang berpendapat bahawa di samping memahami dan menulis, kaedah *talaqqi musyafahah, tasmi'* dan *takrar* perlu diutamakan. Kajian yang dijalankan di Darul Quran JAKIM dan Maahad Tahfiz al-Quran negeri (MTQN) menunjukkan kaedah pengajian tahfiz yang menggunakan komponen *tasmi'* dan *takrar* adalah berkualiti tinggi. Kajian ini juga telah mengenal pasti bahawa tahap kefahaman dan penulisan adalah sederhana, sedangkan tahap *tasmi'* dan *talaqqi musyafahah* agak tinggi dalam kalangan pelajar di Darul Quran JAKIM dan Maahad Tahfiz al-Quran negeri (MTQN).

Seterusnya di dalam kajian Hashim (2015) menyatakan antara kaedah PdP Hifz al-Quran adalah dengan menulis hafazan baru (*jadid*), menulis hafazan terdahulu (*gadim*) dan seterusnya hafazan baru (*jadid*) yang diuji dengan menulis (*tahrir*) dan banyak lagi. Selain itu, di dalam hasil kajian didapati pelajar Diploma Tahfiz Darul Qur'an, JAKIM menunjukkan bahawa kaedah PdP yang digunakan oleh pelajar tahfiz al-Quran adalah lebih baik daripada pelajar kursus lain. Pentingnya memberikan perhatian yang teliti kepada kaedah pembelajaran al-Quran, kerana matlamat pendidikan tahfiz adalah untuk melahirkan pelajar yang cekap dalam pendidikan tahfiz. Oleh yang demikian, menurut Mohamed (2021), penghasilan sebuah modul khas bagi PdP Hifz al-Quran merupakan satu kaedah bagi PdP Hifz al-Quran. Modul yang dihasilkan adalah LIQA (Latihan Intensif Menghafaz Al-Quran) merupakan modul latihan memori yang berkesan bagi memupuk pembangunan hafalan yang berkualiti tinggi dan seterusnya memenuhi objektif pembelajaran PdP Hifz al-Quran.

Menurut Abdullah et al. (2005) turut membincangkan mengenai kaedah yang berkesan untuk mempelajari al-Quran melalui hafazan. Kaedah tersebut adalah melalui bimbingan yang diberikan oleh guru atau tenaga pengajar di institusi tahfiz merupakan kaedah yang berkesan dalam menghasilkan kesan yang mendalam dalam proses menghafaz al-Quran dalam kalangan pelajar. Pentingnya para pengajar dalam mempunyai kefahaman mengenai perkara-perkara yang boleh menyumbang kepada kejayaan pelajar dalam PdP Hifz al-Quran (Hasan et al., 2017).

Pelajar tahfiz bukan sahaja perlu menghafal al-Quran, mereka juga perlu sentiasa memperbaiki bacaan mereka melalui kaedah pembelajaran al-Quran yang dipanggil sebagai kaedah *tasmik* al-Quran. Menurut Ismail et al. (2020), apabila menggunakan kaedah *tasmik*, ayat-ayat al-Quran bukan sahaja lebih mudah dipelajari tetapi juga lebih mudah dibaca. Pelajar sering dikehendaki membaca petikan al-Quran dengan kuat di hadapan rakan sekelas mereka kerana ia merupakan sebahagian daripada PdP di dalam pengajian Islam. Sebarang kesilapan akan dibetulkan segera oleh pengajar. Selepas pelajar selesai membaca, pelajar akan diuji dengan pengetahuan *tajwid*, yang merujuk kepada kaedah-kaedah menghurai abjad Arab, serta maksud tersembunyi tanda-tanda yang mereka temui. Melalui latihan *tasmik* yang dilaksanakan secara bersemuka, pengajar boleh mengetahui pencapaian pelajar, mengklasifikasikan berdasarkan pencapaian pelajar, dan meningkatkan kesedaran pelajar tentang kesalahan membaca dan peluang untuk menambah baik.

Kajian daripada Abdullah et al. (2021) turut membincangkan teknik pembelajaran dan menghafaz ayat Al-Quran terhadap pelajar. Dalam kajian ini menyatakan bahawa aspek persekitaran pelajar seperti status sosioekonomi, lokasi seperti dalam bandar luar bandar dan tahap pendidikan ibu bapa memainkan peranan utama dalam menentukan tahap kemampuan pelajar dalam menghafal ayat-ayat al-Quran. Aspek persekitaran ini juga memberi galakan kepada pelajar untuk menghafal ayat al-Quran. Hal yang demikian, kaedah hafazan Turki Uthmaniyyah

memainkan peranan yang penting terhadap kewujudan segelintir huffaz di Malaysia. Disamping itu, pentingnya pelajar tahniz memilih persekitaran pendidikan yang paling sesuai dengan mereka. Menurut Ab. Jalil et al. (2021), persekitaran *green wall* (GW) dan free-to-play (FTF) memberi kesan positif secara langsung dan tidak langsung kepada persepsi pelajar terhadap alam sekitar seterusnya kepada prestasi keseluruhan pelajar. Persekutuan tempat tinggal tahniz memberi kesan keupayaan pelajar tahniz untuk menghafal al-Quran. Menurut Mustafa dan Basri (2014), beberapa kaedah tradisional yang berkesan telah digunakan untuk mempelajari dan menghafal al-Quran seperti *Talaqqi, Musyafahah, Takrar, Tadarus, Semaan, Tasmik, Tashil, Tarkiz, Tarsikh, Tafaqqud dan Muraja'ah*. Selain itu, kaedah mempelajari ayat-ayat al-Quran menggunakan teknologi membantu dalam hafalan al-Quran. Gabungan pelbagai kaedah yang berkesan dalam PdP Hifz al-Quran akan melahirkan pelajar yang berkompentasi dan berilmu.

Seterusnya menghafal ayat-ayat al-Quran menjadi satu cabaran jika tiada strategi dan kaedah yang sesuai. Oleh itu, menggunakan strategi yang berkesan dan mengikut kaedah yang sesuai dapat membantu pelajar dalam mempelajari dan mengekalkan hafalan ayat al-Quran. Selain itu, terdapat petikan *mutashabihat* di dalam al-Quran yang menjadi cabaran untuk pelajar menghafalnya kerana hampir kesemuanya mempunyai rupa dan bunyi yang sama. Oleh itu, institusi tahniz dan guru perlu menggunakan strategi yang khusus untuk membantu para pelajar mempelajari dan memahami makna setiap ayat-ayat lafaz *mutashabihat*. Walaupun begitu, tidak dapat dipastikan sejauh mana masalah ini boleh ditangani secara menyeluruh di dalam pertubuhan tahniz. Menurut Abd Muhammin Ahmad et al. (2021) didapati tiga strategi yang sering digunakan untuk menghafal al-Quran iaitu memberi penekanan kepada ayat-ayat *mutashabihat* dengan mengulanginya dan mempelajari kaedah untuk memahami ayat-ayat *mutasyabihat* dengan lebih baik. Seterusnya dengan mewujudkan ayat-ayat *mutasyabihat* di dalam buku teks formal untuk dijadikan rujukan pelajar. Kaedah PdP yang khas juga mungkin diperlukan terutamanya pada ayat-ayat *mutasyabihat* yang mencabar untuk difahami dan dihayati oleh para pelajar. Untuk mengatasi masalah ini, menurut Abd Muhammin Ahmad et. al. (2021), adalah pihak pendidikan perlu menyediakan buku teks sebagai rujukan dan panduan pelajar mengenai ayat-ayat *mutasyabihat*.

Berbeza dengan Hashim et al. (2013), berpendapat bahawa kaedah yang digunakan dalam PdP Hifz al-Quran haruslah maju seiring dengan kemajuan teknologi pendidikan. Bagi memastikan pendidikan tahniz terus berada di barisan hadapan dalam pendidikan yang berinovasi, program latihan kakitangan perlu dilaksanakan untuk memberi peluang kepada para pengajar untuk mengemas kini pengetahuan dan kaedah mengajar. Seterusnya di dalam kajian Sulaiman (2018), turut menyatakan kaedah pengajaran tahniz perlu dikemas kini bagi mengikuti perkembangan teknologi terkini dalam sistem pendidikan. Hussin et al. (2021) menyatakan medium teknologi yang digunakan untuk sesi PdP subjek Hifz al-Quran adalah seperti aplikasi *Google Meet, Zoom, WhatsApp* melalui panggilan video, *Telegram, Google Classroom*, dan aplikasi *youtube*. Lebih dari itu, Rahim et al. (2020) juga menyatakan bahawa kaedah yang membantu dalam mempelajari al-Quran adalah menggunakan teknologi di dalam PdP Hifz Al-Quran. Kaedah ini akan memberikan impak positif kepada keupayaan pelajar dalam mempelajari al-Quran. Hal ini kerana pelajar masa kini membesar dalam dunia digital.

Justeru itu, menurut Alias et al. (2020), terdapat beberapa cabaran semasa pelaksanaan PdP Hifz al-Quran secara dalam talian. Antara cabarannya ialah prosedur PdP yang sebelum ini melibatkan komponen secara bersemuka terpaksa dijalankan sepenuhnya dalam talian. Abdullah et al. (2003) juga menekankan bahawa adalah penting dalam PdP ini untuk menilai keberkesanannya dalam mencapai penguasaan tiga elemen ini, iaitu *dars jadid, sabiq, dan taqrir/i‘ādah*.

## Kaedah PdP Hifz Al-Quran Secara Dalam Talian

Ketika dunia dilanda dengan COVID-19, Institusi Pengajian Tinggi di seluruh dunia telah mengadakan pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian. Pendekatan ini mempunyai beberapa kelemahan seperti pelajar kerap lewat menghadiri kelas dan sering gagal menyiapkan tugasan tepat pada masanya. Menurut Syafnan et al. (2022), perubahan dan pembangunan yang ketara diperlukan untuk mengekalkan sistem PdP dalam talian. Perubahan dan perkembangan ini termasuk meningkatkan teknologi pengajar dan pelajar dengan memberikan taklimat sepenuhnya kepada pengajar dan pelajar mengenai PdP secara dalam talian.

Setiap pelajar dalam abad kedua puluh satu berada di bawah tekanan yang kuat untuk menyesuaikan diri dengan pendidikan yang menggunakan teknologi tinggi (Turdieva, 2022). Dalam Institut Pengajian tinggi, infrastruktur pembelajaran secara dalam talian tidak dilaksanakan secara sepenuhnya. Penyertaan pelajar dalam situasi pembelajaran secara maya tidak mencukupi sekiranya pelajar tidak dapat menyesuaikan diri dengan penggunaan teknologi. Pelajar Institut Pengajian Tinggi memerlukan kemahiran ini demi masa hadapan. Menurut Turdieva (2022) lagi, kemajuan teknologi seperti pembelajaran dalam talian mempunyai kesan yang besar di dalam pelbagai aspek. Menjadi tekanan kepada pengajar untuk mahir di dalam penggunaan teknologi baharu, tidak kira sama ada mereka selesa atau tidak mereka perlu mahir dalam pengajaran secara dalam talian untuk keberkesanan proses PdP. Japalding dan Kusnek (2021) PdP secara dalam talian merupakan pembelajaran jarak jauh di antara pengajar dan pelajar. PdP secara dalam talian juga boleh dilaksanakan secara fleksibel dan boleh diakses daripada pelbagai lokasi.

Walaupun wabak COVID-19 menjadi halangan untuk melaksanakan PdP secara bersemuka, PdP masih boleh diteruskan secara dalam talian, (Abu Hasan et al., 2021). Walaupun PdP secara dalam talian menunjukkan tahap keberkesanan yang tinggi, tindakan segera perlu diambil untuk menangani setiap cabaran yang dihadapi oleh pelajar untuk meningkatkan lagi keberkesanan di dalam PdP secara dalam talian. Antara salah satu faktor yang menentukan keberkesanan pembelajaran pelajar adalah gaya pembelajaran pelajar. Di dalam kajian yang dijalankan oleh Wenny & Bansa (2022), terdapat sebahagian besar daripada kalangan pelajar yang mempunyai gaya pembelajaran yang kinestetik. Oleh itu kaedah pembelajaran visual dan auditori, penggunaan buku dan kertas terbukti paling berkesan. Para pengajar dan pelajar dapat menyesuaikan diri dengan kaedah PdP yang dilaksanakan secara dalam talian (Rashed & Hanipah, 2021). Walaubagaimanapun, pengajar menghadapi beberapa cabaran semasa PdP dalam talian dilaksanakan apabila terdapat mempunyai masalah capaian internet yang terhad. Dengan capaian internet yang kuat memudahkan proses dan menghasilkan PdP secara talian yang berkualiti (Riastuti et al., 2022).

Menurut Hairia'an dan Dzainudin (2020), aplikasi *WhatsApp* dijadikan sebagai medium penyampaian PdP yang berkesan semasa fasa pandemik. Para pelajar boleh mendapatkan tugasan mereka dengan menggunakan aplikasi tersebut. Menurut Hassan dan Zulkifli (2022), penggunaan *Google Classroom* merupakan aplikasi terbaru yang dibangunkan oleh Google. Ia direka untuk membantu para pengajar di seluruh dunia dalam proses PdP dan boleh digunakan dari pelbagai lokasi. Lebih dari itu, menurut Rashed dan Hanipah (2021), aplikasi *WhatsApp* dan *Telegram* menjadi medium untuk menyampaikan maklumat, arahan dan bahan latihan kepada pelajar.

Fajar dan Larasati (2022) di dalam kajian mereka menyatakan bahawa kaedah PdP secara dalam talian mempunyai potensi yang baik dalam pengalaman pelajar yang mengikuti kursus Bahasa Inggeris. Kajian ini berdasarkan empat faktor utama yang menyumbangkan kepada keberkesanan PdP secara dalam talian. Faktor tersebut adalah sikap pelajar terhadap penggunaan teknologi,

persepsi pelajar terhadap kemudahan penggunaan sistem teknologi, persepsi pelajar dalam menggunakan sistem teknologi dan tingkah laku pelajar.

Pelaksanaan PdP menggunakan medium teknologi semakin *popular* di dalam kalangan pengajar. Ia selaras dengan objektif yang telah digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia versi ketiga, yang digubal oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) (PPPM 2013-2025). Pelan yang dibentangkan amat menarik kerana ia merupakan sebuah alternatif dalam pendidikan tradisional. Namun pengajar pendidikan Islam menghadapi beberapa cabaran apabila cuba mengaplikasikan medium teknologi di dalam kelas. Pelaksanaan PdP secara dalam talian disebabkan fasa pandemik yang melanda dunia telah diaplikasikan oleh pihak sekolah dengan pantas. Hal ini kerana pendidikan tetap diteruskan walaupun dunia mengalami masalah wabak penyakit (Calamlam et al., 2022). Menurut Zarcone dan Saverino (2022), semasa fasa pandemik, organisasi pelajar di Institut Pengajian Tinggi telah menukar acara dan aktiviti pelajar secara dalam talian. Secara tidak langsung ia telah menambah baik kaedah PdP dalam talian mengikut arus semasa.

## **Analisis Kaedah PdP Hifz Al-Quran Secara Dalam Talian**

Kelebihan PdP Hifz al-Quran secara dalam talian.

Secara umumnya, hasil dapatan kajian ini diambil dari data kualitatif iaitu temu bual bagi menjawab persoalan kajian. Menurut informan 4, pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian ini terdapat pelbagai kemudahan kepada pelajar. Menurut Rozelia Haizah Abd Razak & Nur Farahkhanna Mohd Rusli (2022) menyatakan bahawa dengan kewujudan internet telah memberi kemudahan yang banyak kepada sektor pendidikan. Kemudahan yang diperoleh adalah dari segi kemudahan masa, tenaga dan pencarian maklumat yang mudah diakses pada bila-bila masa dan di pelbagai lokasi. Informan 4 turut menyatakan PdP secara dalam talian membolehkan pelajar menghadiri kelas pada waktu yang fleksibel. Selain itu, PdP secara dalam talian juga memudahkan pengajar untuk meneruskan PdP dengan menggunakan kaedah rakaman video sekiranya mempunyai urusan lain. Hujah Informan 4;

*“dia sebenarnya kalau ikutkan Hifz al-Quran ni dia, tak tahu lah bagi saya ada positif ada negatif untuk buat secara online. Dari segi positif tu, dari segi fleksibel masalah, maksudnya pelajar boleh masuk bila-bila ataupun kalau kat penyarahan ada urusan pun kita boleh gunakan kaedah macam rakam video dan sebagainya kan,”*

**(Transkip temu bual Informan 4)**

Informan 2 juga bersetuju bahawa PdP secara dalam talian ini boleh dilaksanakan pada bila-bila masa sahaja. Pernyataan Informan 2;

*“pro dia, adalah sebab kita boleh implement kelas kita pada bila-bila masa”*

**(Transkip temu bual Informan 2)**

Kesukaran PdP Hifz al-Quran secara dalam talian.

Pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian mempunyai kelebihan dan juga kekurangan. Menurut Riastuti et al. (2022), PdP menjadi sukar sekiranya mempunyai masalah capaian *internet*. Informan 2 menyatakan bahawa PdP bagi subjek Hifz al-Quran adalah sukar untuk dilaksanakan. Pernyataan Informan 2;

*“Semuanya berjalan dengan lancar. Cuma bagi saya pelaksanaan PdP online sedikit sukar.”*

### **(Transkip temu bual Informan 2)**

Menurut Informan 4, dengan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran subjek Hifz al-Quran secara dalam talian tidak dapat menggunakan semua kaedah hafazan al-Quran sepetimana yang dilakukan semasa melaksanakan kelas secara bersemuka seperti *muraja'ah*. Pernyataan Informan 4;

*“Isu utama adalah guru tasmi’ tidak dapat melaksanakan semua kaedah hafazan al-Quran sebagaimana yang dibuat semasa kelas bersemuka, antaranya muraja’ah.”*

### **(Transkip temu bual Informan 4)**

Selain itu, menurut Informan 4 terdapat kesukaran apabila melakukan *tasmi’* kepada pelajar dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran subjek Hifz al-Quran secara dalam talian. Pernyataan Informan 4;

*“tapi kalau macam tasmi’ ni dia macam, rasa macam susah kot kalau online, sebab dia macam tak sampai,”*

### **(Transkip temu bual Informan 4)**

Informan 2 turut menyatakan bahawa menggunakan kaedah *talaqqi musyafahah* di dalam pembelajaran dan pengajaran subjek Hifz al-Quran secara dalam talian adalah sukar. Pernyataan Informan 2;

*“kita nak implement talaqqi musyafahah tu macam agak sukar”*

### **(Transkip temu bual Informan 2)**

Kesukaran pembelajaran al-Quran secara dalam talian menurut Informan 2 menyokong kajian Anuar Hasin et. al. (2020). Hal ini kerana, keberkesanan *talaqqi* amat bergantung pada kelajuan capaian *internet* bagi memastikan pengajar dapat mendengar bacaan pelajar dengan jelas. PdP ini menjadi sukar sekiranya had capaian internet lemah yang menyebabkan kesukaran pengajar dalam mendengar bacaan dan memberikan teguran kepada pelajar semasa proses *talaqqi* berlangsung.

Hukum PdP Hifz al-Quran secara dalam talian.

Hasil kajian Anuar Hasin (2020) menyatakan bahawa Islam melalui al-sunnah tidak menghalang pembelajaran dan pengajaran Hifz al-Quran seperti tajwid dengan menggunakan teknologi maklumat. Namun mestilah berusaha dalam menjaga keaslian ilmu dan menjaga tradisi asal ilmu mempelajari al-Quran seperti *talaqqi musyafahah*.

Menurut Anuar Hasin (2020) lagi, tidak terdapat sebarang dalil yang melarang dalam penggunaan teknologi maklumat dalam pembelajaran al-Quran. Namun, terdapat dalil yang boleh dijadikan sebagai panduan dan pedoman dalam melaksanakan PdP tajwid Al-Quran secara dalam talian. Menurut Informan 1, pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian ini merupakan *khilaf* di antara para ulama. Pernyataan Informan 1;

*“Ok jadi secara umumnya kaedah online ni kan dia merupakan kaedah yang dorang khilaf dengan para ulama”.*

### **(Transkip temu bual Informan 1)**

Informan 1 juga berpendapat bahawa pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran bagi subjek Hifz al-Quran secara dalam talian ini dilaksanakan disebabkan oleh keadaan yang darurat. Hujah Informan 1;

*“Tapi disebabkan nampak gaya macam daruratlah kita kata sebab kalaupun tak boleh sama sekali maknanya habislah kan Hifz al-Quran bagi subjek program kita, tutuplahkan, kita pun kena tutup sendirilah kan Jabatan ni kan sebab tak boleh jalan”*

**(Transkip temu bual Informan 1)**

Menurut Nurul Khadijah Mohamad et al, (2020), kesan daripada wabak COVID-19 telah mewujudkan pelaksanaan pekerjaan dan pembelajaran secara dalam talian bagi membendung penularan wabak COVID-19. Oleh itu, Informan 1 juga berpandangan bahawa pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran bagi subjek Hifz al-Quran secara dalam talian dibolehkan. Pernyataan Informan 1;

*“saya secara peribadi pun maknanya saya berkeseluruhan dengan pandangan yang menyatakan bahawa dibolehkan kita online kan.”*

**(Transkip temu bual Informan 1)**

## **Kaedah PdP Hifz Al-Quran Secara Dalam Talian Yang Terbaik**

Kaedah Talaqqi Dalam Talian.

Kaedah *talaqqi musyafahah* merupakan kaedah yang sangat penting dalam pengajaran dan pembelajaran ilmu al-Quran. Walaupun pengajaran dan pembelajaran secara talian diperkenalkan secara meluas setelah wabak COVID-19 melanda dunia, kaedah *talaqqi musyafahah* ini masih digunakan bagi memastikan ayat-ayat suci Allah sentiasa terpelihara. Oleh itu, dengan kaedah yang unik ini mampu memelihara keaslian al-Quran daripada elemen-elemen yang berunsur tidak baik. (Anuar et al, 2020).

Menurut Informan 3, Kaedah Talaqqi merupakan kaedah yang digunakan semasa pengajaran dan pembelajaran Hifz al-Quran secara talian dilaksanakan. Pernyataan Informan 3;

*“kaedah hafazan al-quran: talaqqi, musyafahah, tasmi’ dan takrar melalui kaedah talaqqi dan musyafahah, guru tasmi’ akan membaca 2 hingga 3 halaman al-Quran yang menjadi sukatan untuk minggu tersebut. Bacaan dibuat secara langsung dan juga rakaman, kemudian dimuat naikkan dalam aplikasi yang menjadi kegunaan utama kursus tersebut. pada masa yang sama, pelajar juga akan membaca sukatan yang telah ditetapkan guru tasmi’ secara langsung sama ada seorang demi seorang dalam sesuatu masa atau seorang membaca sementara yang lain akan mendengarnya dalam kelas melalui google meet. melalui aktiviti ini, guru tasmi’ dan pelajar dapat mendengar cara sebutan makhrab buruf dan bacaan dengan tajwid yang betul.”*

**(Transkip temu bual Informan 3)**

Seterusnya, Informan 2 juga sepakat bahawa kaedah PdP Hifz al-Quran secara dalam talian adalah dengan *talaqqi musyafahah*. Pernyataan Informan 2;

*“Kaedah yang pertama, kita buat adalah, kita ambil hafazan talaqqi musyafahah”*

**(Transkip temu bual Informan 2)**

Kaedah Tasmik Dalam Talian.

Kaedah *tasmik* merupakan kaedah yang digunakan oleh pengajar dalam PdP Hifz al-Quran bagi mendengar bacaan pelajar bagi mengenal pasti tahap pencapaian pelajar dalam menguasai bacaan dan hafazan al-Quran (Ashraf Ismail et al, 2020).

Menurut Informan 4, kaedah *tasmik* di dalam PdP Hifz al-Quran secara dalam talian dilaksanakan dengan menutup mata pelajar. Kaedah ini untuk memastikan pelajar bersikap jujur ketika *tasmik* bersama pengajar. Pernyataan Informan 4:

*“pakai penutup mata”*

**(Transkip temu bual Informan 4)**

Kaedah tasmik dengan menutup mata ada dinyatakan dalam kajian Ashraf Ismail et al, (2020). Kaedah ini adalah untuk mengelakkan daripada unsur keraguan berlaku ketika tasmik sedang berlangsung secara dalam talian.

Sekiranya pelajar mempunyai masalah rangkaian internet semasa *tasmik*, pelajar masih boleh menghantar tugas dengan merakam video bacaan dan menghantar menggunakan aplikasi yang diarahkan oleh pengajar. Informan 4 mengarahkan para pelajar untuk membuat secara rakaman dengan menggunakan aplikasi *microsoft team* atau *google meet*. Pernyataan Informan 4;

*“Cuma kalan kata, pelajar tu ada masalah dengan line ke apa ke, aa kita akan minta dia buat secara video. Okey video call lab. Video, video, dia buat video. Oh video. Dia record. Ha dia record. Oh kira rakam lab. Dia record dan kitaorang adalah dia punya cara dia sama ada record secara kawan dengan kawan ataupun aa ahli keluarga ke apa ke, ataupun dia record melalui aa pakai microsoft team ke, ataupun google meet ke apa ke, dengan kawan dia aa so letakkan video yang tu. Ha macam tu lab.”*

**(Transkip temu bual Informan 4)**

Kaedah ini turut dinyatakan di dalam kajian Ahsraf Ismail (2020), Para pelajar masih boleh menghantar rakaman bacaan al-Quran dengan menggunakan kaedah tutup mata di aplikasi *google classroom* bagi membuat semakan dan memberi teguran bacaan al-Quran kepada pelajar. Hal ini kerana bagi mengelakkan pelajar daripada ketinggalan dalam PdP hifz al-Quran.

Kaedah *Muraja’ah* Dalam Talian.

*Muraja’ah* adalah mengulang semula bacaan hafalan al-Quran yang telah dihafal bagi mengukuhkan lagi ingatan hafalan bacaan al-Quran agar tidak lupa dan hilang daripada ingatan (Abdul Hafiz Abdullah, 2003). Antara kaedah *muraja’ah* yang digunakan semasa pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian bagi pendapat Informan 2 adalah dengan menggunakan *quizzes* yang merupakan satu laman web yang boleh digunakan para pengajar untuk membuat kuiz mengenai Hifz al-Quran secara dalam talian. Pernyataan Informan 2;

*“Kaedah yang kedua, saya akan buat, nak tau budak tu nak... saya buat quizzes”*

**(Transkip temu bual Informan 2)**

Informan 2 juga menyatakan kaedah *muraja'ah* yang dilaksanakan oleh beliau dalam PdP Hifz al-Quran secara dalam talian adalah selama 30 minit. Pernyataan Informan 2;

*“Jadi, biasanya saya implement dalam kelas, setengah jam kita buat muraja'ah”*

**(Transkip temu bual Informan 2)**

Tambahan lagi, Informan 2 menyatakan kaedah *muraja'ah* lain yang digunakan oleh beliau secara talian adalah para pelajar perlu *muraja'ah* sebanyak setengah *juzu'* secara berkumpulan. Pernyataan Informan 2;

*“Tapi untuk program Qiraat, dia kena muraja'ah setengah juzu'. Dia setengah juzu' tak mungkin kita akan buat fardhi, kita akan buat majmu'ah.”*

**(Transkip temu bual Informan 2)**

Medium PdP

Tidak dinafikan dengan kemudahan teknologi kini telah menambahbaik kaedah PdP Hifz al-Quran mengikut arus semasa. Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian telah mewujudkan pelbagai medium yang bersesuaian dengan keadaan semasa adalah melalui aplikasi *Whatsapp*, *Telegram*, *Zoom*, *Google Meet*, *Youtube*, *Facebook*, *Instagram* dan *MsTeams* (Nurul Khadijah Mohamad et al, 2020).

Menurut Informan 3, penggunaan aplikasi *google meet* merupakan salah satu medium yang digunakan semasa PdP bagi subjek Hifz al-Quran secara dalam talian. Contoh pernyataan beliau;

*“aplikasi google meet untuk membuat kelas secara langsung”*

**(Transkip temu bual Informan 3)**

Selain itu, Informan 3 juga menyatakan bahawa medium PdP secara dalam talian adalah dengan menggunakan aplikasi *whatsapp* dan *telegram*. Kedua-dua aplikasi ini boleh dimanfaatkan dengan menghantar tugas, membuat rakaman bacaan al-Quran, menguji tahap hafalan pelajar dan pelbagai lagi. Hujah Informan 3;

*“manakala aplikasi whatsapp dan telegram dimanfaatkan untuk menghantar tugas, rakaman bacaan, platform untuk menguji tahap hafalan pelajar dan sebagainya”*

**(Transkip temu bual Informan 3)**

Informan 3 juga menyatakan bahawa guru *tasmik* akan melaksanakan bacaan al-Quran 2 hingga 3 halaman secara langsung atau memuat naik rakaman bagi mengikuti sukanan pembelajaran dengan menggunakan aplikasi *google meet*. Selain itu, Informan 3 juga menggunakan aplikasi *google meet* ini untuk mendengar bacaan *tajwid* pelajar secara langsung sama ada secara individu ataupun berkumpulan. Contoh pernyataan beliau;

*“kaedah hafazan al-quran: talaqqi, musyafahah, tasmi’ dan takrar melalui kaedah talaqqi dan musyafahah, guru tasmi’ akan membaca 2 – 3 halaman al-quran yang menjadi sukanan untuk minggu tersebut. bacaan dibuat secara langsung dan juga rakaman, kemudian dimuat naikkan dalam aplikasi yang menjadi kegunaan utama kursus tersebut. pada masa yang sama, pelajar juga akan membaca sukanan yang telah ditetapkan guru tasmik secara langsung sama ada seorang demi seorang dalam sesuatu masa atau seorang membaca sementara yang lain akan*

*mendengarnya dalam kelas melalui google meet. melalui aktiviti ini, guru tasmik dan pelajar dapat mendengar cara sebutan makhrabj huruf dan bacaan dengan tajwid yang betul”*

#### **(Transkip temu bual Informan 3)**

Menurut Informan 4 pula, medium yang digunakan PdP secara dalam talian untuk pelajar yang mempunyai masalah rangkaian internet adalah dengan membuat rakaman video bacaan al-Quran dengan menggunakan aplikasi *microsoft team* dan *google meet*. Pernyataan Informan 4;

*“Cuma kalan kata, pelajar tu ada masalah dengan line ke apa ke, aa kita akan minta dia buat secara video. Okey video call lah. Video, video, dia buat video. Oh video. Dia record. Ha dia record. Oh kira rakam lah. Dia record dan kitaorang adalah dia punya cara dia sama ada record secara kawan dengan kawan ataupun aa ahli keluarga ke apa ke, ataupun dia record melalui aa pakai Microsoft team ke, ataupun google meet ke apa ke, dengan kawan dia aa so letakkan video yang tu. Ha macam tu lah.”*

#### **(Transkip temu bual Informan 4)**

Selain penggunaan aplikasi *microsoft team* dan *google meet*, Informan 4 juga menyatakan bahawa aplikasi telegram digunakan dalam PdP secara dalam talian. Pernyataan Informan 4;

*“kebanyakannya ustaz-ustaz pun banyak yang macam tu jugak, ada yang guna whatsapp, ada yang guna telegram, macam-macam lah medium untuk ni”*

#### **(Transkip temu bual Informan 4)**

Dengan kewujudan medium teknologi yang digunakan semasa PdP Hifz Al-Quran telah memberikan kemudahan dan memberi peluang kepada pengajar untuk meneruskan PdP Hifz Al-Quran walaupun secara dalam talian. Namun, para pengajar harus sentiasa menerapkan adab-adab ketika PdP Hifz al-Quran dilaksanakan (Anuar Hasin, 2020).

## **Kesimpulan**

Hasil dapatan kajian telah mendapati bahawa kaedah PdP yang dijalankan secara bersemuka adalah medium terbaik bagi memudahkan para guru dan tenaga pengajar memantau serta menjaga kualiti hafalan pelajar. Namun, atas beberapa faktor PdP secara dalam talian perlu digunakan apabila suasana memerlukan seperti yang berlaku akibat COVID yang lepas. Justeru, hasil kajian ini mendapati bahawa PdP dalam talian bagi subjek Hifz al-Quran yang terbaik dikenalpasti hasil pandangan dan temubual pakar dalam bidang pengajian hifz al-Quran dan mendapati sebanyak empat kaedah terbaik yang telah dilaksanakan iaitu kaedah *talaqqi* secara talian, kaedah *tasmik* secara talian, kaedah *muraja’ah* secara talian dan medium yang baik mesti dipilih untuk digunakan semasa PdP Hifz al-Quran.

## **Penghargaan**

Kajian ini dibiayai oleh Geran Penyelidikan Dan Inovasi KUIS (GPIK) No. Kod 2021/P/GPIK/GPI-004 oleh Universiti Islam Selangor.

## **Rujukan**

- Abd Muhammin Ahmad, M. A. M., Saleh, M. H., Alias, N., & Muhammad, K. A. (2022). Tahfiz Education In Malaysia: Issues And Problems In Memorising Quranic Mutashabihat Verses And Its Solution. *International Journal Of Academic Research In Business And Social Sciences*, 12(1), 76-84.

- Abdullah, A. H., Safar, A., Mustari, M. I., Muhammad, A., & Ismail, I. (2003). Keberkesanan Kaedah Hafazan Di Pusat Tahfiz. *Laporan Penyelidikan, Pusat Pengajian Islam & Pembangunan Sosial: Universiti Teknologi Malaysia*.
- Abdullah, A. H., Salamon, H., Suratman, A. S., Noor, U. S., Jasmi, U. K., & Darawi, U. A. (2005). Sistem Pembelajaran Dan Kaedah Hafazan Al-Qur'an Yang Efektif: Satu Kajian Di Kuala Lumpur Dan Terengganu. *Laporan Penyelidikan Utm Skudai: Johor*.
- Abdullah, A. A., Ibrahim, A. A. C., Hasan, S. A., & Sabtu, M. (2021). Sistem Pembelajaran Dan Kaedah Hafazan Al-Quran: Satu Kajian Di Sekolah Menengah/Maahad Hafiz Jeram (Banat) Dan Maahad Tahfiz Sulaimaniyyah Kajang. *Jurnal'ulwan*, 6(1), 80-94.
- Abdul Hafiz Abdullah, A. S. (2003). Keberkesanan Kaedah Hafazan Di Pusat Tahfiz.
- Ab Jalil, N., Salleh, N. H., Awang, A. H., Ab Jalil, H., Salim, S. S., & Chek, Y. (2021). Experiential Qur'anic Learnings: Enriching Hafazan By Exploring Multitude Of Environmental Based Responses. *Journal Of Architecture, Planning And Construction Management*, 11(1).
- Abu Hassan, S. A., Zainol Abidin, S., & Hassan, Z. (2021). Keberkesanan Pembelajaran Dan Pengajaran Dalam Talian (E-Pembelajaran) Terhadap Pembelajaran Pelajar Di Kolej Komuniti Hulu Langat. *International Journal Of Humanities Technology And Civilization (Ijhtc)*, 2(10), 1-14.
- Alias, N., Hasin, A., & Daud, Z. (2020). Covid-19: Isu Dan Solusi Pelaksanaan PdP Dalam Talian Bagi Kursus Hifz Al-Quran Iv Di Usim.
- Amani Nawi & Umi Hamidaton. (2020). Penerimaan Pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Terhadap Penggunaan Microsoft Teams Sebagai Platform Pembelajaran – Satu Tinjauan. Prosiding Islam And Science International Seminar (SAIS 2020).
- Anuar bin Hasin, N. A. (2020). Cabaran Pelaksanaan Pembelajaran Ilmu Tajwid Secara Dalam Talian Dalam Fasa PKP: Kajian di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia.
- Ashraf Ismail, K. O. (2020). Cabaran Pengajaran Dan Pembelajaran Tasmik Hafazan Al-Quran. *Bicara Dakwah Kali Ke 21: Dakwah Dalam Talian Semasa Pandemik*.
- Calamlam, J. M., Ferran, F., & Macabali, L. G. (2022). Perception On Research Methods Course's Online Environment And Self-Regulated Learning During The Covid-19 Pandemic. *E-Learning And Digital Media*, 19(1), 93-119.
- Fajar, M., & Larasati, A. I. (2022, January). Students' Perception Towards English Course In Asynchronous Online Learning Through Whatsapp During Covid-19 Pandemic. In *2nd International Conference On Education And Technology (Icetech 2021)* (Pp. 391-398). Atlantis Press.
- Hairia'an, N. H., & Dzainudin, M. (2020). Pengajaran Dan Pemudahcaraan Dalam Talian Semasa Perintah Kawalan Pergerakan. *Jurnal Pendidikan Anak Kanak Kebangsaan*, 9, 18-28.
- Hasan, A. R. A., Ghani, A. R. A., Jemali, M., Nasir, N. F. W. M., Yusuf, M. Y. M., & Ariffin, M. F. M. (2017). Learning Concepts And Educational Development Of Hafazan Al-Quran In The Early Islamic Century. *International Journal Of Academic Research In Business And Social Sciences*, 7(10), 628-636.
- Hashim, A., & Tamuri, A. H. (2012). Persepsi Pelajar Terhadap Kaedah Pembelajaran Tahfiz Al-Quran Di Malaysia. *Journal Of Islamic And Arabic Education*, 4(2), 1-10.
- Hashim, A. (2015). Correlation Between Strategy Of Tahfiz Learning Styles And Students Performance In Al-Qur'an Memorization (Hifz). *Mediterranean Journal Of Social Sciences*, 6(2 S5), 85.
- Hashim, A., Samsudin, N., Huda, M., & Maselino, A. (2021). Exploring Critical Thinking In Religious Education: An Empirical Researchfor Hafazan (Memorisation) Context. *Turkish Journal Of Physiotherapy And Rehabilitation*, 32(2).
- Hassan, N. F. A. C., & Zulkifli, H. (2022). Perspektif Guru Pendidikan Islam (Gpi) Terhadap Pengaplikasian Google Classroom (Gc) Dalam Pembelajaran Dan Pemudahcaraan (PdPc)[Islamic Education Teacher's Perspective On The Application Of Google Classroom

- In Learning And Facilitation]. *International Journal Of Advanced Research In Islamic Studies And Education*, 2(2), 1-15.
- Hussin, H., Ahmad, A. R., Saleh, M. H., & Haridi, N. H. M. (2021). Medium PdPr Hafazan Al-Quran Semasa Covid-19: Analisis Penggunaan Teknologi Di Kalangan Pelajar Di Universiti Awam Dan Swasta.
- Japalding, N. H., & Kusnek, H. (2021). Covid-19 Pandemic: The Use Of E-Learning During Movement Control Order (Mco) Among Students In Universiti Selangor. *Selangor Humaniora Review*, 5(2), 146-168.
- Kamaruddin, W. A. Z. W., Kadir, F. K. A., & Mat, A. C. (2021). Amalan Terbaik Pengajaran Dan Pembelajaran Hafazan Al-Quran Dalam Program Ulul Albab Imtiaz [Teaching And Learning The Best Practices Of Quranic Memorisation At Imtiaz Through Ulul Albab Program]. *Bitara International Journal Of Civilizational Studies And Human Sciences (E-Issn: 2600-9080)*, 4(1), 105-126.
- Mohamed, M. H. (2021). Pengukuhan Hafazan Pelajar Melalui Modul Liqa (Latihan Intensif Hafazan Al-Quran): Satu Pendekatan. *International Journal Of Humanities Technology And Civilization*, 151-161.
- Mustafa, N. M., & Basri, M. (2014). Perbandingan Kaedah Hafazan Al-Quran Tradisional Dan Moden: Satu Kajian Awal. *Proceeding Of The Social Sciences Research Icssr 2014*, 827-834.
- Nurul Khadijah, M., Mohamad Redha, M., Mohamad Saifullah, M. & Shahirah, S. (2020). Kaedah Pengajian Al-Quran Secara Maya Sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Covid-19. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Rahim, R. M. A., Abd Hadiborham, W. H. A., & Che, M. (2020). Relationship Between The Tahfiz Al-Qur'an Teaching Methods With Memorisation Teaching Aid (Mta).
- Rahim, M. M. A., Abd Halim, W. M. H. W., Borham, A. H., Ismail, A., & Riduan, T. N. T. T. (2021). Perancangan Pengajaran Dan Pembelajaran Dan Penggunaan Hafazan Al-Quran Pelajar Sekolah Menengah Tahfiz. *Qiraat: Jurnal Al-Quran Dan Isu-Isu Kontemporari*, 4(1), 1-14.
- Rashed, Z. N., & Hanipah, N. R. B. M. (2021). Challenges And Best Practices Of Teaching And Learning Among Islamic Education Teachers During The Covid-19 Pandemic In Malaysia. *International Journal Of Pedagogy And Teacher Education*, 5(2), 105-112.
- Riastuti, R. D., Febrianti, Y., Widiya, M., & Kristiawan, M. (2022). Student Perceptions Of Online Learning During The Covid-19 Pandemic. *International Journal Of Multicultural And Multireligious Understanding*, 9(1), 103-112.
- Sulaiman, S. S. (2018). Kaedah Hafazan: Suatu Tinjauan Ringkas. *E-Journal Of Islamic Thought And Understanding (E-Jitu)*, 2(1), 44-59.
- Syafnan, S., Ritonga, M., & Lubis, F. S. (2022). Student Perception Of The Online Lecture System During The Covid-19 Period. *Journal Of Innovation In Educational And Cultural Research*, 3(2), 80-85.
- Tam, G. & El-Azar (2020). 3 Ways The Coronavirus Pandemic Could Reshape Education. The World Economic Forum COVID Action Platform.
- Turdieva, R. (2022). Transformative Learning And Critical Thinking In Online Education. *European Journal Of Business Startups And Open Society*, 2(1), 90-93.
- Wenny, S. J. & Bansya, Y. A. G. (2022). Pandemic Portrayed: Learning Style In Online Learning. *Bright: A Journal Of English Language Teaching, Linguistics And Literature*, 5(1), 12-17.
- Zarcone, D., & Saverino, D. (2022). Online Lessons Of Human Anatomy: Experiences During The Covid-19 Pandemic. *Clinical Anatomy*, 35(1), 121-128.

## BAB 3

### PENGURUSAN EMOSI MENURUT PERSPEKTIF AL-QURAN

Nurzatil Ismah binti Azizan,<sup>1</sup> Nabihah Solehah binti Roslan<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Universiti Islam Selangor (UIS)

#### Pengenalan

Kepesatan kemajuan gaya hidup pada masa kini menyumbang kepada tekanan emosi dalam kalangan masyarakat. Sikap ingin berlumba-lumba dalam mencapai kesenangan dan kejayaan hidup salah satu faktor mendorong berlaku tekanan emosi. Tekanan yang tidak dapat dikawal akan mendatangkan gangguan emosi yang berterusan. Tekanan dianggap sebagai ancaman terhadap kesihatan seseorang individu sekiranya tidak dikenalpasti dan diberikan rawatan yang bersesuaian. Tekanan boleh memberi kesan yang buruk kepada kesihatan fizikal dan mental seseorang. Tekanan emosi memberi kesan kepada kesihatan fizikal seperti sakit kepala dan perut berterusan, tidak dapat tidur dan sukar bernafas dengan baik, hilang selera makan dan sakit belakang (Siti Syahirah Md Syaharudin & Noraini Shamsuddin, 2022).

Emosi yang tidak stabil boleh membawa kesan negatif malah membawa bahaya. Pakar Psikologi dan Kaunseling dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Profesor Madya Dr Fauziah Mohd Sa'ad berkata, kegagalan mengawal emosi boleh mengakibatkan tindakan impulsif sehingga mendatangkan kecederaan terhadap diri sendiri atau orang lain termasuk membunuh (<https://www.sinarharian.com.my/article/655071/berita/nasional/tekanan-emosi-gangguan-mental-antara-penyebab-depresi>, Sinar Harian, 18 Mac 2024).

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) melaporkan bunuh diri adalah antara 10 penyebab utama kematian di dunia, dan penyebab kedua kematian bagi mereka yang berumur 15 hingga 29 tahun. Bagi setiap nyawa yang terkorban, dianggarkan 20 orang ahli keluarga atau rakan-rakan akan mengalami impak secara emosi, sosial dan ekonomi. Secara purata, satu kematian berlaku setiap 40 saat menjadikan hampir 800,000 orang mati setiap tahun akibat bunuh diri (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2019 [https://www.moh.gov.my/moh/modules\\_resources/database\\_stores/96/337\\_1246.pdf](https://www.moh.gov.my/moh/modules_resources/database_stores/96/337_1246.pdf)).

Masalah tekanan emosi semakin meruncing apabila berhadapan dengan Covid-19. Perubahan kehidupan ketika wabak melanda memberi impak yang besar terhadap perkembangan emosi seseorang. Peningkatan masalah mental dan keganasan rumah tangga semasa pandemik COVID-19 dan PKP sering dilaporkan oleh media dan menarik minat pelbagai pihak untuk mengkaji. Punca kepada peningkatan ini adalah kerana tekanan yang dialami oleh seseorang dan kurangnya sokongan sosial untuk mengatasinya. Sokongan sosial meliputi sokongan emosi dan kewangan daripada keluarga, pasangan dan rakan-rakan (Ainur Syahira & Nur saadah, 2023).

Berdasarkan pelbagai faktor penyebab tekanan emosi, satu kajian tentang emosi yang disebut dalam al-Quran dijalankan terutama emosi sedih yang menyebabkan tekanan tersebut berlaku pada seseorang. Seterusnya pengurusan emosi yang disebutkan dalam al-Quran bagi mengawal keadaan dan solusi kepada tekanan emosi yang dihadapi.

## **Emosi Menurut Perspektif al-Quran**

Emosi merupakan anugerah Allah SWT kepada manusia agar menjalani kehidupan dengan harmoni. Al-Quran memaparkan aspek emosi dalam mendalam dan menghayati al-Quran, kalimah-kalimah dalam al-Quran seolah-olah mengajar manusia sama-sama merasai emosi bagi maksud ayat-ayat al-Quran yang Allah SWT ingin sampaikan. Wan Azura (2020) melalui dapatan kajian beliau menyebutkan bahawa emosi dan kesopanan komunikasi dalam al-Quran mengandungi prinsip psikologi dan retorik al-Quran (seperti kosa kata, struktur ayat dan makna). mesej al-Quran tentang emosi menggalakkan para pengkaji al-Quran untuk mewujudkan hubungkait emosi dalam konteks ayat-ayat “emosi” itu sendiri dan ayat-ayat yang membangkitkan emosi manusia. Dari aspek komunikasi, tujuan al-Quran adalah untuk memberi sentuhan emosi, jiwa dan pemikiran pengkaji al-Quran. Dalam Islam, emosi merupakan unsur kerohanian (spiritual) atau disebut sebagai *psyche* dan ia dihubungkan dengan hati dalam (*inner heart*) atau hati rohani (*spiritual heart*) atau dalam bahasa Arab disebut sebagai “*Qalb rubi*”. Justeru, hati emosi (*emotional-heart*) atau (*al-Qalb*) dalam konteks spiritual/*psyche* adalah keupayaan emosi (yg disebut sebagai perasaan, mood, afektif).

Ayat-ayat al-Quran memaparkan beberapa jenis emosi manusia seperti takut, cinta, benci, cemburu, dengki, sedih, malas, menyesal, gembira dan semangat. Emosi takut digambarkan dalam al-Quran apabila membaca ayat-ayat azab Allah SWT. Allah SWT meminta manusia menjaga diri daripada api neraka yang mana bahan bakarnya adalah manusia dan batu (Surah al-tahrim 66:6, surah al-Baqarah 2:24). Perasaan cinta dalam diri manusia antaranya digambarkan bahawa manusia cintakan hartanya secara tamak dan haloba (Surah al-Adiyat 100:8), kecintaan antara lelaki dan wanita sebagai suami isteri bukti kekuasaan Allah SWT yang menciptakan lelaki dan perempuan untuk berkasih sayang dan belas kasihan (surah al-Rum 30:21) dan pelbagai lagi ayat-ayat yang menjelaskan tentang kepelbagaiannya emosi manusia dalam al-Quran.

Emosi manusia sering berubah mengikut keadaan atau tekanan dalam kehidupan. Emosi sedih berlaku akibat pertukaran hormon yang mempengaruhi sifat, tingkah laku dan perjalanan darah. Kesedihan timbul akibat faktor yang mempengaruhi perasaan seperti berlaku musibah. Beberapa kisah kesedihan yang digambarkan dalam al-Quran ialah kesedihan ibu nabi Musa AS yang berjauhan dengan anaknya, Allah SWT kembalikan nabi Musa kepada ibunya supaya ibunya merasa tenang dan tidak bersedih (Surah al-Qasas:28:13). Kesedihan Nabi Yaakob mengenangkan anaknya nabi Yusuf AS dan Bunyamin dizalimi oleh saudaranya sendiri (surah Yusuf 12:84-86). Kesedihan orang mukmin kerana tidak dapat bersama Rasulullah SAW berjihad kerana tiada kenderaan akibat kemiskinan (surah al-Taubah 9:92). Kesedihan Nabi SAW apabila kaum kafir Quraisy tidak mahu beriman kepada Allah SWT (surah ali imran 3:176). Kisah-kisah emosi yang dipaparkan dalam al-Quran menunjukkan bahawa emosi manusia adalah fitrah yang dikurniakan oleh Allah SWT. Emosi gembira dihadapi dengan kesyukuran dan emosi-emosi sedih, takut dihadapi dengan mendekatkan diri kepada Allah SWT melalui pelbagai jalan.

## **Pengurusan Emosi Menurut Perspektif al-Quran**

### **Istiqamah dalam Ibadah**

Al-Quran telah menjelaskan antara perkara yang boleh menghilangkan emosi sedih adalah istiqamah. Istiqamah menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka adalah ketaatan menjalankan sesuatu suruhan secara terus-menerus termasuk dalam urusan agama. Istiqamah dapat menjadi satu solusi kepada emosi sedih yang menimpa seseorang sepertimana yang telah disebutkan dalam surah Fussilat ayat 30.

Firman Allah s.w.t:

إِنَّ الْذِينَ قَالُواْ رُبُّنَا اللَّهُ ثُمَّ أَسْتَقْمَوْاْ تَنَزَّلُ عَلَيْهِمُ الْمَلَائِكَةُ أَلَا تَخَافُواْ وَلَا تَحْزُنُواْ وَأَبْشِرُواْ بِالْجَنَّةِ الَّتِي كُنْتُمْ تَعْدُونَ

*Maksudnya: Sesungguhnya orang-orang yang mengatakan: 'Tuhan kami ialah Allah', kemudian mereka meneguhkan pendirian mereka, Maka malaikat akan turun kepada mereka (dengan mengatakan): 'Janganlah kamu merasa takut dan janganlah kamu merasa sedih dan bergembira lah kamu dengan (memperoleh) Syurga yang telah dijanjikan Allah kepadamu.'*

(surah Fussilat (41): 30)

Ibnu Kathir (2019) menjelaskan istiqamah adalah orang yang melakukan amalan kerana taat kepada Allah atas apa yang telah disyariatkan kepada mereka. Ali bin Talhah meriwayatkan bahawa orang yang teguh pendirian adalah dalam menunaikan amal-amal yang fardhu. Begitu juga Qatadah dan Al-Hassan pernah berdoa agar dianugerahkan rezeki istiqamah kepada mereka. Seorang sahabat iaitu Sufyan bin Abdillah ats-Tsaqafi pernah meminta kepada Rasulullah SAW amalan atau panduan yang dapat diamalkan, kemudian Rasulullah SAW minta untuk mereka mengakui bahawa tuhan mereka adalah Allah SWT dan istiqamah. Allah SWT berfirman bahawa malaikat akan turun kepada orang-orang yang istiqamah. Ketika datang kematian, tidak ada perasaan takut kepada perkara akhirat yang akan dihadapi dan mereka tidak akan berasa sedih meninggalkan dunia sama ada anak, keluarga, harta ataupun hutang-piutang kerana Allah akan mengantikan perkara-perkara tersebut. Kemudian Allah memberikan keamanan kepada hamba-Nya yang istiqamah serta tidak ada satu perkara yang akan ditakuti oleh mereka pada hari kiamat nanti kecuali perkara-perkara yang menyenangkan bagi jiwa-jiwa orang mukmin disebabkan amal yang telah dilakukan ketika di dunia.

Melalui tafsiran tersebut dapat difahami bahawa orang-orang mukmin bukan sahaja mengakui keimanan hanya dimulut sahaja malah diikuti dengan perbuatan iaitu mengerjakan amalan fardhu serta mereka istiqamah dengan amalan tersebut. Orang yang istiqamah mengerjakan ibadah tidak akan berganjak dari iman mereka. Pentingnya amalan fardhu sehingga ia boleh memberikan kesan kepada individu. Pelaksanaan ibadah fardhu diikuti amalan-amalan sunat dan amalan kebajikan boleh membantu kepada pengisian rohani. Pengisian rohani bagi setiap individu adalah sebagai pendinding supaya rohani sentiasa terisi, maka apabila berhadapan dengan emosi mereka tidak akan mudah cenderung melakukan perkara-perkara diluar jangkaan mengikut hawa nafsu semata yang boleh mendatangkan kesan negatif kepada diri sendiri.

Mohd Sabri (2016) dalam kajiannya menyatakan amalan ibadat harian seperti solat, zikir dan membaca al-Quran memberikan kesan kepada kesedaran kendiri malah peningkatan regulasi kendiri. Amalan-amalan tersebut juga memberikan kekuatan dalaman agar dapat mengawal diri khususnya daripada melakukan perkara mungkar. Seterusnya, Allah menjanjikan kepada orang yang membina kehidupan mereka dengan landasan iman, amalan kebajikan dan pelaksanaan ibadah secara konsisten akan mendapatkan ganjaran dari Allah SWT di sisi-Nya. Allah SWT juga berjanji untuk memberikan mereka keamanan dan kebahagiaan, sehingga mereka tidak akan merasakan kebimbangan, dukacita atau kesedihan.

### Mengakui Kebersamaan Allah SWT

Sesungguhnya Allah SWT menjadikan diri-Nya sangat dekat dengan hamba-Nya. Mengakui kebersamaan Allah SWT boleh membantu meringankan emosi sedih yang dirasakan kerana keyakinan bahawa Allah SWT sentiasa ada bersama. Dalam surah Al-Taubah ayat 40 dijelaskan berkaitan kebersamaan Allah dan pertolongan Allah sentiasa dengan hamba-Nya:

Firman Allah s.w.t:

إِلَّا تَتَصَرُّوْهُ فَقَدْ نَصَرَهُ اللَّهُ إِذَا أَخْرَجَهُ الظَّالِمُونَ كَفَرُوا ثَانِيَ اثْنَيْنِ إِذْ هُمَا فِي الْغَارِ إِذْ يَقُولُ لِصَاحِبِهِ لَا تَخْرُنْ إِنَّ اللَّهَ مَعَنَا ۝  
فَأَنْزَلَ اللَّهُ سَكِينَتَهُ عَلَيْهِ وَأَيَّدَهُ بِجُنُودٍ ۝ تَرَوُهَا وَجْعَلَ كَلْمَةَ الظَّالِمِينَ كَفَرُوا السُّفْلَى ۝ وَكَلْمَةُ اللَّهِ هِيَ الْعُلَيَا ۝ وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Maksudnya: Jikalau kamu tidak menolongnya (Muhammad) maka sesungguhnya Allah telah menolongnya (iaitu) ketika orang-orang kafir (Musyrikin Mekah) mengeluarkannya (dari Mekah) sedang dia salah seorang dari dua orang ketika keduanya berada dalam gua, di waktu dia berkata kepada temannya: "Janganlah kamu berduka cita, sesungguhnya Allah berserta kita". Maka Allah menurunkan ketenangan-Nya ke atasnya dan membantunya dengan tentera yang kamu tidak melihatnya, dan menjadikan kalimah orang-orang kafir itulah yang rendah. Dan kalimat Allah itulah yang tinggi. Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.

(surah Al-Taubah (09): 40)

Hamka (2003) dalam tafsirnya menerangkan bahawa ayat ini berkaitan Nabi Muhammad SAW dan sahabatnya Abu Bakar RA yang terpaksa meninggalkan Kota Mekah untuk bersembunyi daripada orang kafir di Gua Thur. Namun pada ketika itu, tempat mereka bersembunyi tersebut dikelilingi oleh musuh iaitu pemuda Quraisy yang ingin membunuh mereka. Nabi Muhammad SAW dan Abu Bakar RA menghadapi suasana yang sangat bahaya sehingga boleh mengancam nyawa mereka. Abu Bakar RA kelihatan sedih dan khuatir dengan keadaan mereka ketika itu kerana bimbang musuh boleh menjelaki kewujudan mereka disitu dan bimbang mereka akan dibunuh terutamanya Nabi Muhammad SAW. Tetapi Nabi Muhammad s.a.w berkata kepada sahabatnya untuk menghilangkan kekhawatiran Abu Bakar supaya janganlah bersedih kerana Allah SWT pasti bersama-sama mereka. Walaupun mereka hanya berdua tapi Allah SWT menolong mereka dan memberikan ketenangan-Nya kepada mereka. Selepas mendegar nasihat dari Nabi Muhammad SAW maka hilanglah kekhawatiran dan sedih yang dirasai oleh Abu Bakar RA. Hamka berkata menurut setengah ahli tafsir ketenteraman dan ketenangan hati itu telah diturunkan terlebih dahulu kepada Nabi Muhammad SAW kerana tingginya keyakinan Baginda kepada Allah SWT walaupun pada hakikatnya mereka hanya berdua namun Allah telah menurunkan bala tenteranya yang tidak boleh dilihat iaitu para malaikat untuk membantu mereka mengelilingi kawasan mereka itu. Pengaruh malaikat inilah yang menyebabkan musuh tidak sedar akan kewujudan Nabi Muhammad SAW dan Abu Bakar RA di dalam gua tersebut.

Pandangan yang dikemukakan oleh Wahbah Az-Zuhaili (2013) dalam tafsirnya bahawa ayat tersebut menjelaskan keutamaan Abu Bakar. Pada permulaan ayat ini mengandungi celaan kepada orang-orang Mukmin yang mana mereka diminta oleh Nabi Muhammad SAW untuk pergi berperang namun tidak menyertai peperangan. Maka Allah SWT menjanjikan pertolongan-Nya dalam setiap keadaan. Seterusnya Nabi Muhammad SAW juga berkata kepada Abu Bakar agar tidak bersedih dan merasakan takut. Pergantungannya yang mengakui kebersamaan Allah SWT bersama mereka sangat tinggi walaupun hanya sahabatnya itu sahaja yang menemani Nabi Muhammad SAW ketika dalam keadaan yang paling menakutkan serta ancaman kematian jika orang-orang Quraisy mendapati mereka di dalam gua yang sedang bersembunyi untuk keluar berhijrah. Orang-orang Quraisy ini berusaha untuk membunuh Nabi Muhammad SAW sehingga mereka menjaga dan mengawasi pintu rumah Baginda SAW sepanjang malam kerana ingin membunuh Nabi Muhammad SAW. Namun kerana pergantungannya kepada Allah dan Baginda berdoa sehingga akhirnya orang-orang Quraisy tidak dapat menjelaki Nabi Muhammad SAW dan Abu Bakar RA.

Melalui kisah Nabi Muhammad SAW dan sahabatnya itu menunjukkan setiap manusia pastinya diuji dengan perasaan takut dan sedih lebih-lebih lagi ketika dalam keadaan yang mencemaskan. Melalui perasaan tersebut wujud kesedaran bahawa setiap manusia memerlukan

Allah dalam setiap urusan dunia mahupun akhirat. Melalui tafsiran ayat 40 dari surah at-Taubah ini juga menjadi peringatan kepada hamba-hamba Allah bahawa Allah SWT tidak akan membiarkan seorang pun dari hamba-Nya berada dalam kesedihan dan ketakutan tanpa hikmah yang tersembunyi di baliknya. Maka sebagai seorang muslim apabila menghadapi ujian hendaklah bersifat sabar disamping memiliki keyakinan terhadap kebersamaan Allah.

### Sabar Menghadapi Ujian

Sabar membawa maksud menahan jiwa daripada sesuatu yang dibenci bagi mendapatkan keredaan Allah SWT (Muhsin Ahmad dan Abdul Hadi Ishak, 2013). Al-Quran telah menjelaskan bahawa setiap ujian dan masalah yang diberikan oleh Allah kepada manusia memerlukan kesabaran sebagaimana yang telah disebutkan dalam surah Al-Baqarah ayat 155:

وَلَنْ يُؤْكِمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ وَالثَّمَرَاتِ ۝ وَبَشِّرُ الصَّابِرِينَ

*Maksudnya: Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut (kepada musuh) dan (dengan merasai) kelaparan, dan (dengan berlakunya) kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar.*

(surah Al-Baqarah (02): 155)

Hamka dalam Tafsir Al-Azhar (2003) menyebutkan Allah SWT telah memberi peringatan bahawa Dia akan menguji hamba-hamba-Nya dengan pelbagai ujian yang berupa ketakutan, ancaman musuh penyakit dan sebagainya sehingga menimbulkan rasa cemas dan terancam. Begitu juga sejatimana yang berlaku ketika hijrah di zaman Nabi SAW yang mana orang musyrik Mekah mengancam kabilah-kabilah arab dari Madinah untuk menyerang kota Madinah. Mereka juga mendapat ancaman fitnah oleh kaum Yahudi, orang Munafik dan kaum Rum yang berkuasa pada waktu itu. Mereka juga di uji dengan kelaparan dan ada yang kehilangan keluarga dan kehilangan harta benda. Namun mereka tetap sabar dan meneruskan perjuangan serta mereka sedar bahawa Allah SWT menguji mereka dengan semua itu demi menegakkan cita-cita terbesar mereka.

Realiti kehidupan manusia pasti tidak terlepas daripada pelbagai ujian dan emosi. Di antara emosi yang menjadi tunjang kepada sesebuah ujian adalah kesedihan yang boleh mengakibatkan pelbagai kesan yang tidak diingini. Tambahan dengan situasi semasa yang mendorong serta menyumbang kepada kesedihan tersebut akibat tekanan perasaan dan sebagainya (Norwardatun Mohamed Razali, 2021). Allah SWT juga telah menyebut melalui dalil-dalil bahawa dunia ini adalah sebagai pentas ujian. Ayat tersebut adalah isyarat jelas bahawa Allah SWT akan membantu dan melindungi hamba-Nya mengatasi sebarang masalah dan ujian dengan syarat perlu bersabar.

### Meningkatkan Motivasi Diri

Tidak dinafikan tatkala dalam keadaan sedih, seseorang akan menjadi lebih pendiam dan kurang bersemangat. Melalui amalan membaca, memahami serta mengamalkan isi kandungan al-Quran mampu menjadi inspirasi dan pemangkin semangat dalam kehidupan. Penghayatan terhadap mesej yang disampaikan dapat meningkatkan motivasi diri agar lebih kuat dan berjaya antaranya dalam surah Al-Baqarah ayat 216 Allah telah menyampaikan bahawa syurga bukanlah sesuatu yang diperolehi dengan mudah. Bagi mencapai syurga, seseorang perlu bersedia untuk berkorban dan menghadapi ujian semasa di dunia.

كُتِبَ عَلَيْكُمُ القَتْالُ وَهُوَ كُرْهٌ لَّكُمْ ۝ وَعَسَىٰ أَن تَكْرُهُوا شَيْئًا ۝ وَهُوَ خَيْرٌ لَّكُمْ ۝ وَعَسَىٰ أَن تُحِبُّوا شَيْئًا ۝  
وَهُوَ شَرٌّ لَّكُمْ ۝ وَاللَّهُ يَعْلَمُ وَأَنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

*Makudnya: Dirajibkan atas kamu berperang, padahal berperang itu adalah sesuatu yang kamu benci. Boleh jadi kamu membenci sesuatu, padahal ia amat baik bagimu, dan boleh jadi (pula) kamu menyukai sesuatu padahal ia amat buruk bagimu; Allah mengetahui, sedang kamu tidak mengetahui.*

(surah Al-Baqarah (02): 216)

Menurut tafsir Ibnu Kathir (2019), ayat tersebut merupakan penetapan kewajipan jihad dari Allah bagi kaum muslimin. Penetapan jihad ini bertujuan untuk menghentikan kejahanatan musuh. Az-Zuhairi mengatakan berkaitan ayat di atas bahawa jihad itu hukumnya wajib bagi setiap individu, baik yang pergi berperang maupun yang tidak ikut berperang. Bagi orang yang tidak ikut berperang, apabila diminta bantuan, maka haruslah memberikan bantuan. Seterusnya Ibnu Kathir menambah lagi, berperang itu adalah sesuatu yang berat kerana ia akan mengakibatkan kematian ataupun luka serta kesulitan ketika dalam perjalanan untuk menghadapi musuh. Namun boleh jadi seseorang itu menyukai sesuatu tetapi ia tidak mendatangkan kebaikan kepadanya dan begitu juga sebaliknya.

Menurut Hamka (2003) ayat ini diturunkan Allah mewajibkan jihad ke atas kaum muslimin namun mereka merasa berat atas perintah tersebut dan tidak suka. Berjihad mungkin terasa berat dan tidak disukai kerana ia memerlukan harta benda dan mengancam jiwa dan nyawa. Namun kadangkala perkara yang tidak disukai itu sebenarnya mendatangkan faedah pada masa akan datang. Berjihad boleh menghasilkan dua perkara sama ada menang dan mendapat rampasan perang atau syahid dan mendapat pahala serta reda Allah SWT. Jihad juga merupakan usaha untuk memartabatkan agama Islam dan menolak kezaliman.

Secara umumnya ayat 216 dari surah al-Baqarah tersebut berkaitan kewajipan berjihad iaitu berperang pada zaman Nabi SAW namun ia juga boleh menjadi motivasi buat jiwa-jiwa yang sedih yang mana Allah telah meyebutkan pada ayat ini bahawa boleh manusia itu membenci sesuatu tetapi sebenarnya perkara itu akan mendatangkan kebaikan kepadanya dan begitu juga sebaliknya. Jihad dalam agama Islam tidak selamanya bermakna perang malah lebih luas dari sekadar perang. Setiap kesungguhan yang dilakukan oleh kaum muslim dalam rangka mendekatkan diri kepada Allah SWT termasuk jihad. Belajar, berdakwah, melawan nafsu, dan memberbaiki diri menjadi lebih baik juga adalah sebahagian jihad pada masa kini (Rif'at Husnul Ma'afi, 2013). Namun dalam perjalanan jihad pastinya akan diuji sama ada dengan kata-kata atau perbuatan yang mungkin membuatkan munculnya perasaan putus asa dan sedih.

### Kembali Kepada Allah SWT

Antara penawar bagi kesedihan adalah bertaubat kepada Allah SWT dari segala dosa-dosa dengan kembali kepada Allah SWT serta mendekatkan diri kepada-Nya. Tujuan kesedihan atau ujian yang diberikan kepada hamba-hamba-Nya adalah untuk menjadikan manusia kembali dan mendekatkan diri kepada Allah SWT.

Firman Allah s.w.t:

الَّذِينَ آمَنُوا وَتَطْمَئِنُ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمَئِنُ الْقُلُوبُ

*Maksudnya: Orang-orang yang beriman dan hati mereka menjadi tenteram dengan mengingat Allah. Ingatlah, dengan mengingati Allah-lah hati menjadi tenteram.*

(Surah Ar-Ra'd (13): 28)

Melalui tafsir Al-Munir (2013) dijelaskan bahawa, Allah menuturkan bahawa orang yang membenarkan dan mempercayai Allah dan Rasul-Nya sahaja yang berhak mendapatkan hidayah dan petunjuk dari Allah SWT. Mereka akan merasakan tenang dengan mengingati dan mengesakan Allah SWT.

Selain itu, Hamka (2003) juga menerangkan ayat ini menjelaskan bahawa iman yang mendorong seseorang untuk sentiasa mengingati Allah. Ingatan kepada Allah SWT itu akan menimbulkan ketenangan maka dengan sendirinya akan menghilangkan perasaan sedih, gelisah, putus asa dan takut. Ketenangan hati adalah asas kepada kesihatan rohani dan jasmani. Manakala sedih dan gelisah adalah permulaan kepada segala penyakit.

Selain itu, doa juga menjadi sebahagian amalan untuk kembali mendekatkan diri kepada Allah SWT. Doa tidak hanya permintaan dan harapan malah doa juga merupakan hubungan komunikasi yang terjadi antara manusia dengan Tuhannya (Umar Abdur Rahim, 2019). Doa juga bukan sekadar meminta namun ia juga sebagai tempat mengadu segala kesedihan dan kesusahan yang dirasakan. Kembali kepada Allah SWT untuk merintih atas kezaliman yang menimpak diri dan masyarakat serta segala beban emosi yang dirasakan melalui doa dengan sepenuh kesungguhan, memohon sambil merasa merendah diri, hina, ketaatan, dan cinta kepadaNya.

## **Penutup**

Emosi manusia yang berubah mengikut keadaan kehidupan dan ujian yang dihadapi. Antara emosi yang mengganggu kehidupan adalah emosi sedih atas ujian yang berlaku. Dengan memahami fitrah diri yang dikurniakan pelbagai jenis emosi dan memahami kaedah pengurusan emosi menurut perspektif al-Quran dapat membantu seseorang bangkit daripada kesedihan. Antara pengurusan emosi yang terdapat dalam al-Quran ialah istiqamah dalam ibadah, mengakui kebersamaan Allah SWT, sabar dalam menghadapi ujian, meningkatkan motivasi diri dan kembali kepada Allah SWT. Dengan memahami dan mengamalkan pengurusan emosi menurut perspektif al-Quran ini akan membantu manusia mengurus emosi dalam kehidupan.

## **Rujukan**

- Ainur Syahira Johari & Nur Saadah Mohamad Aun (2023). Tahap Tekanan Emosi dan Sokongan Sosial dalam Kalangan Ibu bapa Pemasa pandemik COVID-19. *Journal of Social Sciences and Humanities (e-bangi)*.339-349  
[https://www.researchgate.net/publication/368873023\\_tahap\\_tekanan\\_emosi\\_dan\\_sokongan\\_sosial\\_dalam\\_kalangan\\_ibu\\_bapa\\_semasa\\_pandemik\\_covid-19](https://www.researchgate.net/publication/368873023_tahap_tekanan_emosi_dan_sokongan_sosial_dalam_kalangan_ibu_bapa_semasa_pandemik_covid-19)
- Abang Ishar Abang Yaman (2022). Psikologi dalam al-Qur'an. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Eko Zulfikar dan Iskandar. (2023). Tafsir Kesedihan: Solusi Al-Qur'an Terhadap Problem Al-Huzn dalam Kehidupan. *Jurnal Studi Ilmu Al-Qur'an dan al-Hadits*. Vol 17, 37-55.  
<https://ejournal.radenintan.ac.id/index.php/al-dzikra/article/view/15962>
- Hamka. (2003). Tafsir Al-Azhar. Singapura: Pustaka Nasional PTE LTD Singapura.
- Ibnu Katsir. (2019). *Tafsir Ibnu Katsir*. . Jakarta: Pustaka Imam asy-Syafi'i
- Mohd Sabri Mamat, Syed Najmuddin Syed Hassan & Ab Halim Tamuri. (2016). Amalan Ibadat Harian dan Sumbangannya kepada Kecerdasan Emosi Remaja. *Journal of Islamic and Arabic Education* 1. 29-40. <https://core.ac.uk/download/pdf/11489984.pdf>
- Muhsin Ahmad & Abdul Hadi Ishak. (2013). *Mukjizat Sabar dalam Al-Quran*. Selangor: PTS Darul Furqan Sdn. Bhd.
- Norwardatun Mohamed Razali. (2021). Mendepani Kesedihan Di Dalam Kehidupan : Solusi Menerusi Surah Yusuf A.S. *Proceedings of the 7 th International Conference on Quran as Foundation of Civilization*. 531-538.  
[https://www.researchgate.net/publication/361050967\\_mendepani\\_kesedihan\\_di\\_dalam\\_kehidupan\\_solusi\\_menerusi\\_surah\\_yusuf\\_as](https://www.researchgate.net/publication/361050967_mendepani_kesedihan_di_dalam_kehidupan_solusi_menerusi_surah_yusuf_as)
- Rif'at Husnul Ma'afi. (2013). Konsep Jihad dalam Perspektif Islam. *Jurnal Studi Agama dan Pemikiran Islam*. Vol 11, 133-149.

- Siti Syahirah Md Shaharudin & Noraini Shamsuddin. (2022). Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Tekanan Dalam Kalangan Pelajar Institut Pengajian Tinggi Sepanjang Pandemik Covid-19 Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Proceeding of the 9 th International Conference on Management and Muamalah 2022 (ICoMM 2022),444-453, [https://conference.uis.edu.my/icomm/9th/images/eproceeding/icomm9\\_041.pdf](https://conference.uis.edu.my/icomm/9th/images/eproceeding/icomm9_041.pdf)
- Wan Azura (2020). Emosi Dan Kesopanan Komunikasi Dalam Al-Qur'an: Tinjauan Psikologi Dan Retorik Al-Quran. Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Malaysia 2021 (Medc2021). [https://www.researchgate.net/publication/362159541\\_FULLSCREENPAPERMDEC2020\\_Emosi\\_dan\\_Komunikasi\\_dlm\\_al-Quran](https://www.researchgate.net/publication/362159541_FULLSCREENPAPERMDEC2020_Emosi_dan_Komunikasi_dlm_al-Quran)
- Wahbah Az-Zuhaili. (2013). *Tafsir Al-Munir*. Jakarta: Gema Insani.

## BAB 4

### **AD-DUNYA MENURUT PERSPEKTIF AL-QURAN: KAJIAN TERHADAP AYAT-AYAT LARANGAN MENGUTAMAKAN DUNIA DAN CELAAN KE ATASNYA**

Abdul Mukti bin Baharudin<sup>1</sup>

Universiti Islam Selangor (UIS)

#### **Pengenalan**

Dunia diibaratkan seperti RnR yang merupakan tempat persinggahan yang sementara dalam perjalanan menuju ke destinasi yang sebenar iaitu akhirat. Ia merupakan tempat bagi manusia membuat persiapan dan mengumpulkan bekalan untuk berhadapan dengan hari Akhirat. Tetapi masa yang diperuntukkan untuk berada di alam dunia ini tidak diketahui oleh sesiapa pun. Ada yang memperolehi masa dan ruang yang panjang untuk mengumpulkan bekalan dan ada pula yang hanya memperolehi masa yang singkat sahaja. Justeru selaku makhluk yang mukalaf, manusia dituntut untuk memanfaatkan masa yang telah diperuntukkan oleh Allah SWT dengan sebaik-baiknya. Berjaya atau gagalnya seseorang itu di akhirat nanti adalah berpandukan kepada kehidupannya di dunia ini. Amalan-amalan di dunia yang akan menjadi ganjaran, dosa, pahala dan balasan syurga atau neraka.

Namun demikian masih ramai orang yang lalai dan leka serta tidak merebut peluang semaksimumnya untuk melakukan amal soleh ketika hidup di dunia. Bahkan yang lebih menyedihkan ialah mereka ditipu dengan harta benda dan perhiasan dunia yang sementara. Sedangkan dunia tidak ada nilainya di sisi Allah SWT. Lantaran itu manusia perlu kembali kepada al-Quran bagi mendapatkan panduan dalam mengharungi kehidupan di dunia ini. Ia menjelaskan mana yang perlu dilakukan dan mana yang tidak boleh dilakukan serta perlu dihindari. Lebih utama lagi al-Quran membicarakan perihal dunia secara khusus bagi mengingatkan manusia tentangnya. Justeru kajian ini akan memfokuskan kepada kalimah *ad-dunya* di dalam al-Quran yang melarang mengutamakan dunia dan mencela dunia dan orang-orang yang melebihkan dunia berbanding akhirat.

#### **Definisi Dunia**

Dunia ialah lawan bagi akhirat. Sebahagian ulama berpandangan dunia berasal daripada kalimah *dunwwun* (دُنْوَنْ) yang memberi maksud hampir atau dekat (Muhammad, 1999). Begitu juga Ahmad (1979) menyatakan bahawa dinamakan dunia kerana hampirnya dan dinisbahkan kepada dunia dengan *duniawi* (دُنْيَاوِي). Manakala al-Raghib (2020) memperincikan maksud dekat di sini iaitu baik dalam bentuk fizikal atau pun dalam bentuk sifat. Kata ini dapat digunakan pada tempat, waktu dan kedudukan seperti firman Allah SWT dalam surah al- Najm ayat 8:

ثُمَّ دَنَا فَتَدَلَّ

Maksudnya:

*“Kemudian dia mendekat, lalu bertambah dekat lagi.”*

Menurut beliau lagi terdapat beberapa makna lagi bagi *adna* (أَدْنَى) di antaranya ialah sesuatu yang lebih kecil dan lawannya sesuatu yang lebih besar, sesuatu yang hina dan lawannya sesuatu yang baik serta sesuatu yang pertama dan lawannya adalah sesuatu yang kedua atau terakhir. Makna-makna ini dapat dilihat pada firman Allah SWT surah al-Mujadilah ayat 7, surah al-Baqarah ayat 61 dan surah al-Hajj ayat 11:

﴿ وَلَا أَدْنَى مِنْ ذَلِكَ وَلَا أَكْثَرَ ... ﴾

Maksudnya:

*“... dan tiada yang kurang dari bilangan itu dan tiada yang lebih ramai...”*

﴿ قَالَ أَتَسْتَبْدِلُونَ الَّذِي هُوَ أَدْنَى بِالَّذِي هُوَ خَيْرٌ ... ﴾

Maksudnya:

*“Nabi Musa menjawab: “Adakah kamu mahu menukar sesuatu yang kurang baik dengan meninggalkan yang lebih baik?...”*

﴿ وَإِنْ أَصَابَتْهُ فُتْنَةٌ أَنْقَلَبَ عَلَى وَجْهِهِ خَسِرَ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةَ ... ﴾

Maksudnya:

*“(Dengan sikapnya itu) rugilah ia akan dunia dan akhirat...”*

Menurut Ibn Manzur (1997) diberi nama dengan dunia kerana hampirnya, yakni hampir dengan manusia berbanding akhir yang terkemudian. Ini dapat dilihat pada firman Allah SWT surah al-Syafaat ayat 6:

﴿ إِنَّا زَيَّنَاهُ السَّمَاءَ الدُّنْيَا بِزِينَةِ الْكَوَاكِبِ ... ﴾

Maksudnya:

*“Sesungguhnya Kami telah menghiasi langit yang terdekat dengan biasan, yaitu bintang-bintang.”*

Katanya lagi, dunia juga adalah nama bagi kehidupan ini, dan ia dipanggil begitu kerana akhirat jauh daripadanya.

Manakala menurut a-Ghazali(1990) dunia ialah yang yang dekat dan yang berlaku sekarang, iaitu segala sesuatu yang dikecapi dan dilakukan sebelum mati. Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) pula mendefinisikan dunia ialah 1. bumi dan segala yang terdapat di permukaannya, alam (tempat kita tinggal). 2. perihal hidup. 3. segala manusia yang hidup di bumi. 4. bidang, lapangan, alam. 5. Bahagian dunia (negara dll), masyarakat. Namun demikian di sisi ulama tasawuf, dunia didefinisikan dengan maksud yang lebih khusus dan terperinci. Menurut Abdus-Shamad (2013):

Dan murad (maksud) dengan dunia itu iaitu tiap-tiap kelakuan (perkara) yang dahulu daripada mati yang tiada memberi manfaat akan dirinya kemudian daripada matinya. Dan murad (maksud) dengan akhirat itu tiap-tiap kelakuan (perkara) yang kemudian daripada mati. Ada pun kelakuan di dalam dunia yang memberi manfaat akan dia kemudian daripada matinya itu seperti ilmu dan amal yang memberi manfaat akan akhirat, maka iaitu dibilangkan daripada amal akhirat dan jikalau ada daripada sekira-kira rupa amalnya itu di dalam dunia sekali pun.

Dan menurut Abdul Qadir (2021): Bahwasanya dikehendaki dengan dunia itu tiap-tiap barang yang di atas muka bumi daripada segala yang diingini dan segala yang sedap-sedap dan segala mata benda yang ingin akan dia oleh nafsu dan loba ia atasnya, dan harta dan kemegahan itu setengah daripada dunia, dua macam daripada segala bagai-bagai dunia. Atau bahwasanya dunia itu tiap-tiap barang yang tidak memberi manfaat kemudian daripada mati.

Daripada kedua-dua definisi ini dapat disimpulkan bahawa dunia yang dicela di dalam al-Quran bermaksud perkara-perkara yang tidak memberi manfaat dan faedah kepada seseorang selepas daripada kematianya. Manakala perkara-perkara yang dilakukan di dunia tetapi manfaatnya selepas mati, dikira sebagai perkara-perkara akhirat. Sebagaimana dijelaskan oleh Muhammad (1990) bahawa bukanlah semua yang dimiliki atau pun kecenderungan kepadanya dari bahagian, nasib atau sebagainya dari urusan keduniaan dianggap tercela. Malah urusan-urusan serupa itu terbahagi kepada tiga bahagian; Bahagian pertama ialah milik yang mengikut seseorang hingga akhirat dan faedahnya ikut bersama-sama sesudah mati. Bahagian kedua ialah milik yang berlawanan dengan jenis yang pertama, iaitu semua perkara yang menentukan bahagiannya di dunia sahaja tetapi tidak ada faedahnya sama sekali di akhirat. Dan bahagian yang ketiga ialah milik yang terletak di pertengahan antara dua keadaan yang terdahulu, iaitu setiap bahagian yang dikecapi dalam urusan keduniaan itu, semata-mata untuk menolongnya melaksanakan amalan-amalan baik buat akhiratnya.

## Dunia Menurut Pandangan Ulama

Dunia dan hal ehwalnya menjadi salah satu topik perbincangan ulama, khususnya ulama-ulama tasawuf. Perkara tersebut dapat dilihat di dalam karya-karya yang dihasilkan oleh mereka. Contohnya, Muhammad (1999) dalam kitabnya *Ihya' Uhumuddin* mendatangkan bab yang khusus tentang dunia iaitu *Kitab Zammi al-Dunya*. Manakala dalam kitabnya *Minhaj al-'Abidin*, di bawah bab *Aqabah al-'Awaiq*, beliau meletakkan dunia sebagai penghalang kepada ibadat (Muhammad, 2016). Al-Harith al-Muhasibi (1991) dalam kitabnya *Adab al-Nufus* membicarakan perihal dunia dalam bab *al-Balwa wa al-Iktibar: al-Qur'an Yuqarriru al-Ibtida' bi al-Dunya Kulliba*, Imam Habib Abdullah Haddad (2004) dalam kitabnya *al-Naso'ih al-Diniiyah wa al-Wasoya al-Imaniyyah* menyentuh tentang perihal dunia pada bab Berzuhud di Dunia, Abu Laits al-Samarqandi (2010) menyentuh tentang perihal dunia dalam kitabnya *Tanbih al-Ghafilin* pada Bab *Rafadhi al-Dunya*, Syeikh Abdus-Shamad al-Falimbani (2013) di dalam kitabnya *Hidayatus Salikin Fi Sulukil Muttaqin* pada bab Pada Menyatakan Kasih Akan Dunia, Syeikh Abdul Qadir bin Abdul Muthalib al-Mandili (2021) dalam kitabnya Penawar Bagi Hati membincangkan tentang dunia pada bab Menyatakan Kasih Akan Dunia dan Nik Abdul Kadir Nik Muhammad (t.t) dalam bukunya 20 Sifat Hati Yang Keji dan Terpuji membicarakan tentang dunia di dalam bab Cintakan Dunia.

Secara umumnya dapat disimpulkan bahawa ulama-ulama tasawuf amat menekankan tentang bahaya dunia kepada penghuni-penghuninya. Ia menjadi medan ujian bagi hamba-hamba Allah untuk mengetahui siapakah antara mereka yang bersyukur dan siapakah yang kufur (Shamsul, 2013). Firman Allah SWT dalam surah al-Kahfi ayat 7:

إِنَّا جَعَلْنَا مَا عَلَى الْأَرْضِ زِينَةً لَّهَا إِنَّبُلُوْهُمْ أَيُّهُمْ أَحْسَنُ عَمَلاً

Maksudnya:

“Sesungguhnya Kami telah jadikan apa yang ada di muka bumi sebagai perhiasan baginya, kerana Kami hendak menguji mereka, siapakah di antaranya yang lebih baik amalnya.”

Di samping itu dunia juga menjadi penghalang dan melalaikan manusia daripada mengingati akhirat dan mentaati segala perintah Allah SWT. Bahkan ia akan menjauhkan seseorang itu daripada Allah SWT. Menurut Muhammad (2016) gemar kepada dunia itu akan menyebabkan seseorang itu sibuk (zahir dan batin). Secara zahirnya seseorang yang sentiasa sibuk dengan menuntut habuan dunia, manakala batinnya memendamkan keinginan terhadap dunia sehingga ia menjadi percakapan hati. Sedangkan kedua-duanya itu akan menghalang ibadat, kerana sesungguhnya diri itu satu dan hati juga satu. Maka apabila hati sibuk dengan sesuatu perkara nescaya ia akan terputus dari yang lainnya iaitu lawannya.

Kesimpulannya ulama-ulama telah memberikan ingatan dan amaran tentang bahayanya kehidupan dunia. Setiap orang yang beriman perlu berhati-hati serta tidak boleh alpa dengan dunia. Telah terbukti umat-umat terdahulu yang dibinasakan oleh Allah SWT lantaran kecenderungan mereka terhadap dunia yang membawa kepada melanggar segala perintah Allah SWT dan rasul-rasul yang diutuskanNya. Tambahan lagi janji Allah SWT untuk mengazab mereka yang memilih dunia dan segala perhiasaannya berbanding hari akhirat yang kekal abadi.

### **Kalimah *Ad-dunya* di Dalam al-Quran**

Sebagaimana yang telah dinyatakan pada definisi dunia, kalimah *al-dunya* berasal daripada perkataan *dunuwun*. Namun kajian ini hanya memilih kalimah *ad-dunya* yang terdapat di dalam al-Quran. Justeru pada peringkat pertama pengkaji akan mengenalpasti ayat-ayat yang terdapat kalimah *ad-dunya*.

Menurut Hussein (2008) terdapat 115 kalimah *al-dunya* di dalam al-Quran, dan ia terhimpun di dalam 111 ayat serta 40 surah sebagaimana berikut:

Jadual 1 Kalimah al-Dunya dalam al-Quran

BIL	SURAH	AYAT
1.	al-Baqarah (10)	85, 86, 114, 130, 200, 201, 204, 212, 217, 220
2.	Ali Imran (9)	14, 22, 45, 56, 117, 145, 148, 152, 185
3.	al-Nisa' (6)	74, 77, 94, 109, 134 (2),
4.	al-Maidah (2)	32, 41
5.	al-An'am (4)	29, 32, 70, 130
6.	al-'Araf (4)	32, 51, 152, 156
7.	al-Anfaal (2)	42, 67
8.	al-Taubah (6)	38 (2), 55, 69, 74, 85,
9.	Yunus (7)	7, 23, 24, 64, 70, 88, 98,
10.	Hud (2)	15, 60
11.	Yusuf (1)	101
12.	Al-Ra'ad (3)	26 (2), 34
13.	Ibrahim (2)	3, 27
14.	Al-Nahl (4)	30, 41, 107, 122
15.	Al-Kahfi (4)	28, 45, 46, 104
16.	Toha (2)	72, 131
17.	al-Hajj (3)	9, 11, 15
18.	al-Mukminun (2)	33, 37
19.	al-Nur (4)	13, 19, 23, 33
20.	al-Qasas (5)	42, 60, 61, 77, 79

21.	al-Ankabut (3)	25, 27, 64
22.	al-Rum (1)	7
23.	Luqman (2)	15, 33
24.	al-Ahzab (2)	28, 57
25.	Fatir (1)	5
26.	al-Soffaat (1)	6
27.	al-Zumar (2)	10, 26
28.	Ghafir (3)	39, 43, 51
29.	Fussilat (3)	12, 16, 31
30.	al-Syura (2)	20, 36
31.	al-Zukhruf (2)	32, 35
32.	al-Jathiah (2)	24, 35
33.	al-Ahqaf (1)	20
34.	Muhammad (1)	36
35.	al-Najm (1)	29
36.	al-Hadid (2)	20 (2)
37.	al-Hasyr (1)	3
38.	al-Mulk (1)	5
39.	al-Naziaat (1)	38
40.	al-'Ala (1)	16

Namun demikian, tidak semua ayat-ayat di atas akan dikaji. Pengkaji akan memfokuskan kepada ayat-ayat larangan mengutamakan dunia dan celaan terhadap dunia serta orang-orang yang memilih dunia berbanding akhirat sahaja.

### Ayat-ayat Larangan Mengutamakan Dunia dan Celaan ke Atasnya

Kajian ini seterusnya memfokuskan kepada ayat-ayat yang terdapat kalimah *al-dunya* yang mana ayat-ayat tersebut membicarakan tentang larangan mengutamakan dunia dan celaan ke atasnya serta orang-orang yang memilih dunia berbanding akhirat. Sebagaimana yang dinyatakan di dalam jadual di bawah, daripada 111 ayat keseluruhannya, 44 ayat yang membicarakan tentang larangan mengutamakan dunia dan celaan ke atasnya serta orang-orang yang memilih dunia berbanding akhirat.

Jadual 2 Ayat Larangan Utama Dunia dan Celaan Dunia

Bil.	Ayat	Celaan
1.	2:86	Memilih kehidupan dunia berbanding akhirat.
2.	3:14	Dihiasi kepada manusia kesukaan kepada benda-benda yang dingini nafsu iaitu wanita-wanita, anak-pinak, harta benda yang banyak daripada emas dan perak, kuda peliharaan, binatang ternakan dan kebun-kebun. Semua itu adalah kesenangan dunia semata-mata, dan akhiratlah tempat yang paling baik.
3.	3: 85	Kehidupan dunia merupakan kesenangan bagi orang-orang yang terpedaya dengan tipuannya.
4.	4:77	Harta benda dunia ini hanyalah sedikit dan akan lenyap berbanding dengan kehidupan di akhirat.
5.	4:94	Larangan membunuh hanya kerana ingin mendapat harta benda dunia yang tidak kekal.

6.	4:134	Kerugian kepada orang yang hanya menginginkan balasan dunia semata-mata.
7.	6:32	Kehidupan dunia ini hanyalah permainan yang sia-sia dan hiburan yang melalaikan.
8.	6:70	Terpedaya dengan kehidupan dunia.
9.	6:130	Terpedaya dengan kemewahan hidup di dunia.
10.	7:51	Orang-orang kafir yang terpedaya dengan kehidupan dunia.
11.	8:67	Mencela keinginan kepada harta benda dunia yang tidak kekal berbanding dengan kehidupan di akhirat.
12.	9:38	Mempersoalkan adakah kehidupan dunia lebih disukai daripada kehidupan akhirat. Kemudian dijelaskan bahawa kesenangan dunia hanyalah sedikit berbanding dengan kesenangan akhirat.
13.	9:55	Larangan tertarik hati kepada harta benda dan anak-anak kerana Allah SWT hendak menyecka mereka dengan harta benda dan anak-anak itu dalam kehidupan dunia.
14.	9:85	Larangan tertarik hati kepada harta benda dan anak-anak kerana Allah SWT hendak menyecka mereka dengan harta benda dan anak-anak itu dalam kehidupan dunia.
15.	10:23	Kesenangan dunia hanyalah sementara.
16.	10:24	Allah SWT membuat bandingan dunia seperti air hujan yang turun dari langit dan menumbuhkan tanaman. Kemudian tanaman tersebut dibinasakan oleh Allah SWT.
17.	10:70	Dunia merupakan kesenangan yang sementara.
18.	10:88	Barang-barang perhiasan dan harta benda yang mewah dalam kehidupan dunia menyebabkan kesesatan kepada manusia.
19.	11:15	Sesiapa yang berkehendak kepada kehidupan dunia dan perhiasannya semata-mata, maka Allah SWT sempurnakan hasil usaha mereka di dunia dan tidak dikurangkan sedikit pun.
20.	13:26	Kehidupan dunia tidak lain hanya hanyalah kesenangan yang kecil dan tidak kekal berbanding kesenangan di akhirat.
21.	14:3	Orang yang mengutamakan dunia lebih daripada akhirat adalah orang-orang yang terjerumus ke dalam kesesatan yang jauh terpesong.
22.	16:107	Kekufuran yang berlaku disebabkan lebih mengutamakan kehidupan dunia berbanding akhirat.
23.	18:28	Larangan berpaling daripada berdamping dengan orang-orang yang beribadat kepada Allah SWT disebabkan berkehendak kepada kesenangan dunia.
24.	18:45	Allah SWT membuat bandingan dunia seperti air hujan yang turun dari langit dan menumbuhkan tanaman. Kemudian tanaman tersebut dibinasakan oleh Allah SWT.
25.	18:46	Harta benda dan anak-pinak hanyalah perhiasan hidup di dunia sahaja berbanding amal-amal soleh yang memberi faedah di sisi Allah SWT.
26.	20:131	Keindahan kehidupan dunia adalah ujian.
27.	24:33	Larangan melanggar perintah Allah SWT disebabkan berkehendakkan kesenangan hidup di dunia.

28.	28:60	Apa yang dikurniakan di dunia ini daripada harta benda dan lain-lain adalah merupakan kesenangan hidup di dunia serta perhiasannya dan di sisi Allah SWT adalah yang lebih baik dan lebih kekal.
29.	28:61	Membandingkan orang yang dijanjikan dengan balasan syurga dan orang yang hanya menikmati kesenangan hidup di dunia dan di akhirat dimasukkan ke dalam neraka.
30.	29:64	Kehidupan dunia ini jika dinilai dengan kehidupan akhirat hanyalah ibarat hiburan dan permainan.
31.	31:33	Amaran agar tidak diperdayakan oleh kehidupan dunia.
32.	33:28	Tawaran kepada isteri-isteri Nabi SAW seandainya mereka inginkan kehidupan dunia yang mewah serta perhiasannya, maka mereka akan diceraikan.
33.	35:5	Amaran agar tidak diperdayakan oleh kemewahan hidup di dunia.
34	40:39	Kehidupan dunia hanyalah kesenangan sementara waktu sahaja.
35.	42:20	Kerugian orang yang hanya menginginkan kehidupan dunia semata-mata.
36.	42:36	Nikmat kesenangan hidup di dunia berbanding apa yang ada di sisi Allah.
37.	43:35	Kesenangan kehidupan dunia berbanding kesenangan di hari akhirat.
38.	45:35	Terpedaya dengan kehidupan dunia.
39.	46:20	Orang-orang kafir yang bersenang-senang dengan kehidupan dunia dan di akhirat mereka akan dibalas dengan azab.
40.	47:36	Kehidupan dunia hanyalah ibarat permainan dan hiburan.
41.	53:29	Larangan kepada Nabi SAW agar tidak menghiraukan orang yang tidak mahu melainkan kehidupan dunia semata-mata.
42.	57:20	Kehidupan dunia itu tidak lain hanyalah permainan dan hiburan yang melalaikan serta perhiasan, juga bertujuan bermegah-megah di antara sesama manusia serta berlumba-lumba membanyakkan harta benda dan anak pinak. Dan ia adalah kesenangan bagi orang-orang yang terpedaya.
43.	79:38	Mengutamakan kehidupan dunia semata-mata.
44.	87:16	Mengutamakan kehidupan dunia semata-mata.

Berdasarkan jadual di atas dapat disimpulkan bahawa ayat-ayat tersebut menjelaskan:

1. *Larangan memilih kehidupan dunia semata-mata.*

Allah SWT melarang seseorang memilih dan mengutamakan kehidupan dunia semata-mata. Ini kerana kehidupan dunia tidak kekal abadi dan terlalu sedikit nilainya berbanding dengan kehidupan akhirat yang kekal abadi dan limpahan nikmat yang pelbagai. Bahkan memilih kehidupan dunia berbanding akhirat boleh menjerumuskan seseorang kepada kekufuran, sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Nahl ayat 107:

ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ أَسْتَحْبُوُا الْحَيَاةَ الدُّنْيَا عَلَى الْآخِرَةِ وَإِنَّ اللَّهَ لَا يَهِدِي الْقَوْمَ الْكُفَّارِينَ ﴿١٧﴾

Maksudnya:

“(Kekufuran mereka) yang demikian, ialah kerana mereka lebih mengutamakan kehidupan dunia daripada hari akhirat, dan kerana Allah tidak memberi hidayah petunjuk yang menyampaikan kaum yang kufur ingkar (kepada kebahagiaan di akhirat).”

2. Menjelaskan perkara-perkara dunia yang melalaikan serta hal ehwalnya.

Allah SWT menjelaskan perkara-perkara dunia yang melalaikan agar manusia berhati-hati dengannya. Perkara-perkara tersebut sememangnya diingini oleh nafsu manusia, iaitu wanita, anak-pinak, harta benda yang melimpah ruah, kenderaan dan sebagainya. Di samping itu dinyatakan juga hal ehwal dunia yang hanyalah permainan dan hiburan yang melalaikan serta perhiasan, juga bertujuan bermegah-megah di antara sesama manusia serta berlumba-lumba membanyakkan harta benda dan anak pinak. Perkara-perkara ini dinyatakan oleh Allah SWT di dalam surah Ali Imran ayat 14 dan surah al-Hadid ayat 20:

رِبَّنَا لِلنَّاسِ حُبُّ الْشَّهَوَاتِ مِنَ النِّسَاءِ وَالْبَنِينَ وَالْقَنَطِيرِ الْمُقْنَظَرَةِ مِنَ الدَّهَبِ وَالْفِضَّةِ وَالْحَيْلِ الْمُسَوَّمَةِ وَالْأَنْعَمِ  
وَالْحُرْثُ دَلِيلٌ مَتَّعْ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَاللَّهُ عِنْدُهُ حُسْنُ الْمَئَابِ ﴿٤٦﴾

Maksudnya:

“Dihiaskan (dan dijadikan indah) kepada manusia: kesukaan kepada benda-benda yang diingini nafsu, iaitu perempuan-perempuan dan anak-pinak; harta benda yang banyak bertimbun-timbun, dari emas dan perak; kuda peliharaan yang bertanda lagi terlatih; dan binatang-binatang ternak serta kebun-kebun tanaman. Semuanya itu ialah kesenangan hidup di dunia. Dan (ingatlah), pada sisi Allah ada tempat kembali yang sebaik-baiknya (iaitu Syurga).”

﴿۱۶﴾ أَعْلَمُوا أَنَّمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا لَعِبٌ وَهُوَ زَيْنَةٌ وَتَفَاخُرٌ بَيْنَكُمْ وَتَكَاثُرٌ فِي الْأَمْوَالِ وَالْأُولَادِ ...

Maksudnya:

“Ketahuilah bahawa (yang dikatakan) kehidupan dunia itu tidak lain hanyalah (bawaan hidup yang berupa semata-mata) permainan dan hiburan (yang melalaikan) serta perhiasan (yang mengurang), juga (bawaan hidup yang bertujuan) bermegah-megah di antara kamu (dengan kelebihan, kekuatan, dan bangsa keturunan) serta berlumba-lumba membanyakkan harta benda dan anak pinak;

3. Allah SWT membuat bandingan di antara kehidupan di dunia dan kehidupan akhirat.

Banyak ayat-ayat di dalam al-Quran yang Allah SWT datangkan dalam bentuk bandingan supaya manusia berfikir dengan sebaiknya dan melakukan pemilihan yang tepat antara dunia atau akhirat. Adakalanya Allah bandingkan antara dunia dengan amal-amal soleh, dunia dengan kesenangan serta kehidupan akhirat, dan dunia dengan Allah SWT. Di antaranya ialah firman Allah SWT dalam surah al-Kahfi ayat 46 dan surah al-Qasas ayat 60:

﴿٤٦﴾ الْمَالُ وَالْبُنُونَ زِيَّنَهُ الْحَيَاةُ الدُّنْيَا وَالْبَقِيرَتُ الصَّلَحَتُ حَيْرٌ عِنْدَ رَبِّكَ تَوَابًا وَحَيْرًا أَمَّا

Maksudnya:

“Harta benda dan anak pinak itu, ialah perhiasan hidup di dunia; dan amal-amal soleh yang kekal faedahnya itu lebih baik pada sisi Tuhanmu sebagai pahala balasan, dan lebih baik sebagai asas yang memberi harapan.”

وَمَا أُوتِيتُم مِنْ شَيْءٍ فَمَتَّعُوا بِالْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَزِينُوهَا وَمَا عِنْدَ اللَّهِ خَيْرٌ وَأَبْقَى أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴿٤٥﴾

Maksudnya:

“Dan apa jua (harta benda dan lain-lainnya) yang diberikan kepada kamu, maka adalah ia merupakan kesenangan hidup di dunia dan perhiasannya; dalam pada itu, apa jua yang ada di sisi Allah (yang disediakan untuk orang-orang yang beriman dan taat) adalah ia lebih baik dan lebih kekal; maka mengapa kamu tidak mahu memahaminya?”

4. Allah SWT menjelaskan dunia dalam bentuk perumpamaan.

Sebagaimana dimaklumi bahawa banyak perumpamaan didatangkan oleh Allah SWT di dalam al-Quran supaya manusia mudah memahaminya. Perumpamaan adalah bertujuan untuk mendekatkan fikiran manusia kepada sesuatu perkara, apatah lagi sesuatu yang diumpamakan itu perkara yang hampir dengan kehidupannya. Allah SWT telah mengumpamakan dunia seperti air hujan yang turun dari langit dan telah menumbuhkan tanaman. Namun kemudiannya tanaman tersebut dibinasakan sekelip mata sahaja. Firman Allah SWT dalam surah al-Kahfi ayat 45:

وَاضْرِبْ لَهُم مَثَلَ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا كَمَا إِنَّ رَبَّنَا مِنَ السَّمَاءِ فَأَخْتَلَطَ بِهِ نَبَاتُ الْأَرْضِ فَأَصْبَحَ هَشِيمًا تَذْرُوهُ الْرِيحُ<sup>٤٥</sup>  
وَكَانَ اللَّهُ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ مُّقْتَدِرًا ﴿٤٥﴾

Maksudnya:

“Dan kemukakanlah kepada mereka misal perbandingan: Kehidupan dunia ini samalah seperti air yang Kami turunkan dari langit, lalu bercampur aduklah tanaman di bumi antara satu sama lain (dan kembang suburlah ia) disebabkan air itu; kemudian menjadilah ia kering hancur ditiup angin; dan (ingatlah) adalah Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.”

## Kesimpulan

Dunia hanyalah merupakan tempat persinggahan yang sementara. Ia menjadi tempat manusia diujian dan dicuba. Kecuaian dan kealpaan kepada godaan dan tipu daya dunia akan menatijahkan kerugian dan kesesalan di akhirat nanti. Oleh kerana itu al-Quran mengingatkan manusia dalam banyak ayat agar tidak mengutamakan kehidupan dunia semata-mata. Apatah lagi dunia hanya diberatkan seperti hiburan yang melalaikan dan permainan yang sia-sia sahaja. Hiburan dan permainan hanyalah bersifat sementara dan sampai satu saat ia akan membosankan dan memenatkan. Maka begitulah kehidupan dunia yang hanya sementara berbanding kehidupan akhirat. Bahkan jika dibandingkan dengan kehidupan akhirat, kehidupan dunia terlalu sedikit dan tidak kekal. Berbeza dengan kehidupan akhirat yang dilimpahi dengan kenikmatan yang tidak putus dan ia kekal abadi selamanya. Maka ayat-ayat al-Quran yang memperihalkan tentang dunia melarang seseorang memilih kehidupan dunia semata-mata dan dalam masa yang sama membuat bandingan antara kehidupan dunia dan kehidupan akhirat. Justeru kehidupan dunia ini perlulah dimanfaatkan dengan sebaiknya dan dijadikan sebagai tempat bercucuk tanam untuk hari akhirat.

## Rujukan

- Abdul Qadir bin Abdul Muthalib al-Mandili. (2021). *Penawar Bagi Hati*. Selangor: Al-Hidayah Publication.
- Abdullah bin ‘Alawi al-Hadrami. (2004). *al-Naso’ib al-Diniyyah wa al-Wasoya al-Imaniyyah*. Singapura: Pustaka Nasional.

- Abdus-Shamad al-Falimbani. (2013). *Hidayatus Salikin Fi Suluki Maslakil Muttaqin*. Kedah: Khazanah Banjariah & Pustaka Suhbah.
- Abu Laits As-Samarqandi. (2010). *Tanbihul Ghafilan*. Selangor: Pustaka Jiwa.
- Ahmad bin Faris. (1979). *Mu'jam Maqayis al-Lugbah*. J2. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Harith bin Asad al-Muhasibi. (1991). *Adab al-Nufus*. Beirut: Muasasah al-Kutub al-Thaqafiyyah.
- Ar-Raghib al-Asfahani. (2020). *Al-Mufradaat fi Gharib al-Quran*. J1. Jawa Barat: Pustaka Khazanah Fawa'id.
- Hussein Muhammad Fahmi. (2008). *Al-Dalil al-Mufabris li Alfaż al-Quran al-Karim*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Muhammad bin Abu Bakar. (1999). *Mukhtar al-Sihah*. Beirut: Dar Ihya' ak-Turoth al-'Araby.
- Muhammad bin Muhammad al-Ghazali. (1990). *Bimbingan Mukmin*. Singapura: Pustaka Nasional PTE LTD.
- Muhammad bin Muhammad al-Ghazali. (1999). *Ihya' Ulu'middin*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Muhammad bin Muhammad al-Ghazali. (2016). *Minhaj al-Abidin*. Kuala Lumpur: Pustaka Darul Iman.
- Muhammad bin Mukarram bin Manzhur. (1997). *Lisan al-Arab*. J2. Beirut: Dar al-Sadr.
- Nasr bin Muhammad al-Hanafi al-Samarqandi. (1998). *Tanbih al-Ghafilan*. Mesir: Maktabah Iman.
- Nik Abdul Kadir Nik Muhammad. (t.t.). *20 Sifat Hati Yang Keji dan Terpuji*. Kelantan: Syarikat Jaffar Rawas Sdn. Bhd.
- Noresah br. Baharom. (2007). *Kamus Dewan (Edisi Keempat)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shamsul Mohd Nor. (2013). *Menyelami Samudera Tasawuf*. Selangor: Yamani Angle Sdn. Bhd.

## BAB 5

### AL-QURAN KARYA BESTARI DAN AL-QURAN KARYA TELAGA BIRU: SATU PERBANDINGAN

Nor Hasanah Mohd Yusoff<sup>1</sup>, Siti Mahfudzoh Mohd Hafiz<sup>2</sup>,  
Nursaiyidah Nafisah Mohd Zamri<sup>3</sup>, Amiratul Rashidah Abdul Nasir<sup>4</sup>

<sup>1</sup>Universiti Islam Selangor (UIS)  
<sup>2</sup>Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

#### Pengenalan

Al-Quran merupakan kalam Allah S.W.T yang diwahyukan kepada Nabi Muhammad S.A.W. memainkan peranan serta petunjuk bagi seluruh umat manusia (Sutiono et al., 2023). Kitab suci ini dilihat anugerah dan mukjizat terhebat yang Allah berikan kepada umat manusia, memberi panduan yang jelas dan sempurna dalam menjalani kehidupan yang bermakna (Nahar, 2020). Pentingnya al-Quran dalam kehidupan umat Islam tidak dapat disangkal, sebagaimana yang disampaikan oleh Rasulullah S.A.W. beliau telah menekankan betapa pentingnya untuk berpegang teguh kepada al-Quran dan sunnahnya sebagai jaminan dari kesesatan. Hadis yang diriwayatkan Daripada Malik, sesungguhnya Rasulullah SAW telah bersabda, "*Aku tinggalkan dua perkara yang jika kamu berpegang kepada keduanya, nescaya kamu tidak akan sesat selama-lamanya, iaitu al-Quran dan sunnah ku.*" (Muwatta' Malik No: 1661 Dar Ihya Ulum Arabiyah).

Kajian ini bertujuan untuk membandingkan dan mengkaji dua penerbitan al-Quran utama di Malaysia, iaitu al-Quran Bestari dan al-Quran Telaga Biru. Pemilihan kedua-dua ini disebabkan oleh kesannya yang besar dalam memperkembangkan pengetahuan dan menarik minat pembaca, khususnya umat Islam, terhadap kitab suci al-Quran, termasuk dalam aspek penulisan, ilmu tajwid, bilangan muka surat, jenis kulit, jenis khat, pewarnaan tanda baris, saiz al-Quran, dan sumber rujukan.

Metodologi kajian ini menggunakan analisis artikel dan laman web yang relevan sebagai kaedah utama untuk mengumpulkan data (Samad et al., 2021). Hasil kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan di antara kedua-dua penerbitan tersebut seterusnya memberikan impak penting dalam mempengaruhi cara pembacaan, pemahaman dan pengajaran al-Quran di kalangan masyarakat Malaysia (Samad et al., 2021) (Rohmatun, 2022).

Pentafsiran dan pemahaman yang mendalam terhadap al-Quran bukan sahaja sebagai panduan rohani tetapi juga sebagai asas untuk mempromosikan keharmonian dalam masyarakat yang pelbagai budaya dan kepercayaan (Abokhodair et al., 2020) (Richtig & Saifullah, 2023). Dengan memahami perbezaan dan keistimewaan antara al-Quran Bestari dan al-Quran Telaga Biru, kita dapat mengapresiasi sumbangannya dalam memelihara kesucian dan keautorian al-Quran serta memperkuatkannya untuk menyebarkan ilmu al-Quran yang bermutu kepada masyarakat global (Samad et al., 2021) (Rohmatun, 2022) (Abokhodair et al., 2020) (Richtig & Saifullah, 2023). Diharapkan kajian ini dapat memberikan hasil yang berharga dan memberi dorongan kepada usaha-usaha untuk memelihara dan mempromosikan keharmonian serta pemahaman yang mendalam tentang ajaran al-Quran di kalangan umat Islam dan masyarakat secara keseluruhan.

## **Al-Quran Karya Bestari**

Penerbitan al-Quran Karya Bestari memainkan peranan penting dalam memelihara keharmonian masyarakat melalui penyediaan pelbagai jenis al-Quran yang berkualiti tinggi serta inovatif. Karya Bestari merupakan sebuah anak syarikat di bawah Kumpulan Media Karangkraf, telah berjaya menetapkan reputasinya sebagai pengeluar al-Quran terkemuka di Malaysia dan dikenali di luar negara seperti Indonesia, Singapura, Brunei, dan Amerika Syarikat (Safarina Sesamsudin, 2014). Sejak penubuhannya pada tahun 1977 oleh Hussamuddin Haji Yaacob serta penubuhan operasi al-Quran pada tahun 2010, Karya Bestari telah memainkan peranan signifikan dalam menyokong pemahaman dan pengajian al-Quran di kalangan umat Islam (Safarina Sesamsudin, 2014). Inovasi mereka dalam pembangunan al-Quran telah memberi pelbagai pilihan kepada pembaca, termasuklah al-Quran khusus untuk wanita, al-Quran dengan kaedah tajwid yang berwarna, al-Quran untuk tafsir, al-Quran dengan terjemahan perkataan demi perkataan, dan al-Quran dengan tafsir yang mendalam.

Salah satu produk yang mencerminkan keunikan Karya Bestari adalah al-Quran Al-Karim Muslimah, yang tidak hanya menonjolkan tema-tema yang relevan dengan wanita tetapi juga disertakan dengan panduan tajwid yang berwarna dan tafsir tematik yang berkaitan. Ini tidak hanya memudahkan pembacaan tetapi juga memberikan konteks yang lebih mendalam terhadap ayat-ayat al-Quran. Selain itu, al-Quran Tahfiz yang dibahagikan kepada pelbagai kategori seperti Junior A5, A4, dan Al-Hafiz menunjukkan komitmen Karya Bestari dalam menyokong pelajar tafsir dengan menyediakan alat bantu yang sesuai untuk proses penghafalan. Setiap produk ini dilengkapi dengan teknologi terkini dan disemak oleh Lajnah Tasleh al-Quran, Kementerian Dalam Negeri Malaysia, menunjukkan standard yang tinggi dalam kualiti dan keaslian isi kandungan.

Inovasi dalam penerbitan al-Quran juga diperkuuhkan melalui penciptaan kumpulan R&D yang bertanggungjawab untuk memastikan setiap edisi baru al-Quran tidak hanya memenuhi keperluan semasa tetapi juga mengintegrasikan elemen-elemen yang relevan dan bermakna bagi masyarakat. Ini termasuklah penggunaan teknologi media sosial untuk mempromosikan produk-produk terbaru, menyebarluaskan ilmu dan informasi mengenai al-Quran kepada lebih ramai orang. Secara keseluruhannya, penerbitan al-Quran Karya Bestari bukan sahaja berfungsi sebagai sararan untuk memahami ajaran agama tetapi juga sebagai alat untuk memperkuuhkan keharmonian masyarakat. Melalui pendekatan yang proaktif dalam menyelidik dan membangunkan konten, mereka turut menyumbang kepada pengetahuan dan kefahaman umum terhadap al-Quran. Ini sejajar dengan visi mereka untuk memelihara integriti dan keaslian al-Quran serta menyokong pembangunan rohani dan intelektual masyarakat Islam di seluruh dunia.

## **Al-Quran Karya Telaga Biru**

Syarikat Telaga Biru Sdn. Bhd. telah membuktikan kesungguhan mereka dalam menerbitkan al-Quran dengan menitikberatkan pelbagai inovasi untuk memastikan al-Quran dapat diakses dan difahami dengan lebih baik oleh masyarakat. Dengan asas yang kukuh, syarikat yang ditubuhkan pada tahun 1997 oleh Hj. Waharp Yusoff dengan dorongan idea dari Tan Sri Dato' Hj. Hassan bin Hj. Azhari dan Prof. Madya Dr. Hj. Abdul Rauf bin Tan Sri Dato' Hj. Hassan merupakan pakar dalam bidang al-Quran. Usaha mereka memakan masa hampir dua tahun untuk menyiapkan manual lengkap al-Quran al-Karim dengan panduan Waqaf dan Ibtida'.

Penerbitan al-Quran mereka telah menerima pengiktirafan melalui penilaian oleh Almarhum Syeikh Mahmud Amin Tantawi, mantan Pengurus Lembaga Tashih al-Quran di Mesir, yang memberi keyakinan kepada kualiti terbitan mereka. Selain daripada al-Quran, syarikat ini juga menerbitkan pelbagai produk lain seperti buku teks, rujukan, latihan, dan produk robotik yang

memperkaya lagi portfolio mereka dalam bidang pendidikan dan keilmuan. Pada tahun 2023, Telaga Biru Sdn. Bhd. mengeluarkan beberapa edisi terbaru al-Quran yang mempunyai ciri-ciri unik seperti Al-Quran Al-Karim Tajwid & Terjemahan al-Kamil. Al-Quran ini dikenali dengan kod TBAQ1066 dan mempunyai 662 muka surat. Saiznya yang lebih kecil (14cm x 10cm) membolehkan mudah dibawa ke mana-mana dan dibaca pada bila-bila masa, manakala kulit keras dengan warna berbeza memberi daya tarikan visual kepada pembaca. Penerbitan ini juga telah diluluskan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN), menunjukkan komitmen syarikat dalam mematuhi peraturan tempatan.

Kelebihan yang paling menonjol dari al-Quran terbitan Telaga Biru Sdn. Bhd. adalah penggunaan teknologi *sticker note* berwarna untuk memudahkan pencarian ayat-ayat kunci, serta penerangan dan rujukan tajwid yang diselitkan di bawah kertas sebagai panduan tambahan. Tekst al-Quran menggunakan khat nasakh versi terbaru yang memastikan jelas dan seragam, sambil warna latar belakang untuk *waqaf* dan *ibtiida* serta pewarnaan tajwid mengikut spesifikasi KDN terkini. Terjemahan yang dikemaskini dalam bahasa Melayu mempermudahkan pembaca memahami pembahagian tajuk-tajuk dalam al-Quran, sambil menyentuh beberapa aspek penting seperti kaedah al-Mizan untuk mengakhiri bacaan dengan sempurna. Hadis saih dan asbabun nuzul turut disertakan sebagai tambahan ilmu, manakala catatan adab membaca al-Quran dari *Kitab at-Tibyan Fi Adab Hamalah al-Quran* oleh Imam Nawawi memberikan panduan tambahan kepada pembaca.

Setiap lima juzuk diwarnai dengan pewarnaan kertas yang berbeza, menjadikan al-Quran lebih menarik untuk dibaca. Selain itu, halaman muka surat yang mengandungi nombor dalam arab dan rumi, serta nota kaki untuk penerangan yang lebih terperinci, memberi kemudahan kepada pembaca dalam penggunaan dan pemahaman al-Quran. Kesimpulannya, al-Quran terbitan Telaga Biru Sdn. Bhd. bukan sahaja sebagai sumber ilmu agama tetapi juga sebagai alat untuk memupuk keharmonian dalam masyarakat. Dengan pelbagai inovasi dan kualiti yang tinggi, mereka terus berusaha untuk mempertingkatkan motivasi dan minat masyarakat dalam membaca dan menghayati ajaran al-Quran dalam kehidupan seharian. Dengan itu, sumbangan mereka tidak hanya memenuhi keperluan rohani tetapi juga mengukuhkan nilai-nilai harmoni dalam masyarakat secara menyeluruh.

## **Perbandingan al-Quran Karya Bestari dan al-Quran Karya Telaga Biru**

Penerbitan al-Quran di Malaysia telah menjadi aspek yang sangat penting dalam memperkuuhkan keilmuan dan keagamaan dalam masyarakat Islam. Dua syarikat utama yang terkenal dalam bidang ini adalah Karya Bestari dan Telaga Biru, masing-masing dengan pendekatan dan ciri khas yang unik.

### **a) Sejarah dan Latar Belakang**

Karya Bestari adalah anak syarikat kepada Media Karangkraf, yang diasaskan pada tahun 1978 oleh Hussamuddin Haji Yaacob. Sebagai pelopor dalam penerbitan buku rujukan Islam di Malaysia, Karya Bestari telah memainkan peranan penting dalam memperkaya literasi Islam di kalangan masyarakat. Pada tahun 2010, Karya Bestari memulakan langkah baru dengan memasuki bidang penerbitan al-Quran. Salah satu terbitan terkenal mereka ialah al-Quran al-Karim Muslimah, yang direka khas dengan tema yang sesuai untuk wanita dalam Islam. Dengan penggunaan kaedah tajwid berwarna dan terjemahan dalam bahasa Melayu yang mendalam, Karya Bestari berjaya menarik minat pembaca dan huffaz al-Quran di dalam dan luar negara. Pendekatan inovatif ini telah menjadikan Karya Bestari sebagai peneraju dalam penerbitan al-Quran di Malaysia.

Telaga Biru pula ditubuhkan pada tahun 1997 oleh Hj. Waharp Yusoff. Pada permulaan, Telaga Biru memfokuskan kepada penghasilan kaset dakwah dan album nasyid, yang membantu menyebarkan mesej Islam melalui media audio. Seiring dengan perkembangan teknologi, Telaga Biru telah berkembang ke dalam pasaran penerbitan al-Quran dan buku motivasi. Mereka memberi tumpuan kepada inovasi teknologi seperti penggunaan cakera optik dan teknik pembelajaran yang efektif untuk meningkatkan keberkesanan dakwah dan pendidikan Islam. Ini menjadikan Telaga Biru sebagai salah satu penerbit yang disegani dalam industri penerbitan Islam.

### b) Pendekatan dan Pengkhususan Tema

Karya Bestari telah mencipta nama dalam pasaran penerbitan al-Quran dengan pendekatan yang mengkhususkan tema kepada segmen tertentu. Salah satu produk terkemuka mereka ialah al-Quran al-Karim Muslimah, yang dirancang khas untuk menonjolkan peranan dan keindahan wanita dalam Islam. Al-Quran ini menampilkan elemen yang relevan kepada wanita, menjadikannya lebih dekat dan bermakna bagi golongan pembaca wanita. Pendekatan unik Karya Bestari termasuk penggunaan kaedah tajwid berwarna. Teknik ini memudahkan para huffaz (penghafal al-Quran) dalam menghafal dan memahami ayat-ayat suci al-Quran. Setiap warna menunjukkan hukum tajwid tertentu, yang membantu pembaca mengenali dan mengaplikasikan hukum tersebut semasa membaca. Selain itu, Karya Bestari juga memperkenalkan kaedah pembelajaran terjemahan perkataan demi perkataan di bawah setiap ayat al-Quran. Ini membantu pembaca memahami maksud setiap perkataan secara mendalam dan memperkuat pemahaman keseluruhan ayat. Dengan pendekatan ini, Karya Bestari berjaya meningkatkan kefahaman al-Quran di kalangan masyarakat pembaca mereka.

Telaga Biru, sebaliknya, mengambil pendekatan yang berbeza dengan tidak mengkhususkan tema tertentu dalam penerbitan al-Quran mereka. Fokus utama mereka ialah penyelarasan dan penambahbaikan yang berterusan dalam setiap edisi al-Quran yang diterbitkan. Telaga Biru memberikan perhatian khusus kepada inovasi dalam pewarnaan teks. Pewarnaan ini bertujuan untuk memudahkan pembacaan dan pemahaman ayat-ayat al-Quran, terutamanya bagi mereka yang baru belajar membaca al-Quran. Selain itu, mereka juga menyediakan nota kaki yang informatif, yang memberikan penjelasan lanjut tentang konteks ayat dan hukum-hukum yang berkaitan. Satu lagi aspek penting dalam pendekatan Telaga Biru ialah penerapan teknologi pembelajaran terkini. Mereka mengintegrasikan teknologi moden untuk meningkatkan kualiti bacaan dan pemahaman al-Quran. Ini termasuk penggunaan cakera optik dan aplikasi digital yang interaktif, yang membantu pembaca untuk belajar dan menghafal al-Quran dengan lebih efektif.

### c) Kaedah Penerbitan dan Pengaruh Pasaran

Karya Bestari menggunakan pendekatan yang teliti dalam penerbitan al-Quran mereka, dengan fokus utama pada pemahaman dan penghafalan. Salah satu kaedah yang diterapkan ialah terjemahan perkataan demi perkataan dalam bahasa Melayu yang disertakan di bawah setiap ayat al-Quran. Kaedah ini membantu pembaca memahami makna setiap perkataan secara mendalam dan memperkuat pemahaman mereka terhadap keseluruhan ayat. Selain itu, Karya Bestari juga menggunakan kaedah tajwid berwarna. Ayat-ayat al-Quran dibahagikan kepada warna-warna tertentu yang menunjukkan hukum tajwid yang berbeza. Teknik ini telah terbukti meningkatkan disiplin dan kecekapan penghafal al-Quran, kerana ia memudahkan mereka mengenali dan mengingat hukum-hukum tajwid semasa membaca. Pendekatan ini telah menjadikan Karya Bestari sebagai penerbit yang disegani dalam pasaran al-Quran, menarik minat pembaca yang ingin memperdalam pemahaman dan penghafalan mereka terhadap al-Quran. Keunikan dan keberkesanan kaedah-kaedah ini telah membantu Karya Bestari untuk memenangi hati para pembaca dan huffaz al-Quran di dalam dan luar negara.

Telaga Biru pula menggunakan kaedah-kaedah yang berfokus pada ketertiban dan kelancaran bacaan al-Quran. Salah satu kaedah yang digunakan ialah kaedah al-Mizan, yang membantu dalam mengatur dan menyeimbangkan bacaan al-Quran. Kaedah ini sangat berguna bagi para imam dan individu yang ingin memastikan bacaan mereka mantap dan teratur, terutamanya semasa solat. Selain itu, Telaga Biru juga menggunakan kaedah az-Zikr, yang memfokuskan kepada pengakhiran bacaan al-Quran dengan lancar dan teratur. Kaedah ini membantu para pembaca dan imam untuk mengakhiri bacaan mereka dengan keyakinan dan kejelasan, menjadikan pengalaman membaca al-Quran lebih menyeluruh dan bermakna. Telaga Biru juga memanfaatkan teknologi dengan baik untuk memasarkan produk-produk mereka. Mereka menggunakan platform e-dagang dan televisyen untuk mencapai audiens yang lebih luas. Melalui penggunaan teknologi moden, Telaga Biru dapat mempromosikan produk mereka secara meluas dan efektif, menjadikan mereka salah satu penerbit al-Quran yang terkenal dan dihormati di pasaran.

Pendekatan inovatif dan penggunaan teknologi dalam kaedah penerbitan Karya Bestari dan Telaga Biru telah memberi impak besar dalam industri penerbitan al-Quran. Kedua-duanya berjaya memenuhi keperluan dan harapan pembaca yang berbeza, dengan Karya Bestari memberi tumpuan kepada pemahaman mendalam dan penghafalan, manakala Telaga Biru memfokuskan kepada kelancaran dan ketertiban bacaan. Keberkesanan kaedah-kaedah ini telah meningkatkan pengaruh mereka dalam pasaran, menjadikan kedua-dua penerbit ini sebagai peneraju dalam industri penerbitan al-Quran.

#### d) Pengaruh Luar Negara dan Penyebaran al-Quran

Karya Bestari telah mencapai pengiktirafan di peringkat global dengan penerbitan al-Quran mereka yang telah merentasi sempadan Malaysia. Penerbitan mereka telah sampai ke negara-negara Asia, Eropah, dan Amerika Syarikat. Pengesahan keaslian dan kualiti penerbitan al-Quran Karya Bestari telah menarik minat masyarakat Islam di seluruh dunia. Kejayaan ini membuktikan bahawa mereka berjaya mempertahankan standard yang tinggi dalam setiap terbitan al-Quran mereka. Karya Bestari tidak hanya memfokuskan kepada pasaran tempatan tetapi juga berusaha untuk menyebarkan keilmuan dan kefahaman al-Quran ke seluruh dunia. Usaha ini tidak hanya membantu meningkatkan kefahaman terhadap Islam di kalangan masyarakat bukan Islam tetapi juga memperkuuhkan ikatan ummah di peringkat antarabangsa. Dengan pendekatan inovatif dan berkualiti tinggi, Karya Bestari telah berjaya menarik perhatian dan minat dari pelbagai negara, memperluas pengaruh mereka dalam dunia penerbitan al-Quran.

Walaupun Telaga Biru masih dalam proses memperluaskan pengaruh mereka ke luar negara, mereka telah berjaya menarik perhatian di Malaysia dengan inovasi dalam teknologi dan kualiti penerbitan. Fokus utama Telaga Biru adalah pada penyelaras dan penambahbaikan berterusan, serta penerapan teknologi pembelajaran terkini dalam penerbitan al-Quran. Langkah Telaga Biru untuk menjalankan kerjasama dengan syarikat e-dagang dan platform TV menunjukkan komitmen mereka untuk berkembang di pasaran global. Melalui kerjasama ini, mereka dapat mempromosikan produk mereka kepada audiens yang lebih luas, termasuk di luar negara. Walaupun pengaruh mereka di peringkat antarabangsa masih berkembang, Telaga Biru menunjukkan potensi besar untuk menjadi penerbit al-Quran yang terkenal di seluruh dunia.

Kedua-dua Karya Bestari dan Telaga Biru memainkan peranan penting dalam mempopularkan dan mempertahankan bacaan al-Quran di Malaysia. Walaupun mempunyai pendekatan yang berbeza dalam penghususan tema, kaedah penerbitan, dan strategi pasaran, persaingan ini membawa kebaikan dalam memperkuuhkan keilmuan dan keagamaan masyarakat

Islam. Karya Bestari dengan pendekatan terjemahan perkataan demi perkataan dan tajwid berwarna, serta pengkhususan tema kepada segmen tertentu seperti wanita, telah berjaya menarik minat pembaca global. Sementara itu, Telaga Biru dengan fokus pada inovasi teknologi dan kerjasama dengan platform e-dagang dan televisyen, menunjukkan potensi besar untuk berkembang di pasaran global. Keberhasilan kedua-dua penerbit ini dalam menjaga keaslian al-Quran dan menjadikannya mudah diakses serta difahami oleh semua golongan mencerminkan semangat melestarikan harmoni dalam masyarakat. Dengan usaha berterusan dan komitmen yang tinggi, penerbitan al-Quran oleh Karya Bestari dan Telaga Biru akan terus berkembang dan memberi manfaat yang besar kepada umat Islam di Malaysia dan seluruh dunia.

## Kesimpulan

Kesimpulannya, perbandingan antara al-Quran Bestari dan al-Quran Telaga Biru menunjukkan bahawa kedua-dua penerbit ini bukan sekadar menyediakan sumber bacaan penting, tetapi juga berperanan dalam memperdalam pemahaman terhadap ajaran Islam di kalangan masyarakat Malaysia. Karya Bestari dengan fokusnya kepada al-Quran al-Karim Muslimah dan penggunaan kaedah tajwid berwarna memberikan pilihan yang memenuhi keperluan khusus golongan tertentu dalam masyarakat. Di sisi lain, Telaga Biru menawarkan inovasi melalui teknologi pembelajaran yang meningkatkan aksesibiliti dan pemahaman terhadap al-Quran.

Selain itu, kedua-dua penerbit ini juga memainkan peranan penting dalam mempromosikan nilai-nilai seperti kesederhanaan, toleransi, dan hormat-menghormati dalam masyarakat Malaysia. Melalui penerbitan mereka yang mencerminkan nilai-nilai ini, mereka membantu memperkuatkan identiti Islam dalam kalangan pembacanya dan turut menyumbang kepada keharmonian sosial di negara ini. Dengan meneruskan pendekatan yang inklusif dan inovatif, Karya Bestari dan Telaga Biru tidak hanya sebagai agen penerbitan, tetapi juga sebagai penghubung antara ajaran agama Islam dan kehidupan sosial masyarakat. Harapan ke depan adalah agar peranan mereka dapat terus diperkuuhkan melalui inovasi teknologi dan pendekatan yang relevan dengan kompleksiti masyarakat kontemporari, menjadikan Malaysia sebagai pusat keilmuan Islam yang dihormati dan contoh dalam melestarikan keharmonian dan keberagaman sosial di peringkat global. Dengan pemahaman dan penghayatan yang mendalam terhadap nilai-nilai Islam, diharapkan masyarakat Malaysia dapat terus menghargai peranan penting Karya Bestari dan Telaga Biru dalam meneruskan warisan intelektual Islam serta memupuk persefahaman yang lebih dalam dan keharmonian yang berkekalan dalam masyarakat yang majmuk ini.

## Rujukan

- Abokhodair, N., Elmadany, A., & Magdy, W. (2020, October 14). Holy Tweets. Association for Computing Machinery, 4(CSCW2), 1-32. <https://doi.org/10.1145/3415230>
- Al-Quran Al-Karim & Terjemahan Al-Ghufran (Diari Batik) - (TBAQ1052) . (n.d.). Telaga Biru. May 13, 2024, <https://telagabiru.com.my/products/tbaq1052>
- Al-Quran Al-Karim & Terjemahan Al-Ghufran (Diari Batik) (Tagging) - (TBAQ1055) . (n.d.). Telaga Biru. Retrieved May 13, 2024, <https://telagabiru.com.my/products/al-quran-al-karim-terjemahan-al-ghufran-diari-batik-tagging-tbaq1055>
- Al-Quran Al-Karim & Terjemahan Al-Ghufran (Zip Songket) - (TBAQ1051) . (n.d.). Telaga Biru. May 13, 2024, <https://telagabiru.com.my/products/tbaq1051>
- Al-Quran Al-Karim Al-Andalus A4 [Waqaf & Ibtida']." Karangkraf Mall, <https://www.karangkrafmall.com/al-quran-al-karim-al-andalus>. 18 April 2024
- Al-Quran Al-Karim Al-Mujawwad Dengan Panduan Waqaf & Ibtida' - (TBAQ1062) . (n.d.) <https://telagabiru.com.my/products/al-quran-al-karim-al-mujawwad>

- Al-Quran Al-Karim At-Tashil Dengan Panduan Warna Tajwid Dan Waqaf & Ibtida' (Tanpa Stand) - (TBAQ1056) . (n.d.). Telaga Biru. Retrieved May 13, 2024, <https://telagabiru.com.my/products/al-quran-al-karim-at-tashil-dengan-panduan-warnatajwid-dan-waqaf-ibtida-tbaq1056>
- Al-Quran Al-Karim Dan Terjemahan Al-Kamil Dengan Panduan Waqaf & Ibtida' (Tagging) - (TBAQ1066). (n.d.). Telaga Biru. April 18, 2024, from <https://telagabiru.com.my/products/al-quran-al-karim-dan-terjemahan-al-kamil-denga-n-panduan-waqaf-ibtida-tagging-tbaq1066>
- Al-Quran Al-Karim Tajwid & Terjemahan Qiyam Beserta Panduan Waqaf dan Ibtida- (TBAQ1045) . (n.d.). Telaga Biru. May 13, 2024, <https://telagabiru.com.my/products/al-quran-al-karim-tajwid-terjemahan-qiyam-berserta-panduan-waqaf-dan-ibtida-tbaq1045>
- Al-Quran Al-Karim Tajwid & Terjemahan Tematik Dengan Panduan Warna Bertema - (TBAQ1040) . (n.d.). Telaga Biru. May 13, 2024, <https://telagabiru.com.my/products/al-quran-al-karim-tajwid-terjemahan-tematik-dengan-panduan-warna-bertema-tbaq1040>
- Al-Quran Al-Karim Tajwid Dan Terjemahan Al-Jawahir Berserta Panduan Waqaf & Ibtida' <https://telagabiru.com.my/products/al-quran-al-karim-tajwid-dan-terjemahan-al-jawahir-berserta-panduan-waqaf-ibtida-tbaq1060>
- Al-Quran Al-Karim Tajwid Dan Waqaf & Ibtida' An-Nibras Berserta Hukum . (n.d.). Telaga Biru. May 13, 2024, <https://telagabiru.com.my/products/al-quran-al-karim-tajwid-dan-waqaf-ibtida-an-nibras-berserta-hukum-dan-rujukan-tbaq1047>
- Al-Quran Al-Karim Waqaf & Ibtida' Dan Tajwid Al-Mujawwad Dengan PeneranganHukum <https://telagabiru.com.my/products/al-quran-al-karim-waqaf-ibtida-dan-tajwid-al-mujawwad-dengan-penerangan-hukum-tajwid-tbaq1046-1>
- Amazing. (n.d.). Karya Bestari. May 11, 2024, <https://karyabestari.com/amazing/amazing/>
- Berita Parti Islam Se. (2020,October 28). Berita PAS. April 18, 2024, <https://berita.pas.org.my/berpegang-dengan-al-quran-dan-sunnah-nabi-saw>
- Biodata Tan Sri Hassan Azhari. 2013, Julai 3. <https://ulumquran.blogspot.com/2013/07/biodata-tan-sri-hassan-azhari.html>
- Hafeez Mohammed. (2023, JULAI 10). KATALOG AL-QURAN 2023. [https://anyflip.com/rnifs/qvuy/basic#google\\_vignette](https://anyflip.com/rnifs/qvuy/basic#google_vignette)
- Hafiz, M M A., Yusof, M F., Ghazali, M A., & Sawari, S S M. (2016, January 5). Historiography of Quranic Memorization from the Early Years of Islam until Today. Mediterranean Center of Social and Educational Research. <https://doi.org/10.5901/mjss.2016.v7n1s1p279> <https://karyabestari.com/muslimah/muslimah/.%20Accessed%202018%20April%202024>
- Hussain, J., Shahzad, S K., Sadaf, N., Farman, H., & Sarwat, S. (2020, July 22). Rhetorical Analysis of Surah An Naba of the English Translated Version by Muhammad Marmaduke Pickthall. Canadian Center of Science and Education, 10(5), 240-240. <https://doi.org/10.5539/ijel.v10n5p240>
- Nahar, S. (2020, June 12). Prevention of Hypocritical Behavior and Its Perspective in Islamic Education. Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Samarinda, 1-12. <https://doi.org/10.21093/di.v20i1.1929>
- Richtig, I., & Saifullah, M. (2023, February 9). "Quranreview": Interaksi Anak Muda Muslim dengan Al-Quran di Era Digital. , 15(2). <https://doi.org/10.22548/shf.v15i2.765>
- Rohmatun, T N. (2022, June 26). DEVELOPMENT OF THE ELECTRONIC TAFSEER IN INDONESIA: DESCRIPTION OF TALKING PEN MUSHAF GRAND MAQAMAT. , 7(1), 101-120. <https://doi.org/10.32505/at-tibyan.v7i1.3786>
- Safarina Sesamsudin (2014) Dato' (Dr.) Hussamuddin Haji Yaacob (Kumpulan Media Karangkraf)." Spider Integrated Enterprise, <https://itespiderintegrated.blogspot.com/2014/03/dato-dr-hussamuddin-haji-yaacob.html>. Accessed 18 April 2024

- Samad, M S H B A., Yusoff, Z M., & Ariffin, S. (2021, August 24). Tahfiz al-quran in Malaysia: A Study from the View of Model Design and Development Research (DDR). , 11(8). <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v11-i8/10967>
- Sutiono, S., Oktapiani, M., & Soraya, S. (2023, July 31). Improved Ability to Read Al-Qur'an Through the Tahfidz Al-Qur'an Mentoring Model. , 3(1), 21-28. <https://doi.org/10.31098/ijeii.v3i1.1277>
- Tahfiz A4. (n.d.). Karya Bestari. May 13, 2024, <https://karyabestari.com/hafalan/tahfiz-a4/>
- Tahfiz Junior. (n.d.). Karya Bestari. May 11, 2024, <https://karyabestari.com/hafalan/tahiz-junior/> (TBAQ1060) .
- Telaga Biru Icon. (n.d.). Our Icon. Telaga Biru Sdn Bhd. May 13, 2024, <https://telagabiru.net.my/our-icon/> Who We Are. (n.d.)
- Telaga Biru Sdn Bhd. April 18, 2024, <https://telagabiru.net.my/who-we-are/>
- Telaga Biru. (n.d.). Corporate Profile. Telaga Biru Sdn Bhd. May 13, 2024. <https://telagabiru.net.my/corporate-profile/#>
- Telaga Biru. May 13, 2024, <https://telagabiru.com.my/products/tbaq1052>
- Wikipedia bahasa Indonesia. May 13, 2024, [https://id.wikipedia.org/wiki/Hussamuddin\\_Yaacub](https://id.wikipedia.org/wiki/Hussamuddin_Yaacub)
- Wikipedia Ensiklopedia Media Bebas. (2023, September 28). Hussamuddin Yaacub.

## BAB 6

### PENGUKUHAN SISTEM PENGURUSAN KES SOSIAL BERORIENTASIKAN KONSEP TAUHIDY

Rogayah Chek<sup>1</sup>, Khadher Ahmad<sup>1</sup>, Monika@ Munirah Abd Razzak<sup>1</sup>


<sup>1</sup>Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya

### Pendahuluan

Pengurusan organisasi khususnya dalam menguruskan kes sosial pada masa kini berdepan dengan pelbagai cabaran globalisasi yang bersifat negatif serta pengaruh unsur modenisme yang menjadikan kes sosial tetap tinggi dan semakin kritikal. Seiring pembangunan arus kemodenan yang semakin pesat di negara-negara maju memperlihatkan peningkatan terhadap isu dan masalah yang melibatkan masyarakat termasuk Malaysia. Menelusuri kepada sejarah, Malaysia juga tidak lari daripada menghadapi dan mengalami isu yang sama (A. Abdullah 2010). Contohnya pertambahan mendadak masyarakat yang terlibat dalam kalangan yang terlibat dengan LGBT. JAKIM mendedahkan populasi gay pada tahun 2018 direkodkan seramai 310,000 iaitu peningkatan hampir 100%, berbanding pada tahun 2013 iaitu seramai 173,000. Manakala, bagi golongan transgender pula pada tahun 2018 merekodkan peningkatan kepada 30,000 individu, berbanding 1998 iaitu seramai 10,000 (Mohd Ali 2018). Kesan daripada pertambahan tersebut, telah wujud isu pertambahan kes HIV dalam kalangan komuniti. Merujuk kepada kes HIV pada tahun 2017 yang melibatkan golongan LGBT meningkat mendadak setiap tahun kepada 1,697 berbanding 63 kes pada tahun 2000 (Ridauddin Daud 2018).

Laporan ini disokong menerusi data yang dikeluarkan oleh Majlis AIDS Dan Yayasan AIDS Malaysia 2001-2022 yang membuktikan kewujudan dan kesan buruk perilaku LGBT. Khususnya masalah terhadap tahap kesihatan masyarakat sehingga membawa penyebaran pelbagai penyakit berjangkit antaranya ialah HIV/AIDS akibat daripada perlakuan LGBT dalam negara ini. Rekod tahun 2022 menunjukkan bahawa jangkitan HIV berpunca daripada golongan homosexual dan bisexual menjadi penyumbang utama kepada jangkitan HIV iaitu sebanyak 60 peratus dan golongan heterosexual sebanyak 36 peratus. Perubahan lanskap HIV dalam tahun 1990-2022 seperti di bawah:

Rajah 1: Perubahan dalam Lanskap HIV (Majlis AIDS & Yayasan AIDS 1990 – 2022)



Contoh lagi hasil kajian oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (2010) terhadap 2,403 orang responden berkaitan keterlibatan dalam tingkah laku delinkuen. Bukti menunjukkan 94 peratus daripada mereka mengaku pernah terlibat sekurang-kurangnya sekali berbanding 6 peratus yang tidak pernah terlibat langsung. Manakala hasil kajian yang dijalankan ke atas 200 orang remaja mendapati tahap pengetahuan majoriti (89.5 peratus) remaja berada pada tahap sederhana. Hasil kajian itu turut manggambarkan bahawa semakin tinggi pengetahuan agama, maka semakin rendah kecenderungan remaja untuk terlibat dengan aktiviti yang tidak bermoral dan menyalahi undang-undang negara (Fauziah Ibrahim et.al., 2012). Namun apa yang mengejutkan adalah, apabila ada kajian yang membuktikan bahawa masyarakat Melayu adalah antara penyumbang utama kepada statistik isu-isu yang melibatkan kes sosial di Malaysia (Fauziah Ibrahim et.al., 2012).

Petunjuk ini mendesak pihak pengurusan organisasi yang bertanggungjawab perlu sentiasa bersedia dalam apa jua bentuk dan keadaan untuk melaksanakan tugas membentras masalah sosial ini. Pihak organisasi yang bertanggungjawab perlu mempelbagai strategi bersama menggembeling tenaga pada bila-bila masa dalam mencapai objektif organisasi. Walaupun pelbagai usaha dan tindakan pihak pengurusan telah laksanakan bagi menambahbaik kualiti perkhidmatan contohnya merujuk sorotan kajian-kajian lepas, banyak mendapati pelaksanaan dimensi sistem pengurusan organisasi dengan hasrat mencapai kecemerlangan organisasi contohnya piawaian ISO, Sistem Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM), pengurusan organisasi berintegriti pelaksanaan ISO 37001:2016 (ABMS) “*Anti Bribery Management System*” (ABMS), Panduan kerja sektor awam, pelan strategik Jabatan dan lainnya sering berkadar langsung dengan kepuasan para pelanggan khususnya pekerja dalaman sebuah organisasi (Ooi et. Al, 2007; Jun & Cai, 2010; Rodriguez-Anton & Alonso-Almeida, 2011). Namun, menjadi persoalannya ialah, dapatan kajian masih belum cukup memberikan kesan yang terbaik terhadap aspek-aspek berkenaan. Impak sistem tersebut masih pada tahap yang minimum iaitu memberi kesan hanya pada penambahan peringkat penghasilan output atau produk (secara lahiriah Sahaja). Menunjukkan sistem pengurusan kualiti tersebut belum cukup terkesan semaksimanya terutama dalam aspek kerohanian atau spiritual.

Oleh itu, antara perkara dasar yang perlu dititikberatkan dalam usaha mencapai matlamat organisasi adalah pihak majikan perlu mengambilberat keperluan dan kemudahan pekerja atau pelanggan dalaman sesebuah organisasi. Ini bagi memastikan mereka sentiasa melaksanakan amanah dan tanggungjawab dengan penuh minat dan berpuas hati dalam melaksanakan tugas (Chen S.H et.al.,2006). Sekiranya majikan mengabaikan sistem pengurusan dan pentadbiran dalaman yang berkualiti pasti organisasi tersebut akan mengalami permasalahan dalam mencapai objektif atau matlamat organisasi khususnya dalam pengurusan kes sosial.

Oleh itu, melalui artikel ini pengkaji berusaha untuk mengkaji dan meneliti bagaimana Islam memberi panduan secara tuntas dan berkesan menerusi kekuatan tauhid sebagai asas mengukuhkan kekuatan insan dalam usaha memimpin dan mengurus sosial pada era penuh cabaran ini. Kitab suci al-Quran dan al-Hadith adalah asas rujukan utama dalam menilai apa jua bentuk cabaran yang datang dan penyelesaian masalah contohnya bagaimana Rasulullah SAW membuktikan kemajuan bermula dengan pembangunan diri insan supaya pandangan atau tasawwurnya serta kerangka fikirannya sentiasa terbina untuk meningkatkan kemajuan dan memberi makna kepada pembangunan atas landasan fitrah. Menerusi pemahaman makruf dan mungkar, salah dan benar, halal dan haram akan sesuatu perkara berkait rapat dengan nilai-nilai dari sumber al-Quran dan al-Hadith. Nilai-nilai Al-Quran dan al-Hadith inilah yang membentuk elemen *tauhidiy* dalam diri dan menjadi ukur tara sesuatu hubungan dengan Allah sebagai Pencipta dan Pengurus alam ini.

## Bentuk-bentuk Kes Sosial Zaman Rasulullah SAW

Bentuk-bentuk kes sosial pada zaman Rasulullah SAW boleh dilihat melalui dua aspek iaitu aspek hubungan dengan Allah dan hubungan sesama manusia. Asas perletakan kepada dua aspek ini adalah kerana, dalam menghubungkan antara pemahaman nas dengan realiti sosial masa kini, perlu kepada penjelasan lebih awal tentang aspek-aspek sosial semasa yang wujud dan mencari emelen yang sesuai dengan apa yang difahami daripada nas.

### [1] Hubungan dengan Allah SWT

Masyarakat Arab jahiliyah tidak mengesakan Tuhan yang disembah walaupun mereka mempercayai kewujudan Tuhan (Ibn Kathir t.th). Tujuan penyembahan bagi mereka dengan tunduk, rukuk dan sujud kepada berhala adalah bagi mendapatkan syafaat, memohon pertolongan dan perlindungan (Safi al-Rahman al-Mubarakfuri 2007). Pemujaan berhala dilakukan dengan cara menyediakan bentuk makanan dan minuman khusus serta hasil tanaman untuk dipersembahkan kepada berhala (Safi al-Rahman al-Mubarakfuri 2007). Golongan petani dan pengembala pula mengidentifikasi sesuatu yang berada di sekeliling mereka sebagai Tuhan. Mereka meyakini kuasa roh yang baik dan jahat berada di dunia dalam bentuk jelmaan binatang, bulan, matahari dan langit sebagai Tuhan serta bersemayam pula batu-batu, pokok dan sebagainya. Kecenderungan mereka juga berjumpa ahli nujum merujuk sesuatu perkara dan para dukun yang mendakwa mereka dapat berbicara mengenai alam ghaib (Ahmad Amin, 1980). Keyakinan ini jelas membuktikan keberadaan masalah ketauhidan kepada Allah SWT pada zaman Rasulullah SAW.

Rasulullah SAW hadir memperkenalkan konsep tauhid kepada masyarakat Arab ketika itu dan menjadikan konsep ini teras dan tunjang membangunkan ketamadunan tingkah laku sosial mereka. Segala amalan dan ketauhidan mereka telah bertukar secara mutlak kepada konsep tauhid sebenar beriman kepada Allah SWT setelah Rasulullah SAW menjelaskan dan membentras segala perbuatan syirik dan khurafat mereka di zaman tersebut.

### [2] Hubungan dengan manusia

Pada zaman Jahiliyyah mereka mengamalkan jurang dalam amalan sosial, mereka mempunyai susun lapis masyarakat yang mewujudkan jurang antara mereka (Abu Dacif 1983). Jawad (1970) juga menjelaskan bahawa masyarakat Arab Jahiliyah hidup berkabilah sehingga timbulnya perasaan *asabiyah* (sikap berpuak-puak). Kehidupan berkabilah telah mengawal sistem pentadbiran mereka. Perkara ini telah menyebabkan amalan kehidupan mereka yang suka berperang, melakukan kekerasan dan penindasan atas sebab menuntut bela dan bagi tujuan untuk mendapatkan kekuasaan. Hal ini juga telah menyebabkan penindasan dan kezaliman terhadap golongan bawahan, miskin, wanita dan kanak-kanak.

Amalan ekonomi mereka pula dipenuhi dengan penindasan dan kezaliman kerana mereka mengamalkan ekonomi bebas (Shalabi 1983 & Aziz 1996). Amalan riba dalam jual beli dan pinjam meminjam menjadi kebiasaan sehingga tidak wujud perasaan belas kasihan (al-Tabari, 1980). Selain daripada memungut cukai daripada pedagang yang melalui kawasan mereka, sumber ekonomi juga diperoleh daripada sumber yang haram iaitu menjual patung berhala (Syalabi, 2003). Dalam hal amalan politik pula, mereka tidak mempunyai sebarang perundangan dan peraturan yang stabil dan teratur. Kehidupan mereka bebas tanpa undang-undang yang mengawal sebarang kesalahan dan penyelewengan (Hasan, 1979). Lebih malang lagi, mereka tidak mempunyai sistem yang mengatur pemindahan kekuasaan dan kepimpinan. Pemindahan kuasa kepimpinan dilakukan hanya berdasarkan tradisi mengikut kedudukan umur yang paling tua, orang yang paling kaya, orang yang

paling ramai anggota keluarga atau yang paling layak mendapat kehormatan akan dipilih menjadi pemimpin dalam sesuatu kabilah (Hasan, 1979).

## Perundangan dan Pengawalan Kes Sosial

Keruntuhan nilai sahsiah dan yang membelenggu umat Islam kini banyak dibicarakan secara serius oleh pelbagai pihak. Antara faktor keruntuhan sahsiah ini adalah pembangunan yang tidak seimbang antara metarial fizikal, pembangunan kerohanian kemanusiaan, pengaruh persekitaran dan aliran budaya. Impak modenisasi dan urbanisasi serta pergolakan institusi kekeluargaan (Hassan, K, 2019). Penglibatan umat Islam dengan kes cabul, rogol, sumbang mahram, seks luar tabii, buang bayi, hamil luar nikah dan pelbagai lagi gejala sosial kurangnya tarbiyyah dalam diri umat Islam. Oleh itu tarbiyyah adalah perkara penting yang perlu dilaksanakan dalam mengurus kes sosial bermula dari organisasi yang mengurus sendiri. Tarbiah yang dibawa Rasulullah SAW lebih menumpukan kepada dua asas penting yang menjadi nadi bagi umat Islam skop tarbiyyah akidah-tauhid (Za'farani, Hafiz. 2020).

Merujuk kepada statistik kes sosial yang ditunjukkan oleh pelbagai medium semasa, menggambarkan keruntuhan akhlak dan masalah sosial yang masih tinggi dan sangat membimbangkan. Contohnya merujuk kepada laporan statistik Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga Dan Masyarakat Jabatan Kebajikan Masyarakat 2022 kemasukan penghuni ke pusat pemulihan akhlak sahaja mencapai 199 orang. Petunjuk adalah seperti di bawah:

**Jadual 1 Laporan Statistik JKM 2022**

**LAPORAN STATISTIK 2022  
STATISTICS REPORT 2022**

**Jadual 19.3: Kemasukan Penghuni mengikut Asrama Akhlak dan Kumpulan Etnik, 2022**  
*Table 19.3: Admission of Residents by Asrama Akhlak and Ethnic Group, 2022*

Asrama Akhlak (AA)	Kumpulan Etnik Ethnic Group									Jumlah Total
	Melayu Malay	Cina Chinese	India Indian	Peribumi Semenanjung Peninsular Natives	Peribumi Sabah Sabah Natives	Peribumi Sarawak Sarawak Natives	Lain-lain Others	Bukan Warganegara Non-citizen		
AA Bukit Baru	16	0	0	0	0	0	0	0	16	
AA Rusia	18	1	1	0	0	0	0	6	26	
Asrama Sentosa	5	2	1	1	0	0	1	2	12	
AA Paya Terubung	44	5	9	0	0	0	0	1	59	
AA Kempas	19	0	1	0	0	0	0	2	22	
AA Bahagia Kampung Pandan (P)	28	0	2	0	0	0	2	0	32	
AA Jitre (P)	27	0	0	0	0	0	1	1	29	
AA Kuching	0	0	0	0	0	0	0	0	0	
AA Kuching (P)	0	3	0	0	0	0	0	0	3	
<b>Jumlah Total</b>	<b>157</b>	<b>11</b>	<b>14</b>	<b>1</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>4</b>	<b>12</b>	<b>199</b>	

Statistik ini juga turut memberi gambaran bahawa penghayatan terhadap nilai-nilai Islam yang ada dalam diri tidak mencukupi untuk menghalang sekelompok individu dalam masyarakat terlibat dalam masalah sosial. Diketahui zina itu satu jenayah syariah yang membawa kemudharatan kepada masyarakat, tetapi ia tidak memberi kesan kepada pelakunya setelah pemenjaraan atau denda, maka hendaklah dikenakan hukuman yang lebih berat. Ini kerana memelihara kepentingan awam dengan menyakiti pesalah dengan hukuman lebih berat adalah lebih baik daripada menolak

kesakitan dari penjenayah dan mendedahkan masyarakat keseluruhannya kepada bahaya yang lebih besar (Yusuf al-Qardhawi 2012).

Peranan yang dimainkan oleh undang-undang jenayah Islam mencakupi semua perkara dan salah satu daripadanya yang melibatkan soal akhlak dan perilaku manusia. Perilaku dan tindakan seperti berzina, khawatir, berjudi, minum arak dan pelbagai lagi kesalahan tatasusila telah diperuntukkan hukuman yang sesuai. Roh kepada undang-undang jenayah Islam ini ialah menegakkan “prinsip *al-amr bil makruf wa al-nahi anil munkar*”<sup>1</sup> (M. F. Yusof, 2014). Namun realiti keberadaan undang-undang syariah di Malaysia ini telah memiliki bentuknya tersendiri masih belum dianggap sempurna keseluruhannya menurut hukum al-Quran dan al-Sunnah (S. Z. Ismail, 2014).

Pengurusan berkualiti Rasulullah SAW dalam pengurusan pentadbiran baginda jelas diterjemah menerusi al-Quran itu sendiri. Merenung kembali sejarah penuh makna Rasulullah SAW yang penuh kecemerlangan dan kegemilangan hasil membawa ajaran Islam lengkap dan sempurna telah menggabungkan kedua-dua dimensi jasmaniah dan rohaniah. Jelas tercapainya objektif iaitu kejayaan hakiki yang semestinya didorong oleh tiga faktor amalan yang perlu ditunaikan setiap Muslim iaitu sifat ikhlas, ilmu dan amal. Menurut (Ibnu Rajab, 1995) dan (Khaliq Ahmad, 2006) mengatakan sesungguhnya, Rasulullah SAW telah pun membawa ajaran Islam yang penuh dengan kesempurnaan dan kegemilangan dan berkualiti dengan menggabungkan kedua-dua dimensi jasmaniah dan rohaniah demi mencapai objektif atau matlamat sebenar iaitu kejayaan hakiki. Kejayaan hakiki (*al-Falah*) ini semestinya didorong oleh tiga faktor amalan yang perlu ditunaikan oleh setiap Muslim iaitu sifat *Ikhlas*, *Ilmu* dan *Amal* (Ibnu Rajab, 1995; Khaliq Ahmad, 2006:20).

Allah SWT berfirman yang maksudnya "Katakanlah lagi (kepadanya): "Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui?" Sesungguhnya orang-orang yang dapat mengambil pelajaran dan peringatan hanyalah orang-orang yang berakal sempurna. Justeru ilmu dapat mengeluarkan manusia daripada kesesatan dan seterusnya mendapat ketenangan jiwa. Segala tekanan yang dihadapi tidak lagi dijadikan sebab untuk menjerumuskan diri ke dalam kebinasaan atau masalah sosial. Sebaliknya, iman menjadikan insan yakin sepenuhnya kepada Allah SWT.

Penyuburan iman dilakukan dalam beberapa kaedah iaitu melakukan amal soleh, melazimi sunnah baginda Rasulullah SAW, memupuk hubungan yang baik dengan masyarakat sekitar, melatih diri untuk berakhlaq mulia serta berada dalam lingkungan orang yang soleh. (al-Qurtubi 2009). Seterusnya ialah pendekatan pemikiran iaitu tuntutan supaya manusia berfikir kerana ini adalah cara untuk sampai kepada kebenaran dan iman. Ketika berfikir manusia perlu melalui dua proses iaitu mendengar dan memahami. Oleh kerana itu terdapat manusia yang melakukan kesalahan akan menyesal kerana apabila sampai kepada mereka seruan untuk kebaikan mereka tidak mahu mendengar dan memahami. Allah SWT berfirman dalam surah Al-'Araf ayat 179:

وَلَقَدْ ذَرَأْنَا لِجَهَّامَ كَثِيرًا مِنَ الْجِنِّ وَالإِنْسَانَ لَهُمْ قُلُوبٌ لَا يَعْقِلُونَ بِهَا وَلَهُمْ أَعْيُنٌ لَا يُبَصِّرُونَ بِهَا وَلَهُمْ ءادَانٌ لَا يَسْمَعُونَ بِهَا أُولَئِكَ كَالْأَنْعَمِ بَلْ هُمْ أَضَلُّ أُولَئِكَ هُمُ الْغَافِلُونَ

Terjemahan: Dan mereka berkata: "Kalaupula kami dahulu mendengar dan memahami (sebagai orang yang mencari kebenaran), tentulah kami tidak termasuk dalam kalangan ahli neraka". Oleh kerana itu jugalah al-Quran menyamakan orang yang tidak berfikir iaitu yang tidak mahu menggunakan pancaindera untuk mendapatkan kefahaman yang benar seperti binatang kerana mereka boleh memilih untuk berbuat maksiat ataupun sebaliknya tetapi tidak berbuat sedemikian.

Menurut Ibn Kathir (2008) manusia tidak mengambil manfaat daripada pancaindera yang telah dikurniakan oleh Allah SWT sebagai mekanisme mendapatkan hidayahnya. Samalah seperti haiwan yang hanya menggunakan anggota tubuh sebagai memenuhi keperluan hidup. Justeru al-Quran menyuruh manusia supaya berfikir dan menggunakan kurniaan Allah SWT agar mereka dapat menghindarkan diri daripada kejahanan yang akibatnya akan memusnahkan diri mereka sendiri. Pendekatan terakhir yang dikemukakan oleh al-Quran ialah ibadah. (Imam al-Ghazali 2012) menyatakan bahawa ibadah adalah satu-satunya jalan menuju Allah SWT. Dalam melaksanakannya, manusia akan berhadapan dengan pelbagai penghalang yang menjadikan ia satu perjalanan yang panjang lagi merumitkan. Ibadah adalah satu kaedah untuk melatih diri manusia berakhhlak dengan akhlak mulia serta latihan untuk menenangkan jiwa. Ia perlu dibiasakan dan diamalkan dalam kehidupan seharian sehingga membentuk perilaku dan jiwa seseorang. Ini adalah antara hikmah pensyariatan ibadah solat, puasa, zakat dan haji ke atas seorang Muslim. Dengan melakukan ibadah ini berpanduan aturan yang ditetapkan, maka seorang Mukmin terdidik untuk mentaati Allah SWT, mematuhi perintah-Nya, bersabar dalam kehidupan, bermujahadah menentang nafsu, berkasih sayang sesama manusia serta saling bekerjasama. Firman-firman Allah SWT ini menunjukkan kepentingan ibadah dalam membina jati diri yang kukuh.

Kesimpulannya ibadah mampu membentuk personaliti insan yang baik dan akhlak terpuji yang bermatlamat untuk membangun masyarakat yang bertanggungjawab dan mempunyai hala tuju dalam kehidupan. Jelaslah bahawa al-Quran merupakan sebaik-baik penyelesaian kepada masalah manusia kerana ia mengemukakan solusi yang komprehensif.

### **Al-Quran dan al-Hadith sebagai Asas Pembentukan Akhlak.**

Imam al-Ghazali menyatakan akhlak yang paling utama ialah kebijaksanaan dalam mengendalikan diri seseorang daripada hawa nafsu, jiwa yang dapat mencegah kemarahan dan hawa nafsu untuk mencapai hikmah, keberanian, iaitu teguh hati dalam membela dan mempertahankan kebenaran, tidak berundur apabila dicela dan tidak meninggi diri apabila dipuji (Imam al-Ghazali 2012). Dalam pembangunan dan pembentukan akhlak pula, Imam al-Ghazali meletakkan lima faktor yang boleh mempengaruhi akhlak seseorang iaitu, pembersihan jiwa, melawan hawa nafsu, melazimi amalan kebaikan, membuat sesuatu yang bertentangan dengan akhlak yang buruk dan pengawasan diri terhadap Allah. Isi kandungan al-Quran juga merupakan suatu cara untuk seseorang memulihkan diri daripada sifat keji dan mengantikannya dengan sifat yang terpuji (Zarina dan Basirah 2012). Terdapat beberapa metode pemulihan yang digariskan oleh al-Quran antaranya yang ialah metode pencegahan dan pengawalan, pengubatan dan rawatan serta bimbingan dan pembinaan. (Arifin Mamat 2008) mengkategorikan manusia menurut al-Quran kepada *muslimun, mu'minun, muttaqun, muhsinun, salihun, sabirun, taibun* dan *mukhlisun*. Berdasarkan kategori ini al-Quran mempunyai pendekatan yang mampu mengubah jiwa dan menjadikan hidup manusia berjaya di dunia dan akhirat. Pendekatan utama yang digunakan oleh al-Quran ialah pendekatan fitrah dan keperluan, ilmu dan pendidikan, pemikiran dan ibadah (Arifin Mamat, 2008). Melalui pendekatan fitrah dan keperluan, manusia percaya kepada kewujudan Tuhan dan berkehendakkan kepada bantuan kuasa tertentu terutamanya ketika dalam kesusahan.

Melihat kepada sejarah jelas digambarkan kewibawaan kepimpinan Rasulullah SAW, bercirikan akhlak mulia, sikap pemurah, sehingga ketokohan baginda menjadi sebutan di bibir masyarakat. Sifat baginda sebagai pemimpin sesudah dilantik menjadi rasul maupun sebelum dilantik menjadi rasul seorang yang terhormat dalam kaumnya kerana keindahan akhlak baginda yang sentiasa amanah, penyabar, jujur, sentiasa benar tutur katanya, paling berlemah lembut, pemaaf, dermawan, paling baik amalan sehingga digelar al-amin walaupun baginda amat ditentang oleh kaum kafir Quraisy. Malah pada permulaan era dakwah mereka tetap meletakkan barang berharga di bawah jagaan Rasulullah SAW (Al-Mubarkafuri, Safiyurrahman 2010).

Bukti kemuliaan Nabi Muhammad SAW jelas dilihat melalui al-Quran yang memperakui dan mengangkat martabat Rasulullah SAW. Kemuliaan akidah dan akhlak yang dimiliki oleh Rasulullah SAW jelas dinyatakan dalam surah al-Qalam ayat empat bahawa Allah SWT memberi petunjuk kepada umat Muhammad SAW agar mengikuti dan menjadikan baginda panduan dalam pelbagai aspek mengurus dan memimpin seperti firmanNya dalam Surah al-Qalam [68:4]

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ

Terjemahan: Dan bahawa sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang amat mulia.

Ibn ‘Abbas dan Mujahid mentafsirkan firman Allah SWT (على خلق عظيم) bermaksud ‘benar-benar berbudi pekerti iaitu berada di atas agama yang agung dari berbagai agama itulah agama yang diredhai Allah SWT (Tafsir al-Qurthubi, t.t). Manakala Aisyah pernah meriwayatkan bahawa budi pekerti baginda adalah al-Quran (Sahih Muslim, 1/513). Menurut al-Qurthubi hadith yang diriwayatkan Aisyah ini merupakan pandangan yang paling kuat apabila ditanya tentang akhlak Nabi SAW. Aisyah juga pernah ditanya tentang ‘*khuluq*’Nabi SAW, Aisyah membaca surah al-Mukminun 23:1-10 (Sahih Muslim, 1/513).

Ali bin ‘Athiyah mengatakan “*budi pekerti itu adalah al-Quran*”. Qatadah menyebutkan “budi pekerti itu adalah perintah Allah yang beliau laksanakan dan larangan Alah yang beliau jauhi”. Manakala al-Mawardi menyebut satu pandangan yang kuat iaitu pandangan maksud firman Allah SWT ini, “Sesungguhnya engkau mempunyai watak yang mulia. Sebab hakikat khuluq dalam Bahasa arab adalah etika yang dimiliki oleh manusia pada dirinya, yang dinamakan dengan khuluq. Sebab etika ini seperti fizikal manusia (bawaan sejak lahir ) pada dirinnya. Manakala etika yang yang sudah tertanam sejak kecil pdalam dirinya adalah “*al-khiim as-sijyah*” (watak) dan *ath-thabi*’ (*tabiat*).

## Konsep *Tauhidiy* Asas Pengukuhan Sistem Pengurusan Kes Sosial Berkualiti

Pengurusan Islam adalah pengurusan yang bersumberkan secara asalnya daripada Allah SWT. Bermakna ianya adalah idea yang terbit daripada usaha mentafsirkan perkara-perkara daripada pengucapan, saranan dan mesej daripada al-Quran dan al-Sunnah. Dengan itu, pengurusan Islam, walaupun tidak menolak penggunaan idea akal manusia, namun ianya bukanlah idea yang bebas secara mutlak tanpa perlu merujuk kepada al-Quran dan al-Sunnah.(Asmadi Mohamad Nairn, 2008). Al-Quran dan al-Sunnah inilah yang akan memandu hidup manusia ke jalan yang benar iaitu melalui pegangan Tauhid yang kuat terhadap Allah SWT. Walaupun seseorang itu mungkin pandai dan mahir dalam pekerjaannya namun dia juga akan menjadi manusia yang raku yang menunggu peluang untuk mengambil kesempatan jika jiwa dan rohnya tidak diisi dengan keimanan (Asmadi Mohamad Nairn, 2008). Keimanan kepada Allah SWT inilah yang akan membawa kepada ketauhidan yang teguh kepada Allah berdasarkan apa yang terkandung dalam Rukun Iman (Lokman Abdul Rasol & Ruzainim Zelani 2016).

Konsep tauhid yang ditonjolkan Rasulullah SAW diterapkan dalam apa jua bentuk urusan. Ini kerana konsep tauhid merupakan satu konsep utama yang menjadi asas dalam semua sudut pandangan dan seluruh aspek kehidupan Muslim. Tauhid merupakan satu asas keimanan yang ditekankan dalam Islam. Tauhid yang berasal dari kalimah Arab tauhid (تَوْحِيد) merupakan satu konsep yang melambangkan kepercayaan monoteisme dalam Islam yang mempercayai bahawa Tuhan itu hanya satu. Dalam bahasa Arab, tauhid bermaksud penyatuan dan di dalam agama Islam ia dikhususkan kepada penyatuan dengan Allah. Kata lawan bagi konsep tauhid ini ialah penyekutuan atau dalam erti kata lain boleh difahami sebagai penduaan, kesyirikan atau secara khususnya penyembahan selain Allah.

Dari sudut bahasa, tauhid bermaksud mengetahui dengan sebenarnya Allah itu Wujud, Ada dan Esa. Menurut istilah, tauhid ialah satu ilmu yang menjelaskan tentang wujud Allah dan sifat-sifatnya, pembuktian terhadap kerasulan para rasul dan sifat-sifatnya dan pembahasan terhadap perkara-perkara *sam'iyat* dan akidah dengan berasaskan kepada sumber-sumber Islam terutamanya al-Quran dan Hadith. Di dalam ajaran Islam, kalimah *La ilaha illallah* bermaksud ‘Tidak ada Tuhan selain Allah’ merupakan kalimah tauhid yang asas. Kalimah ini menunjukkan bahawa manusia tidak ada tempat bersandar, berlindung dan berharap kecuali Allah, tidak ada yang menghidupkan dan mematikan, tiada yang memberi dan menolak melainkan Allah. Zahirnya syariat menyuruh manusia berusaha beramal, sedang hakikatnya syariat melarang mereka menyandarkan diri pada amal usaha itu supaya tetap bersandar pada kurnia Allah. Penegasan terhadap konsep tauhid ini banyak dijelaskan dan diungkapkan di dalam sumber-sumber Islam terutama dalam menyatakan tauhid sebagai matlamat penciptaan manusia seperti yang disebut dalam firman Allah yang bermaksud: “Aku tidak mencipta jin dan manusia melainkan untuk menyembah dan beribadat kepada-Ku” (51:56).

Pendekatan yang bersepadan dalam pengurusan atau pentadbiran Islam semestinya berteraskan kepada konsep tauhid. Tauhid merupakan intipati ajaran Islam. Maka, tauhid bermakna hanya Allah SWT sebagai Tuhan sekalian alam dan Maha Berkuasa ke atas sekalian makhlukNya. Konsep tauhid mencerminkan pandangan dunia dan alam yang bersepadan. Keesaan Allah SWT bukan hanya sebagai konsep metafizika tetapi lebih merupakan doktrin yang dinamik dan revolusioner. Ini bermakna setiap manusia adalah makhluk Allah SWT.

Konsep ini meletakkan kedudukan manusia pada tahap yang sebenarnya dalam alam dan menerangkan kenapa dan untuk tujuan apakah manusia diciptakan oleh Allah SWT, Tuhan yang Maha Berkuasa dan Maha Pencipta, sementara manusia telah ‘dilantik’ sebagai khalifah Allah di muka bumi ini. Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 30 :

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً قَالُوا أَتَجْعَلُ فِيهَا مَن يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ الْتِمَاءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ  
بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ قَالَ إِنِّي أَعْلَمُ مَا لَا تَعْمَلُونَ ﴿٣﴾

Terjemahan: Ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada para Malaikat: "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi". Mereka berkata: "Mengapa Engkau hendak menjadikan (khalifah) di bumi itu orang yang akan membuat kerosakan padanya dan menumpahkan darah, padahal kami senantiasa bertasbih dengan memuji Engkau dan mensucikan Engkau?" Tuhan berfirman: "Sesungguhnya Aku mengetahui apa yang tidak kamu ketahui"

Prinsip *istikhlaf* ialah satu ketetapan Ilahi yang diperuntukkan kepada manusia sejak awal kejadian iaitu semasa Nabi Allah Adam diciptakan. Manusia dipilih oleh Allah untuk diberi kepercayaan dibandingkan dengan makhluk-makhluk lain iaitu untuk memikul tugas membangun dan memakmurkan dunia.

Bertitik tolak daripada prinsip *istikhlaf* inilah berpaksinya sistem kerana bermula dari titik inilah manusia ditetapkan dengan tanggungjawab mengurus segala isi kandungannya. Ianya adalah termasuk manusia itu sendiri, segala sumber kekayaan alam dan segala pemberian serta kemurahan Ilahi dalam bentuk ilmu termasuk sains dan teknologi.

Berdasarkan Firman Allah dalam Surah al-Maidah ayat 17:

وَلِلَّهِ مُلْكُ الْأَسَمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا ...

Terjemahan: ...“Bagi Allahlah segala yang ada di langit dan di bumi”.

Oleh itu manusia bertanggungjawab menjaga, mengolah, mengguna dan mengagihkan harta yang mereka miliki sebaik-baiknya bagi memenuhi keperluan bagi mereka yang memerlukannya.

Justeru, pengurusan Islam merupakan sebahagian daripada sistem masyarakat bagi menentukan matlamat hidup dan hubungan masyarakat dan hubungan manusia dengan manusia, manusia dengan Allah, manusia dengan masyarakat dan hubungan manusia dengan alam. Pentadbiran dan pengurusan dalam Islam termasuk dalam lingkungan ibadat sebagaimana dijelaskan oleh Allah SWT di dalam Al-Quran Surah Al-An'am : 6:162:

فُلِّ إِنَّ صَلَاقِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايِي وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿٦٢﴾

Terjemahan: "Katakanlah : Sesungguhnya sembahyangku, hidupku dan matiku hanya untuk Allah tuhan semesta alam".

Semasa perkhidmatan diberikan kepada pelanggan, sesebuah organisasi akan berusaha memenuhi semua kehendak pelanggan mereka. Ini bagi mengelakkan berlakunya ketidakpuasan hati pelanggan terhadap perkhidmatan yang diberikan. Oleh itu, kebiasaan organisasi tersebut akan melaksanakan amalan pengurusan kualiti seperti kerja berpasukan, mengutamakan pelanggan, membuat penambahbaikan berterusan, pengurusan modal insan yang sistematik, kepimpinan pengurus, penilaian prestasi dan sebagainya. Melalui usaha-usaha ini, organisasi akan cuba sedaya upaya untuk mengelakkan berlakunya kekurangan dalam perkhidmatan yang telah diberikan kepada pelanggan.

Justeru, sebelum organisasi tersebut mencapai *hablum min an-nas*, mereka terpaksa bekerja keras dengan memberikan perkhidmatan yang terbaik dan melalui penilaian prestasi inilah organisasi dapat mengukur tahap kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan yang diberikan. Untuk mendapatkan maklum balas pelanggan, organisasi biasanya akan menyediakan peti cadangan atau menggunakan khidmat dari agensi lain untuk menilai tahap keberkesanan perkhidmatan yang telah diberikan oleh mereka.

Namun, untuk mendapatkan *hablum min Allah* bukanlah sesuatu yang mudah sebagaimana mencapai *hablum mi an-nas*. Ini kerana Islam memiliki pemahaman dan konsep yang jelas tentang hubungan manusia dengan alam semesta ini. Pandangan Islam tentang uluhiyyah (konsep ketuhanan) dibangun dan diikuti dengan kaedah ubudiyyah (kegiatan ibadah) kepada Allah. Konsep ini menekankan adanya nilai keimanan yang mutlak kepada Allah SWT, di mana hal ini tercermin dalam perilaku individu Muslim untuk patuh terhadap perintah dan larangan Allah dan beriman terhadap keEsaan Allah merupakan refleksi dari pemahaman ubudiyyah seorang individu Muslim.(Dr. Ahmad Ibrahim Abu Sinn, 2006). Konsep ubudiyyah inilah yang akan dinilai oleh Allah sarna ada amalan hambanya ini benar-benar ikhlas dilakukan atau hanya untuk mendapatkan pujian mahupun anugerah. Firman Allah SWT surah Al-Zariyat 51: 56-57:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّا وَالْإِنْسَا إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥٦﴾ مَا أُرِيدُ مِنْهُمْ مِنْ رِزْقٍ وَمَا أُرِيدُ أَنْ يُطْعَمُونِ

Terjemahan: "Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka mengabdi kepada-Ku. Aku tidak menghendaki rezeki sedikitpun dari mereka dan Aku tidak menghendaki supaya mereka memberi-Ku makan. "

Ayat di atas jelas menunjukkan bahawa tujuan utama manusia dijadikan di atas muka bumi ini adalah untuk mengabdikan diri kepada Allah. Hanya Allah sahaja berkuasa memberikan rezeki kepada orang yang dikehendaknya tanpa meminta sedikitpun balasan daripada hambanya. Oleh yang demikian, penting bagi umat Islam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan supaya Allah sentiasa meredhai segala amalan yang dilakukan oleh mereka. Pengurus atau pemimpin Islam seharusnya sentiasa berazam untuk memberikan hasil atau perkhidmatan yang

terbaik untuk umatnya (pelanggannya) walaupun terpaksa mengorbankan keperluan diri sendiri (Mohamad Tajuddin Mohamad Rasdi et al., 2006).

Sehubungan itu, paradigma tauhidiy adalah ‘Satu kaedah ilmu berasaskan kewujudan Tuhan Yang Maha Esa dan Maha Berkuasa serta Maha Adil dan Maha Pengampun serta Maha Sempurna dan tiada satu pun yang menyerupai-Nya, Pencipta segala makhluk’. Jadi, jika satu-satu sistem pengurusan itu diikat dengan konsep tauhidiy iaitu keimanan yang teguh hanya kepada Allah SWT dan Rasul-Nya, pasti sistem tersebut akan berjalan lancar dan berkualiti. Komitmen yang tinggi terhadap konsep Tauhidiy ini turut membawa hasil dalam usaha memartabatkan keadilan dalam semua aspek. Sesebuah organisasi contohnya, sekiranya keadilan dan kesaksamaan wujud antara pihak pengurusan dan para pekerja, pasti melahirkan nilai kepuasan yang tinggi antara mereka sekali gus mendatangkan kebahagiaan sejagat (Mohd Affandi 1992).

## Kesimpulan

Sesungguhnya setiap individu muslim perlu mengikat dirinya dengan konsep tauhidiy iaitu keimanan yang teguh hanya kepada Allah SWT dan Rasul-Nya. Keberhasilan kualiti dalam apa jua bentuk urusan dan tindakan akan tercapai melalui kekuatan pegangan konsep tauhidiy kerana dorongan konsep tauhidiy akan menghasilkan individu memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan dengan harapan Allah sentiasa meredhai segala amalan yang dilakukan oleh mereka. Impaknya, setiap organisasi tersebut akan melaksanakan amalan pengurusan kualiti seperti kerja berpasukan, mengutamakan pelanggan, membuat penambahbaikan berterusan, pengurusan modal insan yang sistematik, kepimpinan pengurus, penilaian prestasi dan sebagainya secara bersungguh-sungguh dan lebih berkesan. Organisasi akan cuba sedaya upaya untuk mengelakkan berlakunya kekurangan dalam perkhidmatan yang telah diberikan kepada pelanggan. Pengurus atau pemimpin Islam akan sentiasa berazam untuk memberikan hasil atau perkhidmatan yang terbaik untuk umatnya (pelanggannya) walaupun terpaksa mengorbankan keperluan diri sendiri. Justeru, sistem pengurusan yang diikat dengan konsep tauhidiy pasti akan berjalan lancar dan berkualiti. Komitmen yang tinggi terhadap konsep tauhidiy ini turut membawa hasil dan kecemerlangan dalam usaha memartabatkan keadilan dalam semua aspek kehidupan khususnya dalam pengurusan kes sosial.

## Rujukan

- A. Abdullah (2010), "Tema dan Isu Penyelidikan Mengenai Gejala Sosial pada Dekad Pertama Abad 21 di Malaysia," *Jurnal Akademika*, no. (Jan-April), pp. 3-14.
- Ahmad Amin(1980) *Fajar Islam*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka h. 35.
- Al-Mubarkfuri, Safi al-Rahman (2010), *al-Rahiq al-Makhtum*. Mesir: Dar al-Wafa' hal. 67.
- Al-Mubarakfuri, Safi al-Rahman al Mubarakfuri (2007). *Al-Rahiq al-Makhtum*. Qatar: Idarah Syu'un Islamiyyah.
- Al-Qurthubi : Abi Abdullah Muhammad Bin Ahmad al-Ansari. *Tafsir al-Qurtubi*, Ter: Darul Kutub al-Alamiyyah, Beierut Lubnan 1971.
- Chen, S.H., Yang, C.C., Shiao, J.Y., & Wang, H.H. (2006). The Development of an Employee Satisfaction Model For Hogher Education. *The TQM Magazine*, 18 (5): 484-500.
- Fauziah Ibrahim et.al (2012). Memperkasakan Pengetahuan Agama Dalam Kalangan Remaja Bermasalah Tingah Laku: Ke arah Pembentukan Akhlak Remaja Sejahtera. Memperkasakan pengetahuan agama dalam kalangan remaja bermasalah tingkah laku: Ke arah pembentukan akhlak remaja sejahtera. e-BANGI, 7(1), 84-93.
- Hasan Al-Banna M., Ab. Mumin A. G., & Siti Arni, B. (2011). Pemantapan Sistem Pengurusan Islam Berkualiti Melalui Konsep Tawhidiy, Budaya Itqaan dan Nilai

- Ihsan. Prosiding World Congress on Islamic Systems 2011 (World-ISLAM 2011). Anjuran: Ikatan Ilmuan Nasional Malaysia di Hotel Holiday Villa & Suites, Subang, Selangor. Pada 28-30 November
- Hasan, Ibrahim Hasan. (1979). *Sejarah Kebudayaan Islam*. Jakarta: Kalam Mulia.
- Hassan, K. Tangani gejala sosial melalui pendekatan bersepadu. Berita online. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2019/11/624591/tangani-gejalasosial-melalui-pendekatan-bersepadu> 03 november 2019, 15 Jun 2024
- Ibn Kathir (t.th). *Al-Bidayah wa al-Nihayah*. Beirut: Dar al-Kutub alc Ilmiah. Jil 2.
- Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga Dan Masyarakat Jabatan Kebajikan Masyarakat 2022, [https://www.jkm.gov.my/jkm/uploads/files/Bahagian%20Kawalan%20Standard/\\_Laporan Statistik 2022.pdf \(jkm.gov.my\)](https://www.jkm.gov.my/jkm/uploads/files/Bahagian%20Kawalan%20Standard/_Laporan Statistik 2022.pdf (jkm.gov.my))
- Lokman Abdul Rasol & Ruzainim Zelani (2016), Pengurusan Kualiti Islam: Analisis dari Perspektif Model, Seminar Konferensi Akademik 2016- Perkongsian Ilmu dari perspektif Islam bertempat di UiTM cawangan Jengka, Pahang pada 30 November 2016
- Majlis AIDS dan Yayasan AIDS Malaysia. (2022). "Snapshot of HIV & AIDS in Malaysia". Diakses daripada laman web [https://www.maf.org.my/v2/wp-content/upload/2023/12/HIV-Statistic\\_2022\\_Media\\_Brochure\\_A4\\_04122023.pdf \(maf.org.my\)](https://www.maf.org.my/v2/wp-content/upload/2023/12/HIV-Statistic_2022_Media_Brochure_A4_04122023.pdf (maf.org.my)) pada 30 julai 2024.
- M. F. Yusof (2014), "Kesesuaian Perlaksanaan Undang-Undang Jenayah Islam di Malaysia," in Pelaksanaan Kanun Jenayah Syariah: Teori & Realiti, Selangor, KUIZM Publication, , pp. 108-132.
- Mohd Ali. (2018). "Waspada LGBT pelajar Universiti," disiarkan dalam laman akhbar Utusan Melayu bertarikh 9 oktober
- Sahih Muslim, "Hadits Aisyah: Budi pekerti beliau adalah Al Qur'an," diriwayatkan oleh Muslim pada pembahasan shalat orang-orang yang musafir, 'bab: Himpunan Shalat Malam dan Orang yang Tidak Melakukannya karena Tertidur atau Sakit, (1/513).
- S. Z. Ismail, "Hudud dan Undang-Undang Jenayah Syariah dalam Kerangka Perlembagaan dan Sistem Perundangan "Dualisme": Komitmen Pelaksanaan Ke Arah Membendung Jenayah di Malaysia.," *Jurnal Syariah*, vol. 22, no. 2, pp. 193-212, 2014.
- Yusuf al-Qardhawi (2012), Ciri-ciri Unggu Masyarakat yang Kita Idamkan, Terj: Mohamad Zaini Yahaya, Kuala Lumpur: Penerbitan Seribu Dinar.
- Za'farani, Hafiz. (2020, April 25). Memahami perkembangan. Harian Metro. Retrieved from <https://www.hmetro.com.my/addin/2020/04/571229/memahami-perkembangan. Ac>: 18 Julai 2024 hl

## BAB 7

### TAHAP KEFAHAMAN MASYARAKAT DI KEMAMAN, TERENGGANU TENTANG AL-QURAN DAN AL-SUNNAH MELALUI MEDIA MASSA

Mohd Norzi bin Nasir<sup>1</sup> & Mohd Ikhwan Bin Mohd Kudhri<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Universiti Islam Selangor (UIS)

#### Pendahuluan

Kehidupan masyarakat kini tidak lari daripada zaman pembangunan dan pmodenan dari pelbagai aspek sama ada pembangunan, sosial, kebudayaan dan sebagainya termasuk daripada media. Namun setiap perkembangan ini tidak akan dicapai dengan baik jika tidak berpegang kepada al-Quran sebagai rujukan utama dan al-Sunnah baginda Nabi SAW. Ini kerana setiap kemajuan yang dicapai pada zaman Rasulullah SAW, diikuti dengan zaman para sahabat dan juga para tabiin adalah kerana kepercayaan mereka yang teguh kepada kedua-dua panduan atau sumber perundangan Islam iaitu al-Quran dan al-Sunnah.

Dengan pegangan yang jitu ini maka akan lahirlah muslim yang menjaga amanah dan tutur katanya dalam setiap perkara yang disampaikan terutamanya dari sudut media. Amanah adalah sifat yang sangat dititik beratkan oleh agama Islam. Seorang muslim yang amanah pasti akan menyelidik terlebih dahulu setiap maklumat yang disampaikan melalui ilmunya malah lebih berhati-hati dalam menerima setiap maklumat agar tidak terjerumus ke dalam bahana fitnah. Sebagai seorang komunikator atau pendakwah pula, dia akan mencuba setiap perkara baharu bagi menyampaikan hal-hal keagamaan melalui media juga dalam masa yang sama memberikan kefahtaman yang baik kepada masyarakat. Hal ini seajar dengan firman Allah SWT di dalam surah an-Nahl ayat 125:

أُذْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمُوعِظَةِ الْخَسَنَةِ وَجَادَلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ ﴿١٢٥﴾

Maksudnya:

“Serulah (manusia) kepada jalan Tuhanmu dengan hikmah dan pengajaran yang baik, dan berdebatlah dengan mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu, Dialah yang lebih mengetahui siapa yang sesat dari jalan-Nya dan Dialah yang lebih mengetahui siapa yang mendapat petunjuk”.

Berdasarkan ayat diatas, dapat difahami bahawa menjadi kewajiban bagi seorang muslim untuk menyampaikan dan mengajak manusia kepada agama Islam dengan menggunakan apa juu medium atau cara yang ada tanpa melupakan syarat yang telah ditetapkan oleh Allah SWT iaitu hikmah, pengajaran yang baik dan perdebatan yang berilmu supaya dapat menarik dan juga dapat memberikan kefahtaman kepada lebih ramai masyarakat tentang ajaran Islam.

Menurut (Taufik: 2021) media menjadi medium atau “platform” dalam menyampaikan hal-hal berkaitan al-Quran dan al-Sunnah kepada masyarakat. Aplikasi yang pelbagai pada masa kini memberikan pilihan kepada para da’ie dalam menyampaikan dakwah. Pemahaman kepada

masyarakat ini dapat dijelaskan melalui akhbar, majalah, stesen televisyen, stesen radio juga di aplikasi “Facebook”, “Instagram”, “Twitter” dan pelbagai media yang lain. Jika ia digunakan dengan cara yang betul sudah pasti kefahaman masyarakat mengenai al-Quran dan al-Sunnah akan meningkat seterusnya dapat disebar luas tanpa batasan dan gangguan melalui medium media.

Firman Allah SWT di dalam surah al-Jumu’ah ayat 2:

هُوَ الَّذِي بَعَثَ فِي الْأُمَمِ رَسُولًا مِّنْهُمْ يَتَلَوُ عَلَيْهِمْ وَيُزَكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَبَ وَالْحِكْمَةَ وَإِنْ كَانُوا مِنْ قَبْلُ لَفِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ

Maksudnya:

“Dialah yang mengutus seorang Rasul kepada kaum yang buta huruf dari kalangan mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat-Nya, menyucikan (jiwa) mereka dan mengajarkan kepada mereka Kitab dan Hikmah (Sunnah), meskipun sebelumnya, mereka benar-benar dalam kesesatan yang nyata”.

## Takrif dan Pengenalan Media

Kehebatan media baharu yang berkembang pesat pada masa kini telah membawa satu arus yang sangat moden bagi setiap bidang. Perkembangan ini secara tidak langsung memberikan satu revolusi yang amat besar kepada setiap manusia tanpa adanya keterbatasan. Pada awalnya, revolusi ini menimbulkan perdebatan diantara mereka yang menganggap media sebagai salah satu akses yang negatif dan sebahagiannya pula berpendapat bahawa media adalah sebuah perkembangan yang positif dalam meningkatkan proses pemahaman manusia juga memberikan kemudahan dalam setiap aspek bidang.

Mereka yang mengatakan media adalah sebuah perkembangan yang negatif adalah mereka yang terikat dan masih mengamalkan cara hidup di takuk yang lama. Perkembangan media akan membuatkan manusia meninggalkan gaya hidup yang lama dan mengamalkan gaya hidup yang baharu. Diantara kebimbangan mereka yang lain adalah apabila hilangnya identiti sesebuah masyarakat di tempat tersebut seperti adat tradisional lalu terlupus begitu sahaja tanpa dikenali oleh generasi yang mendatang. Namun hal ini sama sekali bertentangan. Ini kerana jika dilihat pada masa kini, ramai daripada mereka yang bijak pandai juga ahli sejarawan yang menggunakan akses media dalam menyampaikan sesuatu perkara sehingga ianya dapat diketahui oleh masyarakat awam sekaligus membantu mengubah persepsi dan tanggapan mereka mengenai sesuatu bidang yang disampaikan. Nilai peribadi masyarakat Melayu yang berperwatakan penuh dengan sopan-santun, berbudi bahasa dan lemah-lembut merupakan antara elemen yang telah menghalang mereka untuk memajukan diri sendiri (Yuszaidy, Muammar: 2015).

Perkataan media itu sendiri berasal daripada bahasa “Latin” yang memberikan maksud Medium, diertikan daripada segi sudut bahasa ialah perantara, penyampai, atau penyalur. Percakapan langsung antara dua orang di suatu ruangan atau di ruangan yang tertentu tanpa perantara di kalangan mereka yang berkomunikasi. Ia juga disebut sebagai perlakuan komunikasi tanpa media. Mereka berbicara secara langsung dari mulut ke mulut. Namun ada pula kegiatan komunikasi itu dilakukan tatkala kedua belah pihak menggunakan alat penguat suara kerana jarak yang jauh seperti penggunaan alat komunikasi tanpa tatapan muka yang dikenali sebagai speaker. Seseorang yang berkomunikasi melalui telefon, tenaga pengajar yang menggunakan slide, atau seorang penyampai yang sedang melaksanakan tugasnya dalam menyampaikan berbagai informasi pembangunan, hal kemasyarakatan atau hal sosial kepada masyarakat melalui siaran

radio atau televisyen adalah contoh-contoh komunikasi yang mengguna pakai media sebagai platform dalam menyampaikan maklumat. Pengarang dan penulis juga termasuk dikalangan mereka yang berkomunikasi melalui media cetak seperti surat khabar, majalah, buku, dan lain-lainnya.

Dalam konteks di Negara Malaysia, kerajaan sendiri sudah lama merangka satu pelan jangka panjang dalam mengembangkan penggunaan aplikasi teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) secara pesat dan meluas. Ia bermula ketika pelancaran *Multimedia Super Corridor (MSC)* oleh mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad di Pameran Multimedia Asia pada tahun 1996. Usaha ini menunjukkan bahawa kerajaan Malaysia sangat komited dalam mengembangkan media kepada masyarakat. Ia juga diasaskan bertujuan dalam melahirkan rakyat Negara Malaysia yang berpengetahuan luas serta berdaya saing seiring dengan negara-negara besar yang lain seperti Singapura, Amerika Syarikat, dan negara-negara Eropah yang lain. Setelah peranan kerajaan telah dilaksanakan, maka perubahan besar yang perlu diterapkan adalah kepada mereka para pendidik bagi menyampaikannya dalam bentuk pengajaran di sekolah atau pun di institusi pengajian tinggi dengan secara mendalam.

Pada zaman adanya teknologi media dan bahkan pada zaman sekarang, di kampung-kampung di pelusuk tanah air, media itu sendiri telah banyak dan sudah lebih awal digunakan oleh masyarakat awam terutamanya dalam menyampaikan maklumat atau pesanan yang sudah disepakati oleh jawatankuasa kampung yang seperti contoh para peronda di kampung, masyarakat yang terkena musibah baik kerana kebakaran ataupun kerana mendapat musibah yang lain, kebiasaannya akan memukul gendang atau beduk yang digantung di tempat awam untuk memberitahu para jiran tetangga supaya segera memberikan bantuan. Gendang, gong atau beduk boleh dikira sebagai media pada waktu tersebut yang menjadi sebuah alatan perantara atau pembawa pesan kepada seseorang dengan yang lain. (Abdul Karim: 2011)

## **Sejarah Perkembangan Teknologi Media**

Dapat diteliti ketika titik awal pengenalan persuratkhabaran di Malaysia sehingga kini, kemunculan portal berita secara online di internet, mediaskap di Malaysia menyaksikan suatu perubahan dan evolusi yang sangat hebat. Meskipun akhbar dan majalah mengalami nasib yang berbeza dan berhadapan pelbagai cabaran seperti perubahan masyarakat lebih terarah kepada pembacaan online, industri persuratkhabaran dan majalah sebenarnya masih lagi berdiri teguh dengan keunikannya tersendiri walaupun mungkin ada sebahagian kecil syarikat yang terpaksa menutupnya secara tetap.

Sejarah perkembangan akhbar dalam situasi masyarakat Malaysia sebenarnya juga telah berjaya melepassi sekurang-kurangnya dua evolusi media massa di Malaysia iaitu pertamanya dengan kehadiran media elektronik iaitu radio serta televisyen, dan diikuti pula dengan zaman internet mula berkembang dengan pesat di negara Malaysia.

Disaat media elektronik radio dan seterusnya televisyen diperkenalkan di negara Malaysia, ada sebilangan daripada masyarakat yang beranggapan populariti akhbar akan merosot dan menurun juga akan hilang tempatnya dalam kalangan masyarakat tetapi apa yang berlaku adalah sebaliknya. Akhbar semakin berkembang seiringan dengan era zaman pemodenan tanpa mengalami penjejasan yang banyak. Jumlah jualan akhbar-akhbar arus perdana versi cetak pada hari ini mungkin benar ada mengalami sedikit kemerosotan dek kerana pembacaan secara atas talian yang diamalkan oleh masyarakat Malaysia tetapi tidak lah memberikan impak negatif yang besar kepada syarikat-syarikat pengeluaran akhbar dan majalah.

Perkembangan media massa seperti televisyen di Malaysia bermula pada tahun 1963 di bawah kawalan dan pantauan pihak kerajaan Persekutuan. Kerajaan telah menubuhkan sebuah agensi penyiaran yang dinamakan Radio Televisyen Malaysia (RTM) yang diseliakan oleh Jabatan Penyiaran Malaysia bagi mengikuti keseimbangan arus pemodenan dalam media. Jabatan Penyiaran Malaysia berfungsi bagi menyebarkan maklumat, info dan berita berkaitan dalam dan luar negara, dasar-dasar kerajaan juga hiburan seperti drama dan rancangan nyanyian.

Pada waktu tersebut masyarakat Melayu mula terdedah dengan bentuk hiburan yang mengandungi program hiburan terbitan barat yang dipaparkan di kaca televisyen dan mempunyai unsur-unsur sama sekali bertentangan dengan sistem nilai Melayu yang berteraskan ajaran Islam. Masyarakat Melayu khususnya pada waktu itu sangat terdedah dengan rancangan hiburan barat yang dipenuhi dengan pergaulan diantara lelaki dan wanita tanpa batasan dan halangan, daripada sudut pemakaian, minuman keras dan perwatakan yang kasar berbeza dengan kehidupan masyarakat Melayu yang masih mengamalkan bentuk hidup tradisional dan ajaran Islam yang dipenuhi dengan budi bahasa juga kelembutan.

Dunia sekali lagi mengalami kejutan teknologi yang semakin pesat dan terlalu pantas dengan televisyen semakin ketinggalan dan kurang digemari. Sebelum itu, televisyen hanya bertindak sebagai satu hala sahaja iaitu antara kandungan program dan penontonnya. Perkembangan teknologi komunikasi seperti media baharu turut menerima kesan yang ketara dan bahangnya. Kehadiran media baharu terutamanya internet atau jaringan telah memberikan pengaruh yang amat ketara kepada dunia komunikasi secara tidak langsung turut memberikan kesan daripada sudut budaya kepada masyarakat Melayu yang tinggal di kawasan bandar.

Dengan adanya media baru seperti internet sedikit sebanyak telah mengubah sudut pandang media Malaysia terutamanya dengan perubahan tatacara para pengguna berurus dengan berita akhbar kerana mereka boleh memperolehi berita melalui versi atas talian. Hal ini secara umumnya saling berkait-rapat dengan populariti *smartphone* (telefon pintar) dalam kalangan rakyat Malaysia dan melalui kemudahan akses Internet yang disediakan oleh para pencipta telefon pintar. Maka dengan adanya media pada ketika ini bukan sahaja mengubah corak penghantaran dan penyampaian maklumat, malah juga mencetuskan penyebaran pendapat masyarakat awam secara meluas dan pesat. Pendedahan daripada para cendekiawan berkaitan kemunculan media baharu iaitu internet begitu popular dan berpengaruh sehingga berjaya mencorak pendapat awam sehingga ada suatu keputusan itu dibuat oleh masyarakat seperti yang berlaku di dalam kes penetuan Presiden Amerika pada tahun 2004. Rata-rata para bijak pandai melihat perkembangan media alternatif dan jalan dalam meluahkan sesuatu perkara dan memberikan keputusan yang tidak disangka-sangka. (Lee Kuok Tiung, Mohd Safar Hasim: 2016)

Di dalam Islam juga wujud media namun medium media yang diaplikasikan ketika itu adalah melalui syair-syair. Para penyair dan mereka yang pandai menulis pada zaman Rasulullah SAW akan diminta untuk memanfaatkan kelebihan mereka dalam menyampaikan Islam dengan menulis wahyu dan menceritakan keindahan akhlak Islam melalui syair-syair. Buktiya dapat dilihat ketika Rasulullah SAW dan Abu Bakar al-Siddiq RA sampai di bumi Madinah ketika di awal penghijrahan, Mereka telah disambut oleh penduduk disana dengan sebuah syair yang didendangkan khas buat Rasulullah SAW. Ini menjadi bukti yang jelas bahawa media adalah sebuah platform yang sangat berkesan dalam menentukan sesebuah keputusan juga menjadi medan dalam menyampaikan sesuatu perkara cuma hanya dengan berlainan cara mengikut peredaran zaman (Rosni: 2016).

Rasulullah SAW menyebutkan mengenai syair (media) yang menjadi senjata pada ketika itu dalam sebuah hadis:

اَهْجُ اِلْمُشْرِكِينَ فَإِنَّ جِبْرِيلَ مَعَكُ

Maksudnya:

“Seranglah kaum musyrikin (dengan syairmu), kerana Jibril AS bersamamu.”

[al-Bukhari, Muhammad bin Isma'il al-Ju'fi, Sahih al-Bukhari, *Kitab al-Maghazi*, Bab Marjaun al-Nabi min al-Abzab, no. Hadis 4123].

Di dalam hadis lain ada juga baginda SAW bersabda:

إِنَّ مِنَ الشِّعْرِ حِكْمَةً

“Sesungguhnya di antara syair itu ada yang merupakan hikmah.”

[al-Bukhari, Muhammad bin Isma'il al-Ju'fi, Sahih al-Bukhari, *Kitab al-Adab*, Bab Ma Yajuzu min al-Syir wa al-Rijz wa al-Hida', no. Hadis 6145].

Dengan didatangkan dalil-dalil di atas maka lebih jelas bahawa media adalah medium yang amat penting namun setiap muslim harus berhati-hati dalam menggunakaninya. Firman Allah SWT di dalam surah al-Hujurat ayat 6:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّ جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبِيٍّ فَتَبَيَّنُوا أَنْ تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهَالَةٍ  
فَتُصْبِحُوا عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ نَادِمِينَ ◇

Maksudnya:

“Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpa sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) - sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan”.

## Bentuk-Bentuk Penyampaian Media Awal Permulaan Islam dan Masakini

### Media Pada Zaman Rasulullah, Sahabat Dan Tabi'in

Kemodenan dunia pada hari ini telah menyaksikan pelbagai kemudahan dalam medium komunikasi melalui media. Teknologi dan media menjadi medium penting dalam menyebar luas maklumat dan mendidik masyarakat tentang isu-isu yang berkaitan sama ada daripada aspek ekonomi, politik dan agama.

Permulaan media pada zaman baginda Nabi SAW adalah melalui pertuturan atau percakapan. Jika diteliti kembali sejarah pada zaman Nabi Muhammad SAW, media pembelajaran itu sendiri sudah ada dan diaplikasikan oleh Rasulullah SAW dalam mengajar ilmu pengetahuan berkaitan dengan ajaran agama Islam kepada para sahabat RA.

Pada ketika itu juga, media bertindak sebagai faktor yang penting dalam proses komunikasi kepada para sahabat dan media juga menjadi salah satu diantara perantara komunikasi Islam sebagai saluran bagi menyampaikan idea, maklumat, mesej dan dakwah. Penggunaan media telah lama digunakan dalam Islam dan telah muncul sejak awal zaman Rasulullah SAW. Sebagai contoh, al-Quran mendatangkan cerita-cerita zaman dahulu yang boleh digambarkan seolah cerita-cerita drama. Begitu juga Rasulullah telah menugaskan beberapa orang sahabat RA untuk berseni di pentas-pentas syair sebagai cara menyebarkan ajaran Islam dan juga membalahtohmahan para Musyrikin Mekah yang memusuhi Nabi SAW. Firman Allah SWT di dalam surah Yusuf ayat 3:

نَحْنُ نَقْصُ عَلَيْكَ أَحْسَنَ الْقَصَصِ بِمَا أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ هَذَا الْقُرْآنُ وَإِنْ كُنْتَ  
مِنْ قَبْلِهِ لَمْ يَعْلَمِ الْغَفِيلِينَ ﴿٣﴾

Maksudnya:

“Kami menceritakan kepadamu (Muhammad) kisah yang paling baik dengan mewahyukan Al-Qur'an ini kepadamu, dan sesungguhnya engkau sebelum itu termasuk orang yang tidak mengetahui”.

Hal ini termasuklah yang terjadi pada zaman sahabat dan tabi'in. Media pada ketika itu banyak menggunakan percakapan dan komunikasi. Contoh lain adalah apabila terdapatnya perutusan daripada sultan, orang suruhan kerajaan akan membaca perutusan tersebut di tempat awam agar didengari oleh ramai orang. Pujian dan kritikan kepada kerajaan pula akan dibuat melalui bait-bait syair dan sajak yang disampaikan juga berlaku di tempat awam seperti pasar, masjid dan sebagainya.

#### Media Masakini

Selari dengan kemajuan teknologi komunikasi yang semakin meluas, maka kaedah teknologi di dalam bahagian komunikasi juga turut mengalami perkembangan yang meluas dan pesat. Media massa merupakan medium atau saluran yang diguna pakai dalam menyampaikan sesuatu maklumat kepada masyarakat awam daripada zaman dahulu sehingga kini. Media massa terbahagi kepada dua bahagian iaitu media elektronik dan media cetak. Media elektronik merangkumi televisyen, radio dan internet yang digunakan oleh generasi sekarang manakala media cetak pula merangkumi akhbar, majalah, buku dan sebagainya yang diguna pakai sebelum berkembangnya media teknologi. Namun perkara ini masih boleh dilihat dikawasan perkampungan yang masih mengekalkan penggunaan akhbar dan sebagainya.

Pada hari ini, internet digunakan dengan meluas kerana kebolehannya dalam menyampaikan maklumat dengan cepat dan padat walaupun maklumat itu belum dipastikan lagi kesahihannya. Selain itu, maklumat juga dapat diperolehi melalui saluran-saluran media massa yang lain seperti televisyen, radio, akhbar, majalah dan sebagainya. Maka bermula lah perkembangan media massa sehingga mampu meningkatkan taraf sosial seseorang individu melalui penerimaan maklumat terkini dan penggunaan peralatan moden. Kerana itu, media massa dapat menentukan arah kehidupan masyarakat ke tahap yang lebih tinggi dan pemodenan negara dapat dilaksanakan melalui berkembangnya media massa di suatu tempat.

Bukan itu sahaja, media massa juga turut membantu dalam meningkatkan golongan para cerdik pandai. Jumlah peningkatan yang mendadak ini juga telah melahirkan ramai daripada

golongan profesional seperti pakar bedah, peguam, arkitek, doktor, pegawai dan sebagainya. Dengan adanya golongan cerdik pandai ini, ekonomi negara turut sama ditingkatkan melalui idea-idea yang bernes daripada mereka yang intelek berhubung sesuatu perkara dengan tujuan bagi memajukan negara sekaligus menaikkan nama negara bersama nama-nama besar negara yang lain. Orang atasan kerajaan juga menyarankan pendedahan penggunaan media massa terhadap setiap lapisan masyarakat dan tidak hanya tertumpu pada masyarakat bandar sahaja tetapi disebarluaskan juga kepada mereka yang di kawasan pinggir bandar dan perkampungan orang asli. Hal ini dilakukan agar masyarakat luar bandar tidak tercicir atau terjejas dengan arus kemodenan dan mendapat maklumat yang sama seperti mereka yang berada di kawasan bandar.

Selain daripada itu, media massa juga mampu menarik minat masyarakat untuk membaca seperti penyebaran maklumat melalui Facebook atau Instagram sesuai dengan saranan kerajaan dalam melahirkan masyarakat yang berilmu juga berdaya saing. Pemupukan sikap minat membaca tidak hanya tertumpu kepada golongan pelajar sahaja, malahan penglibatan daripada seluruh golongan masyarakat adalah amat digalakkan seperti disediakan sekolah atau institusi pengajian di tempat orang asli. Dengan itu, penggunaan media massa sebagai salah satu cara memupuk minat seseorang dalam membaca tidak dapat disangkal lagi.

Justeru dengan itu, penggunaan media massa telah banyak mendidik masyarakat ke arah kehidupan yang lebih baik dan selesa dari segi semua aspek kehidupan, nilai moral dan budaya hidup. Masyarakat yang berdaya saing mampu membentuk suatu persaingan yang sihat dalam menempuh arus pemodenan yang kian berkembang tanpa sebarang halangan yang mampu menggugat kestabilan ekonomi dan politik negara. (Sohana: 2016)

#### Tarikan Pengguna Kepada Media

Jika dilihat pada apa yang berlaku pada zaman kini, manusia lebih cenderung kepada media yang bersumberkan kepada internet. Hal ini kerana, perkembangan yang meluas dan pesat telah berlaku kepada media terutamanya Internet. Setiap maklumat yang dicari oleh manusia pasti sudah ada di Internet termasuklah bahan kajian, bahan bacaan, maklumat terkini dan mutakhir juga pelbagai lagi maklumat yang ada boleh didapati tanpa perlu menghabiskan masa yang lama dalam mencari sesuatu bahan. Diimbas kembali zaman sebelum adanya intenet, manusia terpaksa bersusah payah untuk pergi ke suatu tempat demi mendapatkan apa yang dikehendaki yang berkaitan dengan media sama ada dengan cara membeli akhbar atau majalah, menghantar surat melalui pos, mendengarkan radio mengenai isu semasa, mengetuk gong dan sebagainya. Hal ini berlaku tidak lain dan tidak bukan adalah bagi mendapatkan dan menyampaikan media.

Zaman telah berubah. Internet menjadi diantara media yang sentiasa diguna pakai oleh masyarakat. Segala capaian dalam membina sesebuah masyarakat adalah Internet yang menjadi penyebabnya. Setiap akses yang boleh didapati dengan mudah termasuklah sistem menghantar email, berbual dengan rakan-rakan sama ada secara “*voice call*” atau “*video call*”, menyimpan data kerja atau pelajaran di aplikasi “*document*” atau “*google docs*”. Ini semua memudahkan lagi masyarakat untuk meneruskan kehidupan mereka dalam menempuh era yang serba canggih ini.

Walaupun zaman internet telah mendominasi waktu kini, tetapi masih ada sebahagian kecil daripada masyarakat Malaysia khususnya yang masih berpegang dengan cara lama, dalam erti kata lain masih tidak mengetahui cara untuk mengadaptasikan Internet dalam kehidupan mereka. Ini kerana penyampaian berkaitan media tidak difahami dengan baik oleh mereka. Justeru pihak kerajaan perlu menggunakan kuasa mereka dalam memahamkan masyarakat dengan manfaat Internet yang cukup besar jika digunakan dengan cara yang betul. Hasilnya juga dapat dilihat dengan

lahirnya ramai para cendekiawan daripada pelbagai bidang sekaligus menguasainya dengan cukup baik. (Khusnul Hanafi, Mohd. Helmi Abd. Rahim: 2017)

## Tahap Kefahaman Masyarakat Kemaman tentang al-Quran dan al-Sunnah Melalui Media


Analisis ini dilakukan bagi mengenal pasti tahap pengetahuan dan kefahaman masyarakat di Kemaman tentang al-Quran dan al-Sunnah melalui media. Analisis ini merangkumi 30 item soal selidik yang terdiri daripada maklumat jawapan para responden berdasarkan soal selidik yang dibina.

### Demografi Responden dan Maklumat Latar Belakang Responden


Dari aspek jantina seramai 107 responden orang iaitu 73% daripadanya adalah wanita dan 34% orang mewakili lelaki. Maklumat demografi yang kedua dinilai dari aspek umur dalam kalangan responden iaitu umur sekitar 18-25 tahun sebanyak 51%, 25-35 tahun sebanyak 20%, 35-45 tahun sebanyak 10%, 45-55 tahun sebanyak 14%, 55-65 tahun 11%, 65-75 sebanyak 1%.

Analisis bahagian ini merupakan maklumat latar belakang 107 orang responden di kawasan daerah Kemaman, Terengganu yang mempunyai 3 item soalan terdiri daripada jantina, umur dan soalan berkaitan tahap kefahaman masyarakat tentang al-Quran dan al-Sunnah dengan media. Adalah penting menjelaskan latar belakang responden dan hubungannya dengan pemboleh ubah. Pemboleh ubah lazimnya diukur, dinilai dan dilaporkan secara bertulis semasa kajian dibuat.

Rajah 1 Jantina



Rajah 2 Umur



## **Pengetahuan Tentang Tahap Kefahaman Masyarakat Tentang Al-Quran Dan Al-Sunnah Melalui Saluran Media**

Perkara Berkaitan Al-Quran, Al-Sunnah Dan Media

Item 1: Al-Quran Sebagai Panduan Utama Umat Islam

Responden memberikan jawapan yang sangat positif iaitu setuju dengan pernyataan yang diberikan. Ianya dapat disimpulkan secara purata bahawa para responden sangat yakin dan memahami bahawa al-Quran sememangnya sebagai panduan utama umat Islam. Setiap manusia yang menjadikan Islam sebagai agama mereka perlu berpegang kepadanya dan sekaligus menjadikan al-Quran sebagai pegangan utama.




Item 2: Umat Islam Diwajibkan Berpegang Dengan Al-Quran

Semua responden bersetuju dengan item kedua umat Islam diwajibkan berpegang dengan al-Quran. Hal ini bertepatan dengan firman Allah S.W.T dalam surah al-Baqarah ayat 2:

ذَلِكَ الْكِتَبُ لَا رَيْبٌ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ

Maksudnya:


“Kitab (Al-Qur'an) ini tidak ada keraguan padanya; petunjuk bagi mereka yang bertakwa.”



Item 3: Kata Asal Quran Adalah Qaraa Yang Bermaksud Baca

Bagi item ketiga pula, rata-rata responden iaitu sebanyak 99% bersetuju dengan pernyataan bahawa “kata asal quran adalah qara'a” yang bermaksud baca manakala 1% sahaja yang tidak setuju.

KATA ASAL QURAN ADALAH QARA'A YANG BERMAKSUD BACA  
107 responses



Menurut pandangan para ulama dari segi bahasa qaraa mengandungi dua makna iaitu:

1. Qara'a = membawa makna mengumpulkan dan menghimpun.
2. Qiraah = bererti menghimpun huruf-huruf dan satu kalimah dengan satu kalimah yang lain dalam satu ucapan yang tersusun rapi.

Perkataan Quran pada mulanya asal daripada qiraah, iaitu masdar dari kata qara'a, qiraatan, quranan dan disandarkan daripada firman Allah SWT dalam surah al-Qiyaamah ayat 17-18:

إِنَّ عَلَيْنَا جَمْعَهُ وَقُرْآنَهُ هَفَادًا قَرَأْنَاهُ فَاتَّبَعْ قُرَائِهِ

Maksudnya:

“Sesungguhnya atas tanggungan Kamilah mengumpulkannya (di dadamu) dan (membuatmu pandai) membacanya. Apabila Kami telah selesai membacakannya, maka ikutilah bacaannya itu.”

#### Item 4: Al-Quran Diturunkan Adalah Untuk Membentuk Sifat Yang Baik

Bagi item pernyataan “al-Quran diturunkan adalah untuk membentuk sifat yang baik” semua responden bersetuju. Perkara asas manusia terhadap al-Quran ialah mereka beriman dengannya. Umat Islam perlu yakin bahawa al-Quran itu merupakan wahyu daripada Allah SWT kepada nabi Muhammad SAW. Mereka wajib percaya segala berita, suruhan dan larangan yang terkandung di dalamnya. Ini merupakan salah satu rukun iman yang enam iaitu mempercayai kepada kitab Allah SWT. Firman Allah SWT di dalam surah al-Nisa' ayat 136:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَمِنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ وَالْكِتَبِ الَّذِي نَزَّلَ عَلَى رَسُولِهِ وَالْكِتَبِ الَّذِي  
أَنْزَلَ مِنْ قَبْلِ يَوْمَنْ يَكْفُرُ بِاللَّهِ وَمَلِكَتِهِ وَكُتُبِهِ وَرُسُلِهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَقَدْ ضَلَّ  
ضَلَالًا بَعِيدًا

Maksudnya:

“Wahai orang-orang yang beriman! Tetaplah beriman kepada Allah dan Rasul-Nya (Muhammad) dan kepada Kitab (Al-Qur'an) yang diturunkan kepada Rasul-Nya, serta kitab yang diturunkan sebelumnya. Barangsiapa ingkar kepada Allah, malaikat-malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya, rasul-rasul-Nya, dan hari kemudian, maka sungguh, orang itu telah tersesat sangat jauh”.

TUJUAN AL-QURAN DITURUNKAN ADALAH UNTUK MEMBENTUK SIFAT YANG BAIK  
107 responses



Item 5: Manusia Akan Menjadi Umat Yang Berjaya Jika Mengikut Apa Yang Disyariatkan Di Dalam Al-Quran

Bagi item 5, semua responden bersetuju dengan pernyataan “manusia akan menjadi umat yang berjaya jika mengikut apa yang telah disyariatkan di dalam al-Quran”. Sesungguhnya al-Quran adalah kitab petunjuk ke jalan yang sebaik-baiknya dan manual kehidupan sebagaimana firman Allah SWT di dalam surah al-Isra’ ayat 9:

إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ يَهْدِي لِلّٰتِي هِيَ أَقْوَمُ وَيُبَشِّرُ الْمُؤْمِنِينَ الَّذِينَ يَعْمَلُونَ الصَّلِحَاتِ  
أَنَّ لَهُمْ أَجْرًا كَيْفِيًّا

Maksudnya:

“Sungguh, al-Quran ini memberi petunjuk ke (jalan) yang paling lurus dan memberi kabar gembira kepada orang mukmin yang mengerjakan kebajikan, bahwa mereka akan mendapat pahala yang besar”.

MANUSIA AKAN MENJADI UMAT YANG BERJAYA JIKA MENGIKUT APA YANG DISYARIATKAN DI DALAM AL-QURAN  
107 responses



Item 6: Media Antara Medium Yang Penting Dalam Menyampaikan Kefahaman Tentang Al-Quran

Bagi item “media adalah diantara medium yang penting dalam menyampaikan kefahaman tentang al-Quran” sebanyak 96% responden bersetuju dengan pandangan tersebut dan 4% yang menafikan. Perlu diketahui bahawa masih terdapat dalam kalangan responden yang tidak mengetahui kisah atau pengajaran yang terdapat di dalam al-Quran dan al-Sunnah walaupun teknologi media sudah pada taraf yang canggih. Maka di sini peranan media sebagai platform yang terbaik dalam menyampaikannya maklumat tentang kandungan al-Quran amat penting. Kisah yang dipaparkan oleh al-Quran adalah sebahagian daripada tanda mukjizat kerana ia menceritakan tentang umat terdahulu bersama rasul-rasul mereka yang sebahagian besar tidak diketahui dan sudah luput daripada ingatan manusia kini. Tambahan, kisah yang diceritakan dalam al-Quran juga adalah

peristiwa yang sudah berlaku untuk kita mengambil iktibar dan pengajaran daripadanya. Kisah itu sebahagian sejarah yang menjadi sumber kekuatan dan suntikan motivasi kepada Rasulullah SAW mengharungi perjuangan menegakkan agama Allah SWT.


Firman Allah SWT di dalam surah Yusuf ayat 3:

نَحْنُ نَقُصُّ عَلَيْكَ أَخْسَنَ الْفَصَصِ بِمَا أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ هَذَا الْقُرْآنُ وَإِنْ كُنْتَ مِنْ  
قَبْلِهِ لَمْ يَنْعَمْ بِالْغَفِيلِينَ

Maksudnya:

“Kami menceritakan kepadamu (Muhammad) kisah yang paling baik dengan mewahyukan Al-Qur'an ini kepadamu, dan sesungguhnya engkau sebelum itu termasuk orang yang tidak mengetahui”.

MEDIA ADALAH DIANTARA MEDIUM YANG PENTING DALAM MENYAMPAIKAN KEFAHAMAN TENTANG AL-QURAN  
107 responses



#### Item 7: Sunnah Sebagai Panduan Kedua Umat Islam Selepas Al-Quran

Semua responden bersetuju dengan pernyataan “sunnah sebagai panduan kedua umat Islam selepas al-Quran”. Hal ini membuktikan bahawa mereka meyakini serta percaya dengan sumber daripada sunnah untuk dijadikan sebagai panduan kedua selepas al-Quran. Baginda SAW bersabda seperti yang direkodkan oleh Imam Malik di dalam al-Muwatta’:

تَرَكْتُ فِيْكُمْ أَمْرِيْنِ لَنْ تَضِلُّوا مَا تَمَسَّكْتُمْ بِهِمَا كِتَابَ اللَّهِ وَسُنْنَةَ نَبِيِّهِ

Maksudnya:

“Aku telah tinggalkan buat kalian dua perkara yang kalian tidak akan sesat selama-lamanya selagi mana kalian berpegang pada keduanya iaitu kitab Allah dan sunnah nabi-Nya”.

SUNNAH SEBAGAI PANDUAN KEDUA UMAT ISLAM SELEPAS AL-QURAN  
107 responses



#### Item 8: Umat Islam Wajib Berpegang Kepada Al-Sunnah

Semua responden bersetuju dengan item 5 iaitu “umat Islam wajib berpegang kepada al-Sunnah”. Di sini dapat dilihat bahawa para responden memahami bahawa berpegang kepada al-Sunnah merupakan hal yang wajib dilakukan bagi semua penganut agama Islam.




#### Item 9: Al-Sunnah Bermaksud Jalan Atau Cara Hidup Rasulullah SAW

Melalui item enam pada pernyataan “al-Sunnah bermaksud jalan atau cara hidup Rasulullah SAW” 99% responden bersetuju manakala 1% responden tidak bersetuju. Hal ini kerana kurangnya kefahaman berkaitan kewajipan berpegang kepada Sunnah Rasulullah SAW.



#### Item 10: Media Adalah Salah Satu Bentuk Platform Informasi

Semua responden bersetuju dengan item “Media Adalah Salah Satu Bentuk Platform Informasi”. Sejak dengan kemajuan teknologi di era globalisasi, setiap pengguna dari segenap lapisan usia kini mempunyai akses dan dapat berkongsi maklumat di mana sahaja berada tanpa sempadan masa dan tempat. Segalanya kini hanya berada di hujung jari. Ini dibuktikan oleh *We Are Social & Hootsuite* (2018).




### Item 11: Media Memudahkan Masyarakat Awam

Semua responden bersetuju dengan item media memudahkan masyarakat awam. Hal ini bertepatan melalui (Redecker et al.; 2010) bahawa Penggunaan media sosial seperti kandungan kolaborasi, rangkaian sosial dan kandungan multimedia dalam proses pengajaran dan pembelajaran semakin luas digunakan memberi peluang baru bagi persekitaran pembelajaran sedia ada bukan sahaja di peringkat pengajaran dan pembelajaran bahkan kemudahan yang ada pada media juga dalam setiap perkara dan aspek.



### Item 12: Media Membantu Masyarakat Dalam Pelbagai Bidang Dan Situasi

Bagi item sembilan bagi pernyataan “media membantu masyarakat dalam pelbagai bidang dan situasi” semua responden bersetuju. Item ini juga bertepatan dengan dapatan (Zainab Zakirah Abdul Halim: 2019) yang menunjukkan bahawa penggunaan media sosial adalah dominan dalam kalangan masyarakat di seluruh dunia. Hal ini kerana, media sosial merupakan satu platform secara atas talian yang membolehkan pengguna berkongsi, menyertai, dan mencipta isi melalui rangkaian sosial, wiki blog, dan dunia virtual.



### Item 13: Media Perlu Memperbanyakkan Program Atau Rancangan Yang Berunsurkan Al-Quran

Semua responden bersetuju dengan pernyataan “media perlu memperbanyakkan program atau rancangan yang berunsurkan al-Quran” mendapat persetujuan secara majoriti. Ini bermakna para responden menyokong program yang berunsurkan al-Quran agar diperbanyakkan dan pertingkatkan dapat meningkatkan kefahaman mengenai al-Quran.

MEDIA PERLU MEMPERBANYAKKAN PROGRAM ATAU RANCANGAN YANG BERUNSURKAN  
AL-QURAN  
107 responses



#### Item 14: Tahap Kefahaman Masyarakat Tentang Kalamullah Akan Bertambah Jika Rancangan Di Televisyen Atau Radio Diperbanyak Dengan Pengajaran Mengenai Al-Quran

Sementara itu dapatan responden pada item, “ tahap kefahaman masyarakat tentang Kalamullah akan bertambah jika rancangan di televisyen atau radio diperbanyak dengan pengajaran mengenai al-Quran” menunjukkan semua responden bersetuju dan dapatan ini menunjukkan bahawa kefahtaman masyarakat akan bertambah jika pengajaran mengenai al-Quran diperbanyak di semua platform media seperti contoh program “Quran Time” yang pernah dilaksanakan di saluran TV AL-HIJRAH.


TAHAP KEFAHAMAN MASYARAKAT TENTANG KALAMULLAH AKAN BERTAMBAH JIKA  
RANCANGAN DI TELEVISYEN ATAU RADIO DIPERBANYAKKAN DENGAN PENGAJARAN MENGENAI AL-QURAN  
107 responses



#### Item 15: Para Asatizah Yang Mahir Dalam Bahagian Al-Quran Perlu Lebih Kehadapan Terutama Dalam Penggunaan Media

Sebanyak 99% responden bersetuju dengan pandangan, “para asatizah yang mahir dalam bahagian al-Quran perlu lebih kehadapan terutama dalam penggunaan media” dan 1% responden yang tidak bersetuju. Para agamawan yang terkenal masakini, masing-masing mempunyai “team” sendiri yang mengawal dan menjaga setiap media yang akan dipaparkan kepada masyarakat. Antara mereka yang terkenal di platform Instagram seperti Ustaz Azhar Idrus (1.8 juta), Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri (1.2 juta), Ustaz Wadi Anuar (1.2 juta) , dan Ustazah Asma Harun (1.1 juta), Ustaz Adnin Roslan (783 ribu) pengikut. Selain mereka, usaha sebaran ilmu dalam kalangan agamawan yang mahir dalam bahagian al-Quran amat perlu dalam platform media massa bagi melahirkan masyarakat Islam yang celik al-Quran.

**PARA ASATIZAH YANG MAHIR DALAM BAHAGIAN AL-QURAN PERLU LEBIH KEHADAPAN TERUTAMA DALAM PENGGUNAAN MEDIA**  
107 responses



Item 16: Para Asatizah Perlu Memperbanyakkan Pengajaran Mengenai Al-Quran Kepada Masyarakat Terutama Sekali Melalui Media Bagi Memperkuatkan Akidah Pada Zaman Fitnah Ini

Semua responden bersetuju dengan item “para asatizah perlu memperbanyakkan pengajaran al-Quran kepada masyarakat terutama sekali melalui media bagi memperkuatkan akidah pada zaman fitnah ini”. Hal ini kerana masyarakat muslim masakini sering berhadapan dengan pelbagai masalah yang memerlukan kepada kekuatan rohani iaitu al-Quran.

Firman Allah S.W.T di dalam surah al-Jasiyah ayat 20:

هَذَا بَصَابِرٌ لِلنَّاسِ وَهُدًى وَرَحْمَةٌ لِقَوْمٍ يُؤْقِنُونَ

Maksudnya:

“al-Quran ini menjadi panduan-panduan yang membuka mata hati manusia dan menjadi hidayah petunjuk serta membawa rahmat bagi kaum yang meyakini (kebenarannya)”.

**PARA ASATIZAH PERLU MEMPERBANYAKKAN PENGAJARAN MENGENAI AL-QURAN KEPADA MASYARAKAT TERUTAMA SEKALI MELALUI MEDIA ...MPERKUATKAN AKIDAH PADA ZAMAN FITNAH INI**  
107 responses



Item 17: Rasulullah Digambarkan Sebagai Manusia Terbaik Di atas Muka Bumi

Semua responden bersetuju dengan item, “Rasulullah digambarkan sebagai sebagai manusia yang paling baik diatas muka bumi”.



#### Item 18: Umat Islam Pasti Akan Berjaya Jika Mengamalkan Al-Sunnah Di Dalam Hidup Mereka

Bagi item “umat Islam pasti akan berjaya jika mengamalkan sunnah di dalam hidup mereka” semua responden bersetuju. Menurut (Mohd Sukki Othman: 2016), cara terbaik untuk mendapatkan kecemerlangan dan kegemilangan adalah dengan mencontohi Rasulullah SAW dalam segenap aspek kehidupan kerana sunah baginda bersifat sejagat serta sesuai diamalkan oleh umat Islam serta bukan Islam.



#### Item 18: Cara Rasulullah Menggunakan Media Pada Zaman Baginda Adalah Melalui Sifat Dan Perwatakan Baginda Sendiri Juga Melalui Wahyu Yang Diturunkan Kepada Baginda

Sementara itu semua responden bersetuju bagi item “cara Rasulullah menggunakan media pada zaman baginda adalah melalui sifat dan perwatakan baginda sendiri juga melalui wahyu yang diturunkan kepada baginda”. Walaupun kehidupan dipenuhi pelbagai ragam dan budaya, akhlak mulia Rasulullah SAW sekiranya diamalkan akan disenangi dan memberi manfaat kepada semua makhluk termasuk haiwan. Akhlak mulia Rasulullah SAW itu boleh disaksikan bukan sahaja dalam konteks rumah dan masyarakat, bahkan atas kedudukan Baginda sebagai pemimpin. Inilah media yang ditunjukkan oleh Rasulullah S.A.W melalui perwatakan baginda.

Firman Allah S.W.T di dalam surah al-Qalam ayat 4:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ

Maksudnya:

“Sesungguhnya kamu Nabi Muhammad SAW berada di atas akhlak yang mulia.”


CARA RASULULLAH MENGGUNAKAN MEDIA PADA ZAMAN BAGINDA ADALAH MELALUI SIFAT DAN PERWATAKAN BAGINDA SENDIRI JUGA MELALUI WAHYU YANG DITURUNKAN KEPADA BAGINDA  
107 responses



#### Item 19: Masyarakat Lebih Tertarik Dengan Kisah Sirah Rasulullah Berbanding Drama Yang Tidak Memberi Manfaat

Bagi item “masyarakat lebih tertarik dengan sirah Rasulullah berbanding drama yang tidak memberi manfaat” sebanyak 12.1% responden menolak pandangan ini. Meskipun begitu masih ramai yang tertarik dengan kisah sirah baginda SAW seperti program “Jejak Rasul” yang menjadi tumpuan para penonton ketika disiarkan pada bulan Ramadan.


MASYARAKAT LEBIH TERTARIK DENGAN KISAH SIRAH RASULULLAH BERBANDING DRAMA YANG TIDAK MEMBERI MANFAAT  
107 responses



#### Item 20: Media Perlu Memperbanyakkan Rancangan, Program Dan Penulisan Mengenai Al-Sunnah

Bagi item,“media perlu memperbanyakkan rancangan, program dan penulisan mengenai al-Sunnah” majoriti responden bersetuju pun begitu masih ada responden yang tidak bersetuju mungkin merasakan hiburan juga diperlukan. Islam tidak pernah melarang hiburan namun kefahaman yang jelas berkaitan al-Quran dan al-Sunnah perlu didahulukan dari semua aspek. Tatkala Allah menghendaki seseorang itu dalam kebaikan, pasti setiap muslim akan memahami agama ini dengan baik.

MEDIA PERLU MEMPERBANYAKKAN RANCANGAN, PROGRAM DAN PENULISAN MENGENAI AL-SUNNAH  
107 responses



Item 21: Diantara Cara Menambahkan Kecintaan Umat Islam Kepada Rasulullah Adalah Dengan Memahami Sirah Secara Jelas Dan Sentiasa Mendengarkan Kisah Hidup Baginda SAW

Semua responden bersetuju dengan item “diantara cara menambahkan kecintaan umat Islam kepada Rasulullah adalah dengan memahami sirah secara jelas dan sentiasa mendengarkan kisah hidup baginda SAW”. Dapat difahami bahawa para responden mengetahui diantara cara ingin menjadikan cinta kita kepada baginda Nabi SAW adalah dengan banyak mendengarkan kisah hidup baginda, memahami liku-liku kehidupan baginda, kegembiraan baginda yang dikongsi dengan para sahabat, kesedihan baginda dan segala hal yang berlaku kepada baginda SAW.



Item 22: Sunnah Perlu Diterapkan Dalam Penggunaan Media

Sementara itu bagi item “sunnah perlu diterapkan dalam penggunaan media” sebanyak 99.1% responden bersetuju. Perlu difahami bahawa media perlu menggunakan sunnah dalam menggerakkan teknologi tersebut seperti sumber yang tepat dan diikuti dengan amanah dalam menyampaikan sesuatu perkara.

Firman Allah S.W.T di dalam surah al-Hujurat ayat 6:


يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنْ جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا أَنْ تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهَالَةٍ  
فَتُصْبِحُوا عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ نَادِمِينَ

Maksudnya:

“Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) - sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan”.

#### SUNNAH PERLU DITERAPKAN DALAM PENGGUNAAN MEDIA

107 responses



#### Item 23: Al-Sunnah Perlu dipromosi Dan diperkenalkan didalam Media

Item pernyataan “al-Sunnah perlu dipromosi dan diperkenalkan didalam media” menerima persetujuan secara total daripada para responden. Sunnah baginda SAW perlu dipromosi dan diperkenalkan didalam media adalah lebih kepada kepelbagai program atau rancangan yang berunsurkan Sunnah sama ada di platform media teknologi atau media cetak. Para responden sangat dahagakan penceritaan yang berbentuk perkongsian tentang kekasih agung mereka iaitu baginda Nabi SAW.

#### AL-SUNNAH PERLU DIPROMOSI DAN DIPERKENALKAN DIDALAM MEDIA

107 responses



## Penutup

Peranan media sebagai watak utama dalam menyampaikan mesej kepada masyarakat amat perlu dipandang serius dan ia hendaklah digunakan pada jalan yang betul. Semua platform media perlu digunakan bagi menyampaikan serta menyebarluaskan kandungan al- Quran dan al-Sunnah melalui maklumat yang sahih kepada masyarakat. Kebanyakan masyarakat masakini menjadikan media sebahagian medium penting dalam kehidupan mereka sebagai tempat berinteraksi dan tempat menambah ilmu seperti facebook live, instagram, TikTok live, google meet dan sebagainya. Melihat kepada pengaruh media massa yang luar biasa dan kesannya terhadap masyarakat maka sewajarnya golongan agamawan seperti para da'i untuk menggunakan saluran media dengan sebaik-baiknya. Islam tidak pernah mengeneplikan kemajuan, terutama melibatkan kecanggihan teknologi maklumat yang ada, tetapi ia perlu berjalan selari dengan kehendak Islam. Firman Allah SWT dalam surah al-Isra<sup>c</sup> yang bermaksud “Sesungguhnya al-Quran ini memberi petunjuk ke jalan yang amat betul (agama Islam), dan memberikan berita yang

mengembirakan orang-orang yang beriman yang mengerjakan amal-amal soleh, bahawa mereka beroleh pahala yang besar (al-Isra' (17): 9).

## Rujukan

- Abdullah Basmeih. ٢٠٢٢M. *Tafsir pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Qur'an*, Edisi Rumi Baharu. JAKIM dengan Kerjasama Rimbunan Islamik Media.
- Abdul Karim Batubara S.Sos, (2011), "Diktat Media Komunikasi", Fakultas Dakwah Institut Agama Islam Negeri Sumatera Utara Medan, Indonesia.
- Al-Bukhari, Abu 'Abdullah Muhammad bin Isma'il al-Ju'fi. (1981). *Sabih al-Bukhari*. Bayrut: Dar al-Fikr: al-Matba'ah al-Nishr.
- Khusnul Hanafi & Mohd. Helmi Abd. Rahim, (2017), "Penggunaan Media Sosial Dan Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Terbentuknya Gerakan Sosial Oleh Pemimpin Pelajar Universiti Di Bandar Pekan Baru, Riau, Indonesia", Faculty Of Social Sciences And Humanities, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Lee Kuok Tiung, Mohd Safar Hasim, (2016), "Artikulasi Isu-Isu Sejarah Dalam Media Massa Di Malaysia", Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies, Vol. 43 (1) (July 2016): 1-18, Universiti Malaysia Sabah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Taufik Md Sharipp, S Salahudin suyurno, (2021), "Komunikasi Dakwah & Media Baharu", Kolej Universiti Islam Melaka.
- Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, Muammar Ghaddaffi Hanafiah, (2015), "Impak Media Baharu Terhadap Sistem Nilai Masyarakat Melayu Di Malaysia" Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication Jilid 31(2): 33-46, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rosni Wazir, (2016), "Dakwah Media Sosial Mengikut Pandangan Al-Quran Dan Al-Sunnah", Seminar Antarabangsa Aqidah, Dakwah Dan Syariah (IRSYAD 2016), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Malaysia.
- Sohana Abdul Hamid, (2016), "Pengaruh Media Massa Terhadap Perubahan Sosial Masyarakat (Mass Media Effect on Changes in Social Community)", Faculty Of Social Sciences, Universiti Kebangsaan Malaysia

## BAB 8

### SALASILAH SANAD KITAB *TURATH HADIS TOKOH ULAMA PONDOK NEGERI KEDAH TUAN GURU HAJI SALLEH BIN MUSA (1927-2016M)*

Farhah Zaidar Mohamed Ramli<sup>1</sup> PM Dr. Phayilah Yama<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Universiti Islam Selangor (UIS)

#### Pendahuluan

*Ghayat al-Rusukh fi Mu'jam al-Shuyukh* karya Sheikh Muhammad Husni Gingting al-Langkati (1980-2020M) merupakan penulisan terpenting dalam konteks dokumentasi kesinambungan salasilah sanad kitab-kitab *turath* hadis untuk jalur Nusantara. Karya kategori *thabat* ini mengandungi 165 sampel salasilah sanad berteraskan 12 buah kitab *turath* hadis yang berkesinambungan antara pengarang dengan 165 orang guru *musnid* yang berasal daripada 20 buah negara sama ada timur atau barat dunia Islam. Mereka merupakan tokoh *musnid* abad ini yang sukar dicari ganti (Farhah Zaidar, 2023). Pengarang turut memuatkan 10 sampel salasilah melibatkan 10 orang tokoh *musnid* kelahiran Malaysia termasuk empat tokoh ulama *musnid* negeri Kedah yang amat sukar ditemui serta jarang dikupas secara kritis. Jadual 1 berikut memperincikan empat tokoh ulama *musnid* negeri Kedah terbabit.

Jadual 1 Tokoh Ulama *Musnid* Negeri Kedah dalam *Ghayat al-Rusukh fi Mu'jam al-Shuyukh*

BIL	NAMA TOKOH <i>MUSNID</i> MALAYSIA	PENGLIBATAN DALAM PENDIDIKAN	SAMPEL SALASILAH SANAD KITAB <i>TURATH HADIS</i>	GURU <i>IJAZAH</i> SANAD	KARYA <i>THABAT</i> GURU <i>IJAZAH</i> SANAD
1	<i>al-'Alim al-Musnid al-Mutakalim al-Mursqid al-Da'i al-Sufi al-Ustadh al-Murabbi al-Shaykh Salleh bin Musa bin Salleh bin 'Abd Manaf al-Qadahi al-Malizi (1927-2016M)</i>	Pengasas Madrasah Ar Rahmaniah/ Pondok Tuan Guru Hajji Salleh Bin Musa, Sik, Kedah Darul Aman.	Salasilah Sanad Kitab <i>Sunan al-Tirmidhi</i>	Sayyid 'Alawi bin 'Abbas al-Maliki MEKAH	<i>Ithaf Dhawi al-Himam al-'Aliyyah bi Raf' Asanid Waladi al-Saniyyah</i> <i>Al-'Uqud al-Lu'luiyyah bi al-Asanid al-'Alaniyyah</i>

2	<i>Al-'Allamah al-Musnid al-Shaykh 'Abd al-Hamid bin 'Abd al-Rahman bin Idris (al-Shaykh Jarum) bin Jamal al-Din al-Jarumi al-Qadahi al-Malizi (1930-2013M)</i>	Bekas Guru Maktab Mahmud, Alor Setar Kedah	Salasilah Sanad Kitab <i>Sahih Muslim</i>	Shaykh Muhammad 'Ali bin Hussayn al-Maliki MEKAH	<i>Al-Maslak al-Jaliyy fi Asanid Muhammadi 'Ali bin Hussayn bin Ibrahim al-Maliki al-Makki</i>
3	<i>Al-'Alim al-Faqih al-Mufakkir al-Nabih al-Babbathah al-Shaykh 'Abd al-'Aziz Hanafi bin Hussayn al-Qadahi al-Malizi al-Azhari (1946-2016M)</i>	Mantan Dekan Kulliyah Syariah & Undang-undang Kolej Universiti INSANIAH,	Salasilah Sanad Kitab <i>Sahih Muslim</i>	Muhammad bin 'Abd al-Hadi al-'Ajil al-Yamani YAMAN	-belum dikenal pasti-
4	<i>Al-'Alim al-Salleh al-Mu'ammarr al-Falih al-Shaykh Muhammad Tayyib bin al-Hajj Che The al-Qadahi al-Malizi al-Makki (1921-2016M)</i>	-tiada penemuan-	Salasilah Sanad Kitab <i>Sahih al-Bukhari</i>	Shaykh Muhammad al-'Arabi ibn al-Tibani bin al-Hussayn al-Maliki MEKAH	-belum dikenal pasti-

Sumber M. Husni (t.th) al-Fadani (2008) al-Mar'ashli (2002)

Penemuan sampel salasilah sanad kitab *turath* hadis empat tokoh *musnid* negeri Kedah sebagaimana tertera dalam jadual 1 di atas, membuka ruang untuk kajian ini melakukan penelitian khusus terhadap salah satu daripada empat salasilah sanad tersebut iaitu salasilah Tuan Guru Haji Salleh Bin Musa berteraskan kitab *Sunan al-Tirmidhi*. Ia seiring dengan kemasyhuran tokoh sebagai ulama pondok terkenal di Nusantara umumnya dan Kedah khususnya.

Justeru pendedahan bersangkutan sampel salasilah sanad kitab *turath* hadis tokoh yang berkesinambungan menerusi guru beliau yang berasal daripada Mekah adalah signifikan dalam jurusan ilmu riwayat dan sanad jalur Nusantara. Dalam erti kata lain, ia merupakan rantaian yang menjadi bukti emperikal pengekalan sanad yang berkesinambungan kepada pengarang kitab *turath* hadis dan seterusnya bertaut dengan Rasulullah SAW di paras tertinggi rantaian berdasarkan jalur tokoh Nusantara tersebut.

## Metodologi kajian

Justeru makalah ini bertujuan untuk meneliti salasilah tokoh terbabit iaitu Tuan Guru Haji Salleh bin Musa berdasarkan analisis kandungan terhadap karya *Ghayat al-Rusukh fi Mu'jam al-Shuyukh* dan lain-lain dokumen bersangkutan. Dapatkan dan perbincangan kajian dianalisis secara deskriptif. Dapatkan dikupas berdasarkan latar belakang tuan guru, guru sanad Mekah, murid sanad Nusantara dan sampel salasilah. Manakala perbincangan kajian ditumpukan kepada tiga aspek penting yang perlu diketengahkan iaitu peri pentingnya keprihatinan dokumentasi salasilah guru, ketokohan al-Sayyid ‘Alawi bin ‘Abbas al-Maliki; Guru Riwayat Kitab *Sunan al-Tirmidhi* dan kesedaran periwayatan salasilah antara ahli keluarga.

### Dapatkan Kajian.

Dapatkan kajian dikupas berdasarkan empat penemuan berikut.

#### 1. Latar belakang Tokoh



Gambar A: Tuan Guru Haji Salleh bin Musa (1927-2016M)  
Sumber “Biodata Penaung” (2012)

Tuan Guru Haji Salleh bin Musa atau nama lengkapnya ialah al-Shaykh Salleh bin Musa bin Salleh bin ‘Abd Manaf al-Qadahi al-Malizi (1927-2016M). Sheikh Husni Ginting memasyhurkan beliau dengan gelaran *al-‘Alim al-Musnid al-Mutakalim al-Murshid al-Da‘i al-Sufi al-Ustadh al-Murabbi* (M. Husni t.th). Ia selaras dengan kewibawaan tokoh dalam bidang ilmu agama serta penglibatan beliau selaku pendakwah yang disegani di Nusantara terutama di Kedah, Kelantan, Malaysia dan Pattani, Thailand (“Tokoh Maulidurrasul”, 2009).

Tuan Guru Haji Salleh bin Musa merupakan tokoh ulama pondok kelahiran Kedah. Beliau dilahirkan pada tahun 1927M. Beliau menuntut ilmu di negeri kelahirannya sepanjang 18 tahun sebelum berangkat ke Mekah dan Madinah pada tahun 1945M bagi menyambung pengajian di sana. Setelah selesai menuaikan haji dan umrah pada tahun tersebut, beliau menetap di Mekah bertujuan untuk mendalami ilmu agama daripada ulama Mekah pada masa tersebut. Antaranya beliau tekun menghadiri majlis pengajian ilmu tauhid dibawah bimbingan ulama Mekah terkemuka iaitu Sheikh Isma’il al-Fatani. Tuan Guru Haji Salleh bin Musa turut membaca kitab fiqh dan tasawuf dengan ulama Mekah tersohor iaitu Shaykh ‘Abdul Qadir bin Talib al-Mandili. Tuan Guru Haji Salleh bin Musa turut mengikuti pengajian peringkat *al-thanawiyah* di Madrasah Dar al-‘Ulum al-Diniyyah, Mekah (M. Husni, t.th).

Setelah 15 tahun tekun mendalami ilmu agama di Mekah, Tuan Guru Haji Salleh bin Musa pulang ke tanah air pada tahun 1960M iaitu ketika usia beliau sekitar 33 tahun. Seterusnya beliau mengasaskan penubuhan Madrasah Ar Rahmaniah yang juga dikenali dengan nama Pondok Tuan

Guru Haji Salleh di kampung kelahirannya; Sik, Kedah sebagai platform untuk berterusan menyebarkan serta menyampaikan ilmu yang dikuasainya (M. Husni, t,th.). Semenjak daripada itu, beliau konsisten menabur bakti di madrasah atau pondok tersebut sepanjang lebih kurang 56 tahun, sebelum beliau meninggal dunia pada tahun 2016. Penubuhan madrasah ini juga merupakan kelangsungan daripada usaha terdahulu bapa beliau Haji Musa yang juga merupakan seorang ulama rujukan dan sumber pengajian agama masyarakat sekitar (Nurul Nadiah. & Kharzi Othman, 2021).

## 2. Guru Sanad Mekah

Sheikh Husni Ginting al-Langkati menyenaraikan 12 orang guru Tuan Guru Haji Salleh bin Musa. Kebanyakan guru tersebut merupakan guru sanad Mekah kepada Tuan Guru Haji Salleh bin Musa. Dalam erti kata lain, beliau memiliki ikatan sanad ilmu pengajian Islam terutama ilmu hadis yang berkesinambungan salasilahnya antara beliau dengan guru-guru tersebut sehingga sampai kepada pengarang kitab-kitab *turath* hadis atau lain-lain kitab *turath* ilmu pengajian Islam. Jadual 2 berikut memperincikan lapan contoh nama-nama guru tersebut.

Jadual 2 Guru Sanad Mekah

BIL.	NAMA GURU SANAD MEKAH	BIDANG ILMU
1	Isma'il al-Fatani	Tauhid
2	'Abd al-Qadir bin Talib al-Mandili	Fiqah & Tasawuf
3	Al-Sayyid 'Alawi bin 'Abbas al-Maliki	Hadis
4	Al-'Allamah al-Qadi al-Shaykh Hasan bin Muhammad al-Mashat al-Makki al-Maliki	-tidak dinyatakan-
5	Al-'Allamah al-Shaykh Muhammad Amin al-Kutbi	-tidak dinyatakan-
6	Al-'Allamah al-Muhaddith Muhammad Yasin bin Muhammad 'Isa al-Fadani	-tidak dinyatakan-
7	Al-'Allamah al-Shaykh Zakariyya bin 'Abdul Allah Bila al-Indunisiyy al-Makki	-tidak dinyatakan-
8	Al-Shaykh Mustafa al-Shanqiti	-tidak dinyatakan-

Sumber M. Husni (t.th.)

Kebanyakan guru tersebut merupakan tenaga pengajar di Masjid al-Haram, Mekah dan juga guru beliau di Madrasah Dar al-'Ulum al-Diniyyah, Mekah.

## 3. Murid Sanad Nusantara



Gambar B: Sheikh Muhammad Husni Gingting al-Langkati (1980-2020M)

Sheikh Husni Ginting al-Langkati merupakan antara murid Nusantara terbilang yang memiliki ikatan kesinambungan salasilah sanad ilmu pengajian Islam dengan Tuan Guru Haji Salleh bin Musa. Beliau menyenaraikan Tuan Guru Haji Salleh bin Musa sebagai salah seorang guru *ijazah* khas dan *ijazah* umum kepada beliau dalam karya *thabat* susunannya yang berjudul *Ghayat al-Rusukh fi Mu'jam al-Shuyukh*. Biodata dan sampel salasilah yang berkesinambungan antara beliau dengan Tuan Guru Haji Salleh bin Musa dimuatkan serta tersenarai dalam karya tersebut pada bilangan guru yang ke 58 (M. Husni, t.th.).

Sheikh Husni Ginting al-Langkati turut mencatatkan secara terperinci peristiwa bersejarah permintaan dan pemberian *ijazah* sanad ilmu pengajian Islam antara beliau dengan Tuan Guru Haji Salleh bin Musa. Peristiwa ini berlaku pada tarikh 16 Disember 2011 bertepatan dengan hari Jumaat serta bertempat di Madrasah Ar Rahmaniah, Sik, Kedah. Ketika pertemuan tersebut, Sheikh Husni Ginting al-Langkati menyatakan bahawa beliau membaca hadis *musalsal al-anwaliyyah* terlebih dahulu di hadapan Tuan Guru Haji Salleh bin Musa. Setelah itu beliau dikurniakan keizinan iaitu *ijazah* khas dan *ijazah* umum secara lisan dan tulisan untuk meriwayatkan keseluruhan sanad ilmu pengajian Islam yang dimiliki oleh Tuan Guru Haji Salleh bin Musa (M. Husni, t.th.).

#### 4. Sampel Rantaian

Sheikh Husni Ginting al-Langkati mengabadikan sampel rantaian atau salasilah sanad antara beliau dengan guru *ijazah* sanad ilmu pengajian Islam beliau iaitu Tuan Guru Haji Salleh bin Musa dalam *Ghayat al-Rusukh fi Mu'jam al-Shuyukh* sebagaimana jadual 3 berikut. Rantaian ini merupakan salasilah sanad berteraskan kitab *Sunan al-Tirmidhi* yang bersambungan berlandaskan metode *ijazah* antara Sheikh Husni Ginting dengan Tuan Guru Haji Salleh bin Musa (M. Husni, t.th.). Jadual 3 juga memaparkan kewujudan salasilah peringkat 1 hingga peringkat 18 dalam sebuah karya *thabat* ulama Mekah yang lain berjudul *al-Asanid al-Makkiyyah li Kutub al-Hadith wa al-Siyar wa al-Shama'il al-Muhammadiyyah* susunan al-Fadani (2008a). Perbandingan sumber dokumentasi ini penting untuk mengukuhkan kesahihan rantaian ini.

Jadual 3 Salasilah Sanad Kitab *Sunan al-Tirmidhi*

BIL	NAMA GURU DALAM SALASILAH SANAD KITAB SUNAN AL-TIRMIDHI	SUMBER DOKUMENTASI SALASILAH
1	Al-Hafiz al-Hujjah Abu Isa Muhammad bin Isa bin Surat bin Musa al-Dahhak al-Salami al-Bughi al-Tirmidhi	
2	Shaykh al-Thiqah Abu al-'Abbas Muhammad bin Ahmad bin Mahbub bin Fadil al-Tajir al-Mahbubi al-Marwazi	Peringkat bilangan guru 1 sehingga guru bilangan 18: <i>Al-Asanid al-Makkiyyah li Kutub al-Hadith wa al-Siyar wa al-Shama'il al-Muhammadiyyah</i>
3	Abu Muhammad 'Abd al-Jabbar bin Muhammad bin 'Abd Allah al-Jarrahi al-Marwazi	
4	Al-Qadi Abu 'Amir Mahmud bin al-Qasim bin Muhammad al-Azdi	
5	Abi al-Waqt 'Abd al-Awwal bin Isa al-Sajazi	
6	Abu Munajja 'Abd Allah bin 'Umar bin al-Lati	Karya al-Fadani (2008a) Peringkat bilangan guru 1 sehingga guru bilangan 23:

7	Al-Musnid Abi 'Abbas Ahmad bin Abi Talib al-Sallehi al-Hajar	<p><i>Ghayab al-Rusukh fi Mu'jam al-Shuyukh</i></p> <p>Karya M. Husni (t.th.)</p>
8	Zayn al-Din Abi Bakr bin al-Hussayn al-Maraghi al-Madani	
9	Datuknya al-Imam Muhib al-Din Muhammad bin Muhammad al-Tabari	
10	Datuknya Yahya bin Mukarram al-Tabari al-Makki	
11	Bapanya al-Sayyid 'Abd al-Qadir bin Muhammad bin Yahya bin Mukarram al-Tabari al-Makki	
12	Al-Sayyid Zayn al-'Abidin bin 'Abd al-Qadir bin Muhammad al-Tabari al-Makki	
13	Abu al-Asrar Hasan bin 'Ali al-'Ujaymi	
14	Datuknya al-Mufti al-Qadi al-Taj bin 'Abd al-Muhsin al-Qal'i	
15	Shaykh Abd al-Malik bin 'Abd al-Mun'im al-Qal'i	
16	Bapa Saudaranya Yahya bin Abbas bin Muhammad Siddiq al-Hanafi al-Makki	
17	Al-Mufti 'Abbas bin Jafar bin Abbas bin Muhammad Siddiq al-Hanafi	
18	Shaykh Muhammad 'Abd al-Baqi bin Mulla Ali al-Ayyubi al-Ansari al-Laknawi	
19	<b>Al-Sayyid 'Alawi bin 'Abbas al-Maliki</b>	
20	<b>Shaykh Salleh bin Musa bin Salleh bin 'Abd Manaf al-Shafi'i</b>	
21	<b>Shaykh Husni Ginting al-Langkati</b>	

Sumber M. Husni (t.th) al-Fadani (2008a)

Rantaian atau salasilah di atas terdiri daripada 21 nama-nama guru sehingga sampai kepada pengarang kitab *Sunan al-Tirmidhi*. Sheikh Husni ginting berkelayakan meriwayat dan menyebarkan salasilah tersebut atas kapasiti beliau sebagai murid *ijazah* kepada Tuan Guru Haji Salleh bin Musa. Beliau turut menggunakan lafaz '*anba'ani*' sebagai lafaz *al-ada'* dalam periyawatan salasilah tersebut untuk menunjukkan kaedah persambungan adalah menerusi metode *al-ijazah* semata-mata iaitu tanpa kombinasi metode *al-sama'* dan *al-qira'ah* (M. Husni, t.th.).

Sementara itu, *al-ijazah* sedia diketahui sebagai mekanisme standard yang diperakui oleh ulama Islam terutamanya ulama hadis untuk menyambung ikatan sanad antara murid-guru dalam aspek periyawatan sanad-sanad kitab *turath* terutama kitab *turath* hadis tanpa perlu membaca (*al-qira'ah*) atau mendengar (*al-sama'*) keseluruhan kandungan kitab dihadapan guru. *Al-Ijazah* merupakan metode yang memudahkan guru-murid merealisasikan pertautan ikatan sanad bertujuan untuk meraih keberkatan guru serta mengekalkan kesinambungan salasilah antara generasi demi generasi sehingga sampai kepada Rasulullah SAW dalam konteks kitab *turath* hadis (al-Fadani, 2008b Abu Fattah A.G., 1992 al-Ghamidi, 2008).

### Perbincangan

Hasil kajian mengetengahkan tiga aspek perbincangan penting berkaitan dapatan kajian ini.

#### 1. Peri Penting Keprihatinan Dokumentasi Salasilah Guru

Keprihatinan Sheikh Husni Ginting dalam mendokumentasi salasilah sanad ilmu-ilmu pengajian Islam yang dimiliki oleh para guru sanad beliau termasuk Tuan Guru Haji Salleh bin Musa adalah tindakan yang signifikan. Ia berasaskan justifikasi dokumentasi merupakan proses penting yang bertujuan untuk menghimpun, mengumpul, menyusun isi kandungan, mencetak dan menerbit serta merekodkan bahan-bahan penting bersangkutan agar terpelihara dengan baik demi kelangsungan tatapan dan rujukan generasi arus perdana mahu pun generasi masa hadapan.



Gambar B: Muka Hadapan *Ghayat al-Rusukh fi Mu'jam al-Shuyukh*

Justeru penghasilan karya *thabat* Sheikh Husni Ginting berjudul *Ghayat al-Rusukh fi Mu'jam al-Shuyukh* berhasil mencapai tujuan tersebut. Karya *thabat* ini secara spesifiknya telah mendokumentasikan 165 sampel salasilah sanad kitab *turath* hadis termasuk 10 sampel melibatkan periyawatan 10 guru pengarang yang merupakan tokoh *musnid* Malaysia. Manakala 4 sampel daripada 10 sampel tersebut adalah periyawatan tokoh *musnid* daripada Negeri Kedah darul Aman. Salah satunya adalah sampel kitab *turath* hadis iaitu *Sunan al-Tirmidhi* yang diriwayat oleh guru beliau; Tuan Guru Haji Salleh bin Musa yang merupakan ulama terbilang Negeri kedah. Meski pun pengarang dan gurunya tersebut telah meninggal dunia, namun ilmu sanad warisan mereka berdua masih kekal dapat dirujuki sehingga kini berteraskan dokumentasi dalam karya *thabat* tersebut. Malah dapat menjadi sampel kes kajian dalam makalah ini.

Selain Sheikh Husni Ginting, terdapat ramai lagi murid sanad Nusantara yang berkhidmat menyumbang serta prihatin dalam menyelenggara, menghimpun, mendokumentasi serta menerbitkan secara sistematik karya *thabat* atau karya sanad bertujuan untuk menyimpan serta meriwayat salasilah sanad pengajian ilmu Islam guru masing-masing. Jadual 4 berikut memperincikan empat contoh lain karya *thabat* yang disusun oleh murid sanad terhadap guru sanad masing-masing sepetimana yang tertera pada nama judul karya-karya tersebut.

Jadual 4 Contoh Karya *Thabat* Nusantara Susunan Murid kepada Guru

BIL	KARYA THABAT YANG DISUSUN UNTUK DOKUMENTASI SALASILAH GURU	MURID PENYUSUN/PENGARANG
1	<i>Subul al-Sa'adah bi Asanid al-Shaykh al-Mubaqqiq 'Abd Allah bin 'Abd al-Rahman al-Kelantani</i>	Ustaz Mohd Zaidi Abdullah
2	<i>Qurrat al-'Ain bi Asanid Maulana Hussayn</i>	Sheikh Ibrahim Masran al-Banjari
3	<i>al-Jawahir al-Ghawali min Asanid al-Imam al-Azhari</i>	Sheikh Fuad bin Kamaluddin al-Rembauwi
4	<i>Al-Maslak al-Jaliyy fi Asanid Muhammad 'Ali bin Hussayn bin Ibrahim al-Maliki al-Makki</i>	Sheikh Muhammad Yasin al-Fadani


Sumber al-Fadani (2008b) Fuad (t.th.) Ibrahim (2016) M. Zaidi (2002)

Sehubungan dengan itu, keprihatinan sebegini wajar dikekalkan dan dilanjutkan perlaksanaanya dalam kalangan murid-murid utama yang mempunyai akses serta hubungan yang

rapat dengan para ulama khasnya ulama pondok yang masih hidup di benua Nusantara. Kajian berharap makalah ini mencetuskan momentum untuk membangkitkan motivasi dalam kalangan komuniti sasaran semasa supaya mengambil berat urusan dokumentasi salasilah sanad guru masing-masing dalam bentuk penghasilan karya *thabat*. Dokumentasi juga perlu diperluaskan merangkumi salasilah ilmu-ilmu pengajian Islam yang lain seperti sanad *talaqqi* al-Quran, tasawuf, fiqah, tafsir dan lain-lain.

## 2. Ketokohan al-Sayyid ‘Alawi bin ‘Abbas al-Maliki (1328H-1391H): Guru Riwayat Kitab *Sunan al-Tirmidhi* Tuan Guru Haji Salleh bin Musa

Sheikh Husni al-Ginting memilih untuk menonjolkan al-Sayyid ‘Alawi bin ‘Abbas al-Maliki (guru bilangan 19 dalam jadual 3 sebelum ini) sebagai sumber persambungan sanad untuk kitab *Sunan al-Tirmidhi* antara beliau dengan gurunya Tuan Guru Haji Salleh bin Musa. Al-Sayyid ‘Alawi bin ‘Abbas al-Maliki merupakan ulama tersohor Mekah yang menjadi salah seorang guru kepada Tuan Guru Haji Salleh bin Musa sepanjang 15 tahun beliau menuntut ilmu di Masjid al-Haram. Guru tersebut terkenal sebagai antara *musnid* terbilang Mekah pada kurun ke 14H (al-Mar’ashli, 2002).



Gambar C: Al-Sayyid ‘Alawi bin ‘Abbas al-Maliki (1328H-1391H)  
Sumber “ Sayyid ‘Alawi” (2009)

Nama lengkap beliau ialah al-Sayyid ‘Alawi bin ‘Abbas bin ‘Abd al-‘Aziz bin ‘Abbas bin Muhammad al-Idrisi al-Hasani al-Maliki al-Makki (al-Mar’shli, 2002). Beliau digelar sebagai *al-‘allamah al-muhaddith al-khatib* yang bermaksud tokoh ulama, ahli hadis serta khatib Masjid al-Haram. Beliau dilahirkan di Mekah pada tahun 1328H dan wafat pada tahun 1391H sekitar usianya dalam lingkungan 63 tahun (Rida al-Sanusi,t.th.). Susur galur keturunan beliau adalah sampai kepada cucu Rasulullah SAW iaitu Sayyidina Hassan bin Ali (M. Rozaidi & Nor Azmawati, 2022). Beliau dikebumikan di perkuburan Ma’lah, Mekah. Beliau memiliki 4 orang anak perempuan serta dua orang anak lelaki iaitu Muhammad ‘Alawi dan ‘Abbas Alawi (“Sayyid ‘Alawi”, 2009).

Imbasan sejarah menunjukkan bahawa moyang Al-Sayyid ‘Alawi bin ‘Abbas al-Maliki berasal dari kota Fas, Magribi yang berhijrah menetap di Mekah serta kemudiannya banyak melahirkan zuriat atau keturunan yang bersilih ganti menjadi tokoh ulama Mekah dan khatib Masjid al-Haram termasuk Al-Sayyid ‘Alawi bin ‘Abbas al-Maliki, bapanya Sayyid ‘Abbas dan lain-lain (al-Mar’ashli, 2002).

Al-Sayyid ‘Alawi bin ‘Abbas al-Maliki merupakan penghafal al-Quran semenjak usia 10 tahun. Beliau mendapat pendidikan formal di Madrasah al-Fallah, Mekah serta mengikuti majlis

pengajian para ulama di Masjid al-Haram (Reda al-Sanusi, t.th). Beliau berhasil menamatkan pengajian dan menguasai ilmu-ilmu Islam bersumberkan kombinasi sistem pengajian daripada kedua-dua tempat tersebut. Pada kemuncaknya ketokohan beliau diiktiraf serta dikurniakan kelayakan untuk kembali menyumbang dengan berkhidmat sebagai tenaga pengajar berwibawa di kedua-dua tempat tersebut.

Secara spesifik, Al-Sayyid ‘Alawi bin ‘Abbas al-Maliki merupakan tenaga pengajar ilmu hadis, fiqah dan tafsir di Masjid al-Haram (Rida al-sanusi, t.th.). Lokasi halaqah pengajian beliau adalah di sekitar halaman masjid dan serambi yang berada di pintu Bab al-Salam. Kebiasaananya pada bulan Ramadhan, majlis pengajian beliau di Masjid al-Haram berlangsung pada setiap hari bermula selepas solat Asar sehingga hampir memasuki waktu Magrib. Jadual pengajian Ramadhan tersebut kekal sebegini pada setiap tahun sehingga beliau meninggal dunia (“Sayyid ‘Alawi”, 2009).



Gambar D: Pintu Masuk Bab al-Salam Masjid al-Haram Mekah  
Sumber “Pintu bab al-Salam” (2022)

Selain itu, pada masa yang sama beliau turut bertugas sebagai tenaga pengajar utama di Madrasah al-Fallah selama lebih kurang 43 tahun bermula tahun 1347H sehingga tahun 1390 iaitu setahun sebelum beliau meninggal dunia. Al-Sayyid ‘Alawi bin ‘Abbas al-Maliki turut mengadakan majlis pengajian ilmu di kediaman beliau yang terletak di kawasan bernama Naqa dan Utaibah (“Sayyid ‘Alawi”, 2009).

Ketokohan Al-Sayyid ‘Alawi bin ‘Abbas al-Maliki dalam bidang pengajian Islam juga dapat dicerakinkan berdasarkan penghasilan karya-karya penulisan beliau yang berjumlah sekitar 17 buah penulisan (Sayyid Alawi, 2009 & al-Mar‘ashli, 2002). Dua daripadanya merupakan karya jenis *thabat* yang mendokumentasikan keseluruhan salasilah sanad ilmu pengajian Islam beliau. Karya *thabat* pertama berjudul *Ithaf Dhawi al-Himam al-‘Aliyyah bi Raf’ Asanid Waladi al-Saniyyah* dan karya *thabat* kedua berjudul *Al-Uqud al-Lu’lu’iyah bi al-Asanid al-‘Alariyyah*. Kedua-dua karya *thabat* ini disusun dan diselenggarakan oleh anak beliau yang dikenali dengan nama Muhammad (t.th) atau juga disebut Muhammad Hasan (t.th). Keberadaan dua buah karya ini menunjukkan keprihatinan ulama mekah dalam menjaga salasilah sanad ilmu-ilmu wahyu Rasulullah SAW terutama hadis agar tidak lenyap serta terputus kesinambungan dengan baginda SAW. Ia sejarah dengan kedudukan Mekah sebagai tanah air kelahiran baginda SAW, bumi penurunan wahyu al-Quran serta tempat asal usul penyebaran dan periwayatan ilmu hadis berkekalan sehingga hari ini.

Karya *Ithaf Dhawi al-Himam al-‘Aliyyah bi Raf’ Asanid Waladi al-Saniyyah* menyenaraikan lebih daripada 33 orang guru utama *sama*, *qiraah* dan juga *ijazah* kepada Al-Sayyid ‘Alawi bin ‘Abbas al-Maliki. Guru sanad pertama yang diperkenalkan ialah bapa beliau sendiri, Sayyid ‘Abbas al-Maliki. Seterusnya guru utama beliau antara lain ialah ‘Umar Hamdan, Muhammad bin Habibullah al-

Shanqiti, Muhammad ‘Abd al-Hayy al-Kattani dan Muhammad ‘Abd al-Baqi al-Ansari (guru bilangan ke 18 dalam salasilah sanad kitab *Sunan al-Tirmidhi* dalam jadual 3 sebelum ini) (Muhammad Hasan, t.th).

Fasal dua karya *Ithaf Dhawi al-Himam al-‘Aliyyah bi Raf’ Asanid Waladi al-Saniyyah* turut menyenaraikan lebih daripada 55 buah karya *thabat* yang menjadi rujukan kesinambungan salasilah antara Al-Sayyid ‘Alawi bin ‘Abbas al-Maliki dengan para guru sanad beliau. Antaranya *Thabat al-Amir, Fibrist wa al-Fabaris wa al-Atibbat dan al-Is’ad bi al-Isnad* (karya *thabat* guru bilangan ke 18 dalam salasilah kitab *Sunan al-Tirmidhi* dalam jadual 3 sebelum ini) (Muhammad Hasan, t.th).

Rentetan daripada itu, Al-Sayyid ‘Alawi bin ‘Abbas al-Maliki dapat diiktiraf sebagai salah seorang *musnid* terbilang Mekah. Beliau antara penggiat utama dalam memakmurkan serta melestarikan kelangsungan pengajian ilmu-ilmu Islam terutama di Masjid al-Haram secara *riwayah* dan *diriyah*. Komitmen dan kesungguhan belajar dan mengajar sepanjang hayat mendatang hasil yang cemerlang apatah lagi apabila murid Nusantara beliau seperti Tuan Guru Haji Salleh Musa dapat kembali meneruskan perjuangan menyampaikan ilmu serta menyebarkan sanad di belahan Nusantara. Ilmu-ilmu tersebut bukan sahaja tulen, asli bahkan berkesinambungan rantaiannya dengan Rasulullah SAW menerusi perantara pewaris ilmu baginda yang terdiri daripada ulama Mekah.

Sementara itu, dalam konteks Al-Sayyid ‘Alawi bin ‘Abbas al-Maliki, beliau mewarisi dua nasab terhadap baginda SAW iaitu nasab keturunan dan nasab keilmuan. Justeru, sampel salasilah sanad kitab *Sunan al-Tirmidhi* yang menjadi tumpuan perbincangan dalam makalah ini adalah sangat istimewa dan amat berharga khususnya untuk jaringan salasilah sanad ulama pondok Nusantara umumnya serta Kedah khususnya dengan tanah haram Mekah abad ke 14-15H.

### 3. Kesedaran Periwayatan Salasilah antara Ahli keluarga

Jadual 3 menunjukkan terdapat 5 peringkat periwayatan salasilah yang mempunyai hubungan kekeluargaan di antara satu dengan yang lain.

Peringkat pertama; Al-Mufti ‘Abbas bin Jafar bin Abbas bin Muhammad Siddiq al-Hanafi (guru bilangan ke 17 dalam jadual 3) meriwayatkan salasilah ini daripada bapa saudaranya Yahya bin Abbas bin Muhammad Siddiq al-Hanafi al-Makki (guru bilangan 16 dalam jadual 3).

Peringkat kedua; Shaykh Abd al-Malik bin ‘Abd al-Mun’im al-Qal’I (guru bilangan 15 dalam jadual 3) meriwayatkan salasilah ini daripada datuknya datuknya al-Mufti al-Qadi al-Taj bin ‘Abd al-Muhsin al-Qal’I (guru bilangan 14 dalam jadual 3).

Peringkat ketiga; Al-Sayyid Zayn al-‘Abidin bin ‘Abd al-Qadir bin Muhammad al-Tabari al-Makki (guru bilangan 12 dalam jadual 3) meriwayatkan salasilah ini daripada bapanya al-Sayyid ‘Abd al-Qadir bin Muhammad bin Yahya bin Mukarram al-Tabari al-Makki (guru bilangan 11 dalam jadual 3).

Peringkat keempat; al-Sayyid ‘Abd al-Qadir bin Muhammad bin Yahya bin Mukarram al-Tabari al-Makki (guru bilangan 11 dalam jadual 3) meriwayatkan salasilah ini daripada datuknya Yahya bin Mukarram al-Tabari al-Makki (guru bilangan 10 dalam jadual 3).

Peringkat kelima; Yahya bin Mukarram al-Tabari al-Makki (guru bilangan 10 dalam jadual 3) meriwayatkan salasilah ini daripada datuknya al-Imam Muhib al-Din Muhammad bin Muhammad al-Tabari (guru bilangan 9 dalam jadual 3).

Hubungan kekeluargaan dalam lingkungan 5 peringkat periyawatan salasilah ini merupakan hal yang positif terutama sebagai salah satu usaha untuk mengekalkan kelangsungan kesinambungan sesuatu rantaian. Anak, bapa dan datuk dalam sesebuah keluarga ilmuwan wajar menitik beratkan pewarisan ilmu dalam kalangan kerabat terdekat. Ia sebenarnya merupakan sejenis gambaran periyawatan yang sering berlaku dalam kalangan perawi hadis terutama pada zaman riwayat terdahulu yang kemudiannya direkodkan dalam perbahasan khas berjudul periyawatan anak daripada bapa atau bapa daripada datuk dalam ilmu *mustalah al-hadith* (Ibn al-Salah, 1986). Kemudian periyawatan antara ahli keluarga ini berterusan berlaku atas pengaruh keluarga sebagai sumber awal dalam kegiatan menimba ilmu dalam kalangan ulama (al-Mar'ashli, 2002 & Akram al-Nadwi, 2021). Malah imbasan sejarah juga menunjukkan hampir setiap anak, bapa dan datuk mempunyai karya thabat masing-masing (Ghassan Isa, 2014).

Dengan itu, ahli keluarga ulama sama ada anak, bapa, bapa saudara, datuk juga termasuk suam/isteri, abang/adik wajar meneladani langkah mewarisi periyawatan salasilah sanad ilmu-ilmu pengajian Islam daripada para ulama dalam lingkungan ahli keluarga mereka. Pengetahuan tentang ijazah sebagai metode periyawatan harus mencukupi agar tahap kesedaran untuk memohon pengijazahan dalam kalangan ahli keluarga meningkat serta menjadi penyambung warisan salasilah sanad keluarga terutama selepas kematian ulama tersebut. Hal ini amat perlu direalisasikan terutamanya terhadap ulama pondok yang sudah tua dan berkemungkinan meninggal dunia pada bila-bila masa sahaja.

## Kesimpulan

Penglibatan ulama pondok Negeri Kedah, Tuan Guru Haji Salleh bin Musa selaku ilmuwan *musnid* di Nusantara abad 15H berkesempatan direkodkan serta dirakamkan dalam karya *thabat* unggul Nusantara mutakhir iaitu *Ghayat al-Rusukh fi Mu'jam al-Shuyukh*. Keunggulan karya thabat ini terserah berdasarkan justifikasi penemuan salasilah langka dalam kandungannya termasuk salasilah sanad kitab Sunan tirmidhi yang diriyatkan oleh Tuan Guru Haji Salleh bin Musa. Justeru tidak keterlaluan untuk kajian mengiktiraf pengarang karya thabat ini dan gurunya tersebut sebagai antara contoh mereka yang mengungguli peranan dalam melestarikan kesinambungan rantaian sanad hadis-hadis Rasulullah SAW berteraskan kitab *Sunan al-Tirmidhi* demi menghidupkan ilmu riwayat dan sanad hadis pada zaman hayat mereka. Ia selaras dengan kedudukan hadis sebagai sumber kedua syariat Islam di samping al-Quran.

Bahkan nasab ilmu hadis yang diketengahkan dalam konteks salasilah tokoh kajian adalah dikenal pasti berkesinambungan antara generasi demi generasi sehingga sampai kepada baginda SAW menerusi perantaran guru sanad tokoh yang merupakan zuriat baginda SAW sendiri yang bertugaskan mengajar serta menyampaikan hadis di Masjid al-Haram di tanah kelahiran baginda; Mekah iaitu Al-Sayyid 'Alawi bin 'Abbas al-Maliki. Gabungan antara nasab ilmu dan nasab keturunan yang terdapat pada Al-Sayyid 'Alawi bin 'Abbas al-Maliki menjadikan salasilah ini antara mata rantai yang tidak ternilai yang tersebar periyawatannya di Nusantara. *Wallaahu alam*

## Rujukan

- Abu Ghuddah, A. F. (1992). *Al-Isnad min al-Din*. Beirut: Dar al-Qalam.
- Akram al-Nadwi, M. (2021). *Al-Wafa' bi Asma' al-Nisa' Maus'u'ah Tarajim 'Alami al-Nisa'* fi *al-Hadith al-Nabawi al-Sharif*. Jeddah: Dar al-Minhaj & Beirut: Dar Turuq al-Najah.
- "Biodata Penaung Persatuan Pelajar Pondok Tauhid Kedah - Tuan Guru Haji Salleh bin Musa" (2012). Muat turun dari <https://persatuanpondok.blogspot.com/2012/12/biodata-penaung-persatuan-pelajar.html> (7)
- Al-Fadani, M.Y.I. 2008a. *Al-Asanid al-Makkiyyah li Kutub al-Hadith wa al-Siyar wa al-Shama'il al-Muhammadiyyah*. Beirut: Dar al-Basha'ir al-Islamiyyah
- Al-Fadani, M.Y.I. 2008b. *Al-Maslak al-Jaliyy fi Asanid Muhammad 'Ali bin Hussayn bin Ibrahim al-Maliki al-Makki*. Beirut: Dar al-Basha'ir al-Islamiyyah

- Farhah Zaidar M. R. (2023). Salasilah Sanad Kitab *Turath Hadis* dalam *al-Athbat wa al-Masanid* (AWM) Nusantara: Analisis *Ghayah al-Rusukh fi Mu'jam al-Shuyukh* Karya *al-Musnid* Syeikh Muhammad Husni Ginting al-Langkati (1980-2020M). HADIS Journal in Hadith Studies. Vol. 13. No. 25 (2023), hlm 28-45.
- Al-Ghamidi, D. S. H. (2008). *Al-Wijazah fi al-Athbat wa a-Ijazah*. Beirut: Dar Qurtubah
- Ghassan Isa, M. H. 2014. Kutub al-Athbat wa Dawruha fi Hifz Turath Ahl al-Hadith. *Majalla Jami'a al-Qudsi al-Mafduha li al-Abhath wa al-Dirasat- Jilid 2* (39): 189-229.
- Ibn al-Salah, Abu 'Amr 'Uthman bin 'Abd al-Rahman al-Shaharzuri. 1986. 'Ulum al-hadith. Tahqiq: Nur al-Din 'Itr. Damshiq: Dar al-Fikr.
- Ibrahim, M. B. 2016. *Qurrab al-'Ayn bi Asanid Maulana Hussayn*. t.tp: Majlis al-Banjari li al-Tafaqquh fi al-Din.
- M. Fuad, Kamaluddin al-Rembauwi. (t.th.). *al-Jawahir al-Ghawali min Asanid al-Imam al-Azhari*. Kaherah: Dar Jawami' al-Kalim.
- M. Husni, Ginting al-Langkati al-Azhari. t.th. *Ghayah al-Rusukh fi Mu'jam al-Shuyukh*. T.tp: Dar al-Turki li al-Tiba'ah
- M. Rozaidi & Nor Azmawati Abd Aziz. Sayyid Muhammad bin Alawi: Pemikiran Terhadap Intergriti Beragama. *The International Journal of Islamic Studies and Culture (IJISC)*Volume 1, Special Issue, December 2022: 100-118.
- M. Zaidi, Abdullah. 2002. *Subul al-Sa'adah bi Asanid al-Shaykh al-Mubaqqiq 'Abdullah bin al-Marhum al-Shaykh 'Abd al-Rahman al-Kalantani*. Kuala Lumpur: Syatariyah Niagajaya Sdn. Bhd
- Mar'ashli, Y. 'A. (2002). *Mu'jam al-ma'ajim wa al-mashyakhat wa al-fabaris wa al-baramij wa al-athbat*. 4 Jil. Riyad: Maktabah al-Rushd.
- Muhammad Hassan, al-Alawi 'Abbas al-Maliki al-Hasani (t.th) *Ithaf Dhawi al-Himam al-'Aliyyah bi Raf' Asanid Waladi al-Saniyyah*. t.tp. t.pn. dari <https://arabicpdfs.com/>(8 Mei 2024)
- Muhammad, al-Alawi 'Abbas al-Maliki al-Hasani (t.th) *Al-'Uqud al-Lu'l'iyyah bi al-Asanid al-'Alawiyyah*. t.tp. t.pn. Muat turun dari <https://arabicpdfs.com/>(8 Mei 2024)
- Nurul Nadiah & Kharzi Othman. (2021). Ketokohan Tuan Guru Haji Salleh bin Musa dalam bidang Dakwah. Kertas kerja Seminar Tokoh Dakwah 1.0 (SEDAKWAH 2021).Fakulti Pengajian Islam, UKM. 12 Julai. Hal 1-14.
- Pintu bab al-Salam Masjidil haram Mekah" (2022). Muat turun dari <https://www.facebook.com/KembaraSahabatHaramain/posts/pintu-bab-as-salammasjidil-haram-mekahdikatakan-nabi-saw-banyak-melalui-pintu-in/>(8 Mei 2024)
- Reda al-Sanusi, Muhammad Safi al-Din. (t.th.). Dawr 'Ulama' Makkah fi Khidmat al-Sunnah wa al-Sirah al-Nabawiyyah al-Qarn al-Rabi' 'Asharah. Disertasi Master. Saudi Arabia: Wizarat al-Shu'un al-Islamiyyah wa al-Awqaf wa al-Da'wah wa al-Irshad. Muat turun dari <https://arabicpdfs.com/> (8 Mei 2024)
- " Sayyid 'Alawi 'Abbas al-Maliki 1328-1391H" .(2009). muat turun dari <https://makkawi.azurewebsites.net/Article/318/> (7 Mei 2024)
- "Tokoh Maulidurrasul 1430H/2009M Peringkat Negeri Kedah".(2009). Muat turun dari <https://al-fanshuri.blogspot.com/search?q=tuan+Guru+Haji+Salleh+Sik+Kedah> (7 mei 2024)

## BAB 9

### KEPERLUAN PENGGUNAAN APLIKASI ICT UNTUK MENGUASAI ISTILAH-ISTILAH ULUM HADIS

Suriani Sudi<sup>1</sup>, Farhah Zaidar Mohamed Ramli<sup>1</sup>, Siti Mursyidah Mohd. Zin<sup>1</sup>, Nur Saadah Khair<sup>2</sup>, Rosni Wazir<sup>1</sup>, Phayilah Yama, Nor Musliza Mustafa<sup>1</sup>, Muhamad Azam Najihan Jamaluddin<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Universiti Islam Selangor (UIS)

<sup>2</sup>Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

#### Pengenalan

Perkembangan teknologi pada masa kini, mengetengahkan kemudahan kepada semua lapisan masyarakat. Kini masyarakat sedang melalui satu abad yang dikenali sebagai abad-21 di mana abad ini bermula semenjak 2001 sehingga 2100. Didalam abad ini menawarkan sebuah anjakan di dalam dunia inovasi dan penggunaan teknologi (Mumtaz 2013). Era digital pada masa kini memudahkan pelajar-pelajar dalam usaha mencari dan mengakses maklumat hanya perlu melalui capaian internet (Halimah 2023). Kaedah ini lebih dikenali sebagai konsep teknologi langit terbuka kerana penggunaan alat ini tiada had atau masa yang ditetapkan (Yusliani 2012).

Dengan kewujudan pelbagai kemudahan teknologi, ia telah berjaya mengubah proses, pengajaran dan pembelajaran yang telah lama wujud. Konsep pengajaran dan pembelajaran di atas talian telah mula diperkenalkan dan ia merupakan sebuah konsep yang menarik di mana pelajar dan pengajar tidak memerlukan tempat yang spesifik untuk mewujudkan proses pembelajaran (Irvine & Richard 2023). Dengan kaedah ini ia telah memudahkan proses pembelajaran dan menjimatkan pelbagai aspek antaranya masa dan tenaga (Khadijah et. al., 2014).

Kemajuan pesat dalam teknologi telah menghasilkan banyak alat teknologi dan sumber internet yang berpotensi untuk berfungsi sebagai alat bantu pembelajaran, bukan sahaja dalam institusi pendidikan tetapi juga dalam persekitaran kerja profesional (Päivi Tynjälä & Gijbels, 2012). Penggunaan teknologi pada pengajaran dan pembelajaran juga memberi ruang kepada pelajar untuk mencari bahan yang sesuai bukan sahaja bahan yang telah disediakan oleh pensyarah. Kaedah ini dikenali sebagai *Open Educational Resources (OERS)* (Gupta, 2020). Maka perlunya penyesuaian dalam pengajaran dan pembelajaran menggunakan teknologi pada masa kini. Hal ini kerana dengan pemanfaatan alat teknologi dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran ia mampu mewujudkan persekitaran yang lebih proaktif (Gabare et al., 2014).

Seperti yang ditegaskan oleh Shahroom dan Hussin (2018), perkembangan pendidikan tidak dapat lari dari tempias dan kebergantungan kepada teknologi maklumat khususnya internet, komputer dan peranti mudah alih. Untuk kekal berdaya saing, industri pendidikan mesti menyesuaikan diri dengan revolusi digital. Tenaga pengajar dalam bidang ini harus menyesuaikan diri dengan arus pemodenan supaya mereka tidak bergantung terutamanya kepada strategi pensyarah atau berpusatkan pensyarah. Pengajaran pasif tanpa menggunakan kaedah, strategi, pendekatan dan teknik yang menarik akan mengakibatkan kepincangan dalam proses pengajaran dan pembelajaran seterusnya menyumbang kepada penurunan prestasi pelajar.

Perkembangan kemudahan teknologi maklumat ini tidak ketinggalan dalam dunia pengajian Islam. Pada masa kini para ilmuwan hadis telah memanfaatkan peluang yang wujud untuk mendigitalisasikan hadis. Peluang yang wujud telah menghasilkan pelbagai laman sesawang, perisian

komputer dan perisian telefon bimbit mengekalkan kerelevenan ilmu hadis (Khadher 2023). Pada era Teknologi Maklumat dan Komunikasi ini, kemahiran memanfaatkan dan menggunakan internet untuk tujuan mencari, memindah, menyimpan dan memadankan maklumat berdasarkan kepada penggunaan komputer elektronik dan perisian (software) telah menjadi satu keperluan. Perkara ini termasuk dalam perkara berkaitan dengan agama khususnya yang berkaitan dengan carian nas al-Quran dan hadis itu sendiri. Dalam erti kata, hadis dan ayat al-Quran bukan lagi dirujuk semata-mata kepada bahan bercetak, tetapi cariannya telah pun dirujuk melalui carian internet berdasarkan kepada aplikasi, perisian, laman sesawang, blog peribadi dan sebagainya (Khadher Ahmad 2019; Supriyadi et al., 2020).

Kajian hadis juga dilihat telah mengalami perkembangan yang sangat pesat. Pelbagai inovasi dan kaedah telah diperkenalkan berdasarkan digital, teknologi maklumat dan komunikasi (Supriyadi et al., 2020; Tajang, 2019). Perkembangan ini telah menghasilkan pelbagai laman web yang boleh diakses oleh semua lapisan masyarakat dengan hanya menaip di laman web atau carian telefon masing masing. Hal ini kerana telah wujudnya penyimpanan data di dalam laman web seperti *Maktabah Syamela* dan *Dorar.net*. Selain itu terdapat pelbagai aplikasi mudah alih yang telah dicipta bagi memudahkan pembelajaran hadis seperti aplikasi *Smart Hadith* (Nurul Izzatul Huda et.al., 2023). Kemajuan ini juga telah menghasilkan satu sumbangan yang besar kepada pendidikan Islam terutamanya pengajian hadis (Shumsudin Yabi 2017).

Selaras dengan Pelan Strategik Pendidikan Tinggi menuju pembelajaran abad 21 maka pembelajaran hadis perlulah lebih kreatif dan inovatif supaya pembelajaran itu kekal relevan. Maka pembelajaran hadis juga perlu bergerak seiring dengan kemajuan ini dan sentiasa kreatif untuk mendidik ilmu ini kepada masyarakat. Kajian mendapati bahawa pembelajaran hadis tidak seharusnya terhad kepada kerangka teori dan tradisional dengan hanya membaca bahan klasik, tetapi perlu diberi peluang untuk memanfaatkan peningkatan teknologi melalui pembangunan pelbagai bentuk medium. Penggunaan aplikasi ICT dalam pembelajaran daripada pendidikan peringkat rendah sehingga ke pendidikan peringkat tertinggi sangatlah ditekankan demi kelangsungan pendidikan berkualiti di negara ini (A.Irwan Santeri et. al, 2018).

Seiring dengan kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi juga, terdapat peningkatan permintaan untuk pendekatan pembelajaran dan pengajaran berdasarkan teknologi maklumat. Pengajaran tradisional menekankan penggunaan buku teks dan kaedah kuliah yang menyebabkan murid tidak gemar belajar di papan hitam semata-mata (Razali, 2015). Pensyarah mesti bersaing dengan inovasi teknologi yang berkembang pesat dan menyesuaikan diri dengan pendidikan abad ke-21 (Ujir et al., 2020). Menurut Mesbahul et.al (2017), teknologi inovatif telah berubah menjadi instrumen penting untuk pengajaran dan pembelajaran khususnya dalam pengajian hadis dan menjadikan pengajian hadis menjadi lebih mudah dan menyeronokkan. Sebuah kajian terhadap pelajar ijazah di Jabatan Al-Quran dan Sunnah di sebuah universiti awam di Malaysia mendapat 68 peratus peserta percaya bahawa penggunaan perisian dan laman web dapat meningkatkan pengajian hadis dan ilmunya.

Perkembangan teknologi ini telah mewujudkan persekitaran pembelajaran yang baharu dan lebih dikenali sebagai e-Pembelajaran dan m-Pembelajaran. Dengan adanya usaha ini, ia dapat memberikan rangkaian yang lebih luas kepada generasi digital untuk mendapatkan maklumat khususnya dalam bidang hadis. Pembangunan ini memudahkan penggunaan teknologi di dalam kelas dan mewujudkan pembelajaran yang lebih efektif kerana kaedah m-pembelajaran mampu menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran berlaku bila bila masa (Pehkonen & Turunen, 2003).

E-Pembelajaran ialah sebuah kaedah pembelajaran yang menggunakan pembelajaran atas talian. Nama lain bagi istilah ini boleh dikenali sebagai *electronic learning* dan juga *distance learning* (Lailatu Rohmah, 2011). Manakala m-pembelajaran merupakan satu kaedah lain yang mengikuti e-pembelajaran (Aliff Nawi, 2013). Kaedah ini lebih bercorakkan pembelajaran sendiri yang menggunakan peranti mudah alih seperti personal data assistants (PDA), *palm talk* dan smartphone (Wagner, 2008). Kaedah ini membantu memudahkan pengajaran dan pembelajaran dengan membolehkan pembelajaran dilakukan tanpa mengira tempat dan waktu.

M-Pembelajaran pula merupakan sebuah kaedah yang menarik kerana kaedah ini dapat memastikan tiada murid yang ketinggalan dalam pembelajaran (Ugartini & Mahamod 2021). Kaedah mudah alih ini membolehkan peluang pembelajaran kepada pelajar yang tidak mempunyai akses langsung kepada pembelajaran di tempat-tempat ini. Maka kegunaan kaedah ini amat perlu dititikberatkan pada masa kini.

Kajian mendapati penggunaan aplikasi dalam pengajian Ulum Hadis merupakan satu bentuk m-Pembelajaran dan ia satu tuntutan pada masa kini. Penyepaduan teknologi dan pendidikan boleh mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih menarik, interaktif dan meluas (Sarrab et al., 2015). Maka tujuan kajian ini adalah untuk melihat keperluan penggunaan aplikasi dalam pembelajaran subjek Ulum Hadis khususnya di Universiti Islam Selangor (UIS).

## **Dapatkan Dan Perbincangan Kajian**

Kajian ini merupakan kajian tinjauan yang dilakukan terhadap pelajar yang mengambil subjek Ulum Hadis di Universiti Islam Selangor (UIS). Seramai 266 orang responden telah menjawab soal selidik yang telah dihantar melalui google form yang disediakan. Soal selidik ini menggunakan skala likert lima mata dengan skornya yang terdiri dari Sangat Tidak Setuju (1), Tidak Setuju (2), Kurang Setuju (3), Setuju (4) dan Sangat Setuju (5). Data yang diperoleh daripada soal selidik dianalisis secara statistik menggunakan perisian SPSS (*Statistical Packages for Social Science*). Data yang diperoleh dari hasil soal selidik dianalisis secara deskriptif melalui skor peratus untuk menghuraikan secara menyeluruh data mengenai keperluan penggunaan aplikasi untuk subjek Ulum Hadis.

Berikut merupakan panduan interpretasi bacaan skor min. Skor min diukur berdasarkan Jadual 1 pengukuran skor min dan interpretasi oleh Pallant (2020). Interpretasi skor min tersebut digunakan untuk menentukan tahap persetujuan atau penilaian responden.

Jadual 1: Interpretasi Skor Min

<b>Skor Min</b>	<b>Interpretasi Skor Min</b>
1.00 hingga 1.66	Rendah
1.67 hingga 3.33	Sederhana
3.34 hingga 5.00	Tinggi

Sumber: Pallant (2020)

### *Pengalaman Pembelajaran Subjek Ulum Hadis*

Jadual 2 merupakan analisis keputusan soal selidik berkaitan pengalaman pembelajaran subjek Ulum Hadis.

Jadual 2: Pengalaman Pembelajaran Subjek Ulum Hadis

<b>Bil</b>	<b>Item</b>	<b>S</b>	<b>SS</b>	<b>Min</b>
1.	Saya memahami tajuk-tajuk dalam subjek Ulum Hadis	96 (36.1%)	135 (50.8%)	4.15

2.	Saya suka mempelajari subjek Ulum Hadis dengan menggunakan buku rujukan	96 (36.1%)	135 (50.8%)	4.34
3.	Saya suka mempelajari subjek Ulum Hadis dengan menggunakan pendekatan teknologi yang pelbagai	120 (45.1%)	112 (42.1%)	4.27
4.	Saya memahami subjek Ulum Hadis dengan menggunakan aplikasi mudah alih	115 (43.2%)	83 (31.2%)	3.99
5.	Tenaga pengajar pernah menggunakan alat bantu mengajar menggunakan aplikasi mudah alih dalam pengajaran subjek Ulum Hadis	97 (36.5%)	99 (37.2%)	3.95
6.	Saya menggunakan aplikasi mudah alih dalam pembelajaran subjek ulum Hadis	118 (44.4%)	71 (26.7%)	3.81
MIN KESELURUHAN				4.08

Dapatan min keseluruhan sebanyak 4.08 menunjukkan bacaan skor min yang tinggi untuk pengalaman pembelajaran subjek ulum Hadis. Sebanyak 86.9 peratus bersetuju dan sangat bersetuju untuk menyatakan bahawa meraka memahami tajuk-tajuk yang dipelajari di dalam subjek Ulum Hadis. Seterusnya sebanyak 86.9 peratus juga menyatakan bahawa mereka gemar menggunakan buku rujukan di dalam mempelajari subjek Ulum Hadis. Item ini juga menunjukkan bacaan min tertinggi iaitu 4.34.

Walaupun responden menyatakan mereka suka menggunakan buku rujukan ketika mempelajari Ulum Hadis, akan tetapi sebanyak 74.4 peratus responden menyatakan bahawa mereka juga suka mempelajari subjek ini menggunakan teknologi yang pelbagai dan sebanyak 71.1 peratus memahami subjek Ulum Hadis dengan menggunakan aplikasi mudah alih. Analisis ini menunjukkan kebanyakan pelajar berminat dan menerima penggunaan kaedah yang mengharmonikan penggunaan teknologi di dalam pembelajaran. Kajian Ahmad Zubir (2021) menunjukkan bahawa rata-rata pelajar yang menjawab soal selidiknya mempunyai alat elektronik sendiri antaranya telefon pintar, tablet dan komputer riba. Maka tidak hairanlah pembelajaran kini semakin berkembang ke arah teknologi kerana ia telah menjadi sebatи dalam dunia pendidikan pada masa kini. Sepertimana Kajian Che Hazniza (2023) dan Ahmad Zubir (2021) menunjukkan penerimaan pelajar di dalam konsep e-pembelajaran dan m-Pembelajaran adalah sangat tinggi. Ahmad Zubir Rosdi et al (2021) juga mendapati bahawa pelajar lebih bersifat terbuka dan menunjukkan penerimaan yang positif dalam mengintegrasikan penggunaan teknologi di dalam pembelajaran mereka. Maka seharusnya penggunaan teknologi ini dimanfaatkan sebaiknya di dalam dunia pengajaran dan pembelajaran pada masa kini.

Para pendidik juga tidak melepaskan peluang untuk menggunakan ruang dan peluang yang ada dengan sebanyak 73.7 peratus menyatakan tenaga pengajar menggunakan alat bantu mengajar menggunakan aplikasi mudah alih dalam pengajaran subjek Ulum Hadis. Dapatan ini dikukuhkan lagi dengan kajian A.Irwan Santeri et. al (2018) yang mendapati kebanyakan pensyarah bidang hadis di universiti awam Malaysia menerima baik dan menerapkan penggunaan aplikasi ICT dalam pengajaran dan pembelajaran kursus berkaitan hadis.

#### *Penguasaan Pelajar Terhadap Istilah Ulum Hadis*

Jadual 3 menunjukkan hasil dapatan kajian dari analisis soal selidik berkaitan penguasaan pelajar terhadap istilah Ulum Hadis.

Jadual 3: Penguasaan Pelajar Terhadap Istilah Ulum Hadis

Bil	Item	S	SS	Min
1.	Saya boleh memahami subjek Ulum Hadis dengan Mudah	133 (50.0%)	69 (25.9%)	3.97

2.	Saya berupaya untuk menguasai subjek Ulum Hadis	126 (47.4%)	73 (27.4%)	3.98
3.	Saya mampu menguasai istilah-istilah dalam subjek Ulum Hadis	121 (45.5%)	56 (21.1%)	3.82
4.	Saya mempunyai sumber rujukan yang mencukupi dalam memahami istilah Ulum Hadis	110 (41.4%)	60 (22.6%)	3.81
5.	Saya memerlukan alat bantu dalam mempelajari istilah Ulum Hadis di luar kelas	121 (45.5%)	99 (37.2%)	4.17
6.	Saya memerlukan aplikasi mudah alih untuk memahami istilah Ulum Hadis	109 (41.0%)	109 (41.0%)	4.20
7.	Saya mendapati pembelajaran yang menggunakan aplikasi mudah alih lebih efektif	116 (43.6%)	90 (33.8%)	4.06
MIN KESELURUHAN				4.00

Dapatan menunjukkan bacaan min keseluruhan yang tinggi iaitu 4.00 di mana ia berada dalam skala yang tinggi. Menurut hasil dapatan soal selidik, 75.9 peratus bersetuju dan sangat bersetuju menyatakan bahawa mereka mampu memahami subjek Ulum Hadis dengan mudah. Dapatan untuk soalan kedua dan ketiga pula menunjukkan pelajar-pelajar mampu untuk menguasai subjek dengan baik dan mampu menguasai istilah-istilah di dalam subjek Ulum Hadis iaitu dengan bacaan sebanyak 74.8 peratus dan 66.6 peratus yang bersetuju dan sangat bersetuju.

Walaupun sebanyak 64.0 peratus pelajar menyatakan mereka mempunyai rujukan yang mencukupi dalam memahami istilah Ulum Hadis namun sebanyak 82.7 peratus menyatakan mereka masih memerlukan alat bantu untuk mempelajari istilah Ulum Hadis di luar kelas. Dapatan juga menunjukkan sebanyak 82.0 peratus pelajar memerlukan aplikasi mudah alih untuk memahami istilah Ulum Hadis dan ia merupakan bacaan min tertinggi iaitu 4.20. Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa pelajar pada masa kini memerlukan bantuan teknologi untuk memahami istilah-istilah yang digunakan di dalam subjek Ulum Hadis. Ini menunjukkan bantuan teknologi membolehkan pelajar mengakses bahan yang diperlukan di mana-mana dan pada bila-bila masa selagi akses kepada rangkaian internet di persekitaran mereka tersedia (Salsabila et.al., 2023). Realiti dunia pendidikan kini saling berintegrasi dengan perubahan teknologi pada masa kini. Perintegrasian ini telah memberikan teknik baru dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Noorazman Abd Samad et.al., 2018). Perkembangan ini menuntut kepada semua institusi untuk mengintegrasikan penggunaan teknologi dalam penyediaan bahan PdP agar kekal relevan dan bergerak seiring dengan perkembangan teknologi pada masa kini (Sahaddin et al., 2016).

Kewujudan aplikasi dan teknologi merupakan satu alternatif dan transformasi yang boleh mempelbagaikan lagi cara untuk menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih menarik dan menyeronokkan. Keupayaan multimedia untuk menghantar maklumat dengan pantas dan tepat boleh digunakan untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan (Zamri & Mohamed Amin, 2008). Peranti mudah alih telah menerima sambutan hangat kerana permukaan skrinnya yang kecil dan mudah dibawa ke mana-mana (Hamdan et al. 2012). Ini dapat dibuktikan dengan hasil analisis dimana sebanyak 77.4 peratus menyatakan bahawa pembelajaran menggunakan aplikasi mudah alih lebih efektif.

## Kesimpulan

Kajian mendapati bahawa responden mempunyai minat yang tinggi untuk menggunakan aplikasi mudah alih dalam mempelajari Ulum Hadis. Aplikasi akan mewujudkan satu proses pembelajaran yang mengamalkan kaedah m-Pembelajaran yang mengintegrasikan penggunaan

teknologi dalam pembelajaran subjek Ulum Hadis. Medium ini dapat meningkatkan kualiti dalam pengajaran dan pembelajaran. Kewujudan medium ini mampu membantu pelajar meningkatkan kebolehan mereka untuk belajar dan memanfaatkan teknologi dengan baik. Keadaan ini seterusnya membuatkan pengajian Islam kekal relevan dan bergerak selari dengan peredaran dan kemajuan teknologi pada masa kini.

## Penghargaan

Kajian ini menyatakan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Penyelidikan Negeri Selangor dengan tajaan melalui Geran Penyelidikan Negeri Selangor (GPNS) dengan kod penyelidikan **SUK/GPNS/2023/PKS/06**

## Rujukan

- A Irwan Santeri Doll Kawai et. al. (2018). Pengintegrasian Aplikasi ICT Berkaitan Hadis Di Universiti Awam Malaysia. *Journal of Ma'alim al-Quran wa al-Sunnah* Vol. 14, No. 2, (2018), pp. 131-138 ISSN: 1823-4356 | eISSN: 2637-0328
- Abd Samad, N., Razali, N., Ahmad, W. M. R. W., Jaafar, F., Ismail, A., Ismail, E., & Harun, H. (2018). Penggunaan instruksional teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) terhadap mata pelajaran teras. *Online Journal for TVET Practitioners*, 3(2).
- Gabarre, S., Rosseni Din, Parilah Mohd Shah & Aidah Abdul karim. (2014). iPads in the foreign language classroom: A learner's perspectives: *The Southeast Asian Journal of English Language Studies*. 20 (1), 115 -128
- Gupta, S. B., & Gupta, M. (2020). Technology and E-learning in higher education. *Technology*, 29(4), 1320-1325.
- Halimah, Siti. (2023). Kerangka Pendidikan Islam di Era Digital Menurut Hadits dan Indikasinya. *Tazkiah: Journal of Islamic Education* 1(1): 53-65.
- Hamdan, A. F., Din, R., & Manaf, S.Z.A. (2012). *Penerimaan m-Pembelajaran Dalam Sistem Pendidikan di Malaysia Melalui The Unified Theory of Acceptance and Use of Technology (UTAUT): Satu Analisis Literatur*.1st International Conference on Mobile Learning, Application & Services.
- Irvine,V., & Richards, L.(2013). Realigning higher educationfor the 21<sup>st</sup>-century learner through multi-access learning. *MERLOT Journal of Online Learning and Teaching* 9(2). 172-186. [http://jolt.merlot.org/vol9no2/Irvine\\_0613.pdf](http://jolt.merlot.org/vol9no2/Irvine_0613.pdf)
- Khadijah Abdul Razak, Tengku Norhayati Tengku Othman, Mohd Isa Hamzah & Hafizhah Zulkifli. (2014). Information and communication technology among excellent Islamic Education teachers in Selangor Malaysia. *International Education Studies*. 7 (13)
- Khader Ahmad. (2019). Digitalisasi Hadith Di Malaysia Analisis Terhadap Keperluan Kriteria Pembangunan Website Dan Software Hadith. *Prosiding Seminar ICONIMAD 2019 International Conference on Islam in Malay World IX*, Krabi, Thailand
- Mesbahul Hoque Chowdury et. al. (2017). Application of Modern Technology in the Study of Hadith and Its Sciences: A Case Study. *Journal of Computational and Theoretical Nanoscience* 23(5):4773-4776. DOI: 10.1166/asl.2017.8895
- Mumtaz Begam Bt. Abdul Kadir. (2013). *The Relationship Between Learning Style, Academic Major, And Academic Performance Of College Students*. Proceedings The Asian Conference on Education 2013 (pp. 1–16). <http://doi.org/10.5032/jae.1999.01030>
- Nawi, A., & Hamzah, M. I. (2013). Tahap penerimaan penggunaan telefon bimbit sebagai M-Pembelajaran dalam Pendidikan Islam. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 5(1), 1-10.
- Noh, C. H. C., Abd Aziz, N. A., Nurul, I. R. I. D., & Abdullah, A. C. (2023) Sikap, Niat Dan Penerimaan Pelajar Terhadap Penggunaan E-Pembelajaran Dalam Kursus Komunikasi Di Universiti Malaysia Terengganu. *Journal of Business and Social Development*
- Nurul Izzatul Huda Muhammad Zainuzi, Syed Najihuddin Syed Hassan & Nur Aliah Sabrina Mohd Sabri .(2023). Critical review on hadith application in GooglePlay Store from 2017-2023.

- International Journal Of Academic Research In Business And Social Sciences. Sciences.* 13 (10). 2081-2094. <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBSS/v13-i10/19110>
- Pallant, J., & Manual, S. S. (2020). *SPSS Survival Manual; A Step By Step Guide To Data Analysis Using IBM SPSS*. London: Routledge.
- Päivi Tynjälä, & Gijbels, D. (2012). Changing World: Changing Pedagogy. *Springer EBooks*, 205–222. [https://doi.org/10.1007/978-94-007-2312-2\\_13](https://doi.org/10.1007/978-94-007-2312-2_13)
- Pehkonen, M., Turunen, H.: Preliminary guidelines for the design of the mobile learning activities and materials. In EUROPRIX Scholars Conference, *Conference Paper and Presentations Nov 13-14 Tampere, Finland*. (2003)
- Razali, S. N. A. M. (2015). Pencapaian kursus matematik atau statistik di kalangan pelajar UTHM: Punca kelemahan dan teknik pengajaran dan pembelajaran yang lebih diminati. Pembentangan di *Persidangan Antarabangsa Kelestarian Insan Kali Ke-2*, The Royale Bintang Resort & Spa, Seremban, 339-361.
- Rohmah, L. (2011). Konsep e-learning dan aplikasinya pada lembaga pendidikan islam. *AN NUR: Jurnal Studi Islam*, 3(2), 255-270.
- Rosdi, A. Z., Hassan, S. N. S., & Mahfuz, M. S. (2021). Penerimaan Pelajar dan Penggunaan M-Pembelajaran Terhadap Pengajian Hadis: Student Acceptance and Use of M-Learning toward Hadith Studies. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 5(1), 100-112
- Salsabila, U. H., Fatimah, R. A., Indriyani, R. A., Dirahman, F., & Anendi, Y. (2023). Analysis of Technology Involvement in Islamic Religious Education Learning. *Borneo Educational Journal (Borju)*, 5(1), 70-77.
- Sahaddin, M., Lubis, M. A., Che Noh, M. A., & Sahaddin, S. R. (2016). Blended learning dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam. Pembentangan di *Wacana Pendidikan Islam 2016* (pp. 557-568).
- Sarrab, M., Alalwan, N., Alfarraj, O., & Alzahrani, A. (2015). An empirical study on cloud computing requirements for better mobile learning services. *International Journal of Mobile Learning and Organisation*, 9(1), 1. <https://doi.org/10.1504/IJMO.2015.069709>
- Shahroom, A. A., & Hussin, N. (2018). Industrial revolution 4.0 and education. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(9), 314-319
- Supriyadi, T., Julia, J., Aeni, A. N., & Sumarna, E. (2020). Action research in hadith literacy: A reflection of hadith learning in the digital age. *International Journal of Learning, Teaching and Educational Research*, 19(5), 99-124. <https://doi.org/10.26803/ijlter.19.5.6>
- Tajang, A. D. (2019). Kualitas digitalisasi hadis: analisis SWOT pada aplikasi OOH. Tahdis: *Jurnal Kajian Ilmu Al-Hadis*, 10(1). 54-75. <https://doi.org/10.24252/tahdis.v10i1.9796>
- Ujir, H., Salleh, S. F., Marzuki, A. S. W., Hashim, H. F., & Alias, A. A. (2020). Teaching workload in 21st century higher education learning setting. *International Journal of Evaluation and Research in Education (IJERE)*, 9(1), 221-227.
- Ugartini, M., & Mahamod, Z. (2021). Aplikasi Google Meet sebagai medium pembelajaran bahasa Melayu secara dalam talian di kalangan pelajar sekolah menengah. Pembentangan di *International Conference on Business Studies and Education (ICBE)*, June, 30-43.
- Yabi, S., Kadri, S., Nor, Z. M., & Amin, M. F. M. (2017). Pengajaran Kursus Ulum Hadith di Institusi Pengajian Tinggi Awam: Tinjauan Literasi Terhadap Pendekatan Pengajaran Masa Kini: Teaching the Science of Hadith Transmission Course in Public Higher Educational Institutions: A Literacy Review of Current Teaching Approaches. *Ma'ālim al-Qur'ān wa al-Sunnah*, 13(14), 76-84.
- Yuslaini Yunus. (2012). Kemahiran guru abad ke-21. *Minda Pendidik*, 1, 137–148.
- Wagner, E. D. (2005). Enabling mobile learning. *Educause Review* 40(3): 40-53.
- Zamri Mahamod dan Mohamed Amin Embi. (2008). *Teknologi Malumat Dan Komunikasi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu: Teori Dan Praktis*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.

## BAB 10

### KAJIAN RINTIS TERHADAP KEPERLUAN PEMBANGUNAN APLIKASI MUDAH ALIH E-KAMUS ISTILAH HADIS

Siti Mursyidah Mohd Zin<sup>1</sup>, Suriani Sudi<sup>1</sup>, Farhah Zaidar Mohamed Ramli<sup>1</sup>, Rosni Wazir<sup>1</sup>, Phayilah Yama<sup>1</sup>, Nor Musliza Mustafa<sup>1</sup> dan Nur Saadah Khair<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Universiti Islam Selangor (UIS)

<sup>2</sup> Universiti Sains Islam Malaysia (UISM)

#### Pengenalan

Kamus Istilah Hadis (2012) terjemahan bahasa Melayu merupakan antara buku terbaik yang dihasilkan oleh barisan panel penyelidik Institut Kajian Hadis dan Akidah (INHAD), Universiti Islam Selangor (UIS) dalam kategori kamus. Kamus setebal 631 muka surat ini merupakan terjemahan daripada karya asal berbahasa Arab yang berjudul *Mu'jam al-Mustalahat al-Hadithiyah*. Ianya disusun oleh felo penyelidik utama INHAD ketika itu, Dr. Syed Abd Majid Ghouri. Penerimaan dan sambutan yang memberangsangkan terhadap penerbitan kamus ini dalam kalangan ulama di kebanyakan negara Islam merupakan faktor utama karya ini dipilih sebagai antara material kitab berkaitan bidang hadis yang sewajarnya diterjemahkan ke dalam bahasa melayu. Inisiatif penyusun kamus ini dengan menambah pelbagai istilah terkini dalam kamus ini telah menjadikannya sebagai kamus edisi kemas kini istilah hadis yang bermutu pada abad kontemporari.

Kamus Istilah Hadis ini akan menjadi khazanah ilmu yang akan dirujuk oleh pengguna di dalam bidang hadis untuk pembelajaran dan pengajaran. Terjemahan kamus Istilah Hadis ini ke dalam bahasa Melayu telah meninggikan lagi nilai kebolehgunaan kamus ini dalam kalangan penyelidik, pensyarah dan pelajar pengajian Islam tempatan (penutur bahasa kebangsaan) (Mohd Zin et al. 2023). Namun faktor berat buku dan ketebalannya menjadikan kamus ini kurang efisien untuk kelancaran pencarian istilah-istilah hadis. Dalam erti kata lain, lambat dan memakan masa.

Justeru cadangan kepada pendigitalan Kamus Istilah Hadis ini secara atas talian melalui aplikasi e-kamus Istilah Hadis merupakan usaha yang penting dan berpotensi. Penggunaan aplikasi e-kamus Istilah Hadis ini akan dapat dioptimumkan oleh pelbagai pihak termasuk pelajar, pensyarah, dan guru tauliah masjid.

#### Permasalahan Kajian

Kajian mendapati bahawa pembelajaran hadis tidak seharusnya terhad kepada kerangka teori dan tradisional dengan hanya membaca bahan klasik, tetapi perlu diberi peluang untuk memanfaatkan peningkatan teknologi melalui pembangunan pelbagai bentuk medium. Penggunaan aplikasi ICT dalam pembelajaran daripada pendidikan peringkat rendah sehingga ke pendidikan peringkat tertinggi sangatlah ditekankan demi kelangsungan pendidikan berkualiti di negara ini (Santeri et al. 2018).

Pada era Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) ini, kemahiran memanfaatkan dan menggunakan internet untuk tujuan mencari, memindah, menyimpan dan memadankan maklumat berasaskan kepada penggunaan komputer elektronik dan perisian (software) telah menjadi satu keperluan. Perkara ini termasuk dalam perkara berkaitan dengan agama khususnya yang berkaitan

dengan carian nas al-Quran dan hadis itu sendiri. Dalam erti kata, hadis dan ayat al-Quran bukan lagi dirujuk semata-mata kepada bahan bercetak, tetapi cariannya telah pun dirujuk melalui carian internet berdasarkan kepada aplikasi, perisian, laman sesawang, blog peribadi dan sebagainya (Najihuddin et al. 2016; Ahmad 2019; Supriyadi et al. 2020).

Kajian hadis tidak terkecuali daripada penggunaan alat multimedia dan dalam talian. Banyak laman web dan program telah dibangunkan untuk membantu fleksibiliti dalam mempelajari hadis, semuanya bertujuan untuk menekankan kepentingan hadis sebagai salah satu sumber hukum dalam Islam (Ismail & Khair 2012). Akses kepada sesuatu hadis yang dahulunya diperoleh secara manual, kini telah diakses dalam bentuk digital melalui laman sesawang, perisian atau aplikasi Internet seperti al-Maktabah al-Shāmilah, Lidwa Pusaka, Jawāmi' al-Kalim dan sebagainya (Fikriyyah 2018; Rahmatullah 2020; Siti Syamsiyatul Ummah 2019).

Penggunaan aplikasi ICT dalam pembelajaran amat ditekankan bermula pendidikan peringkat rendah hingga ke pendidikan peringkat tertinggi demi mengekalkan tahap pendidikan berkualiti di negara ini (Santeri et al. 2018). Menurut Chowdhury et al. (2017), teknologi inovatif telah berubah menjadi instrumen penting untuk pengajaran dan pembelajaran. Ini menjadikan pengajian hadis menjadi lebih mudah dan menyeronokkan. Kenyataan ini turut disokong oleh Yabi et al. (2017). Kajian Santeri et al. (2018) juga mendapati kebanyakan pensyarah bidang hadis di universiti awam Malaysia menerima baik dan menerapkan penggunaan aplikasi ICT dalam pengajaran dan pembelajaran kursus berkaitan hadis. Malah kajian Mohamed & Muhammed Ali (2016) mencadangkan agar pengajar ilmu hadis masa kini mempelbagaikan kaedah pengajaran di dalam PdP hadis.

Selain itu, kajian lepas menunjukkan beberapa aplikasi mobil telah dikenal pasti dalam menjayakan pembelajaran hadis secara atas talian. Antaranya ialah iShamela, Maktabah Al-Hadith Al-Syarif, Hadith Encyclopedia by 9 Imam, Mawsu'ah Al Hadith Al- Nabawi Al-Syarif, al-Mawsu'ah al-Hadisiyyah and Jawami'ul Kalim (Abdul Halim et al. 2016; Zulkipli et al. 2017). Bahasa yang digunakan lebih fleksibel kerana menggabungkan bahasa Arab dan juga Inggeris bagi memudahkan pengguna mengakses aplikasi mobil tersebut.

Beberapa kajian berkaitan pembangunan aplikasi hadis juga ditemui Yama (2018) telah mengemukakan cadangan dalam pembangunan aplikasi mobil dengan tujuan untuk pemetaan *Shajarah al-Asanid* (rantaian sanad) berdasarkan kepada rujukan sanad dalam kitab Sahih Muslim. Aplikasi ini bertujuan untuk memudahkan para pelajar membentuk susunan sanad Sahih Muslim dengan lebih mudah dan menghasilkan *syajarah al-asanid* yang tepat berkonsepkan model reka bentuk sistem berarahan ADDIE.

Begitu juga kajian yang dihasilkan oleh Supriyono et al. (2014) yang membuat kajian untuk membuat aplikasi mobile phone sebagai media pembelajaran dalam mempelajari pengertian ilmu hadis yang disertai dengan hadis pilihan dan latihan latih tubi. Makala kajian Sri Wahyuningsih & Nurdiana (2016) membangunkan aplikasi mobile didalam pencarian hadis melalui kitab Riyad al-Salihin.

Sehubungan itu, Amran Abdul Halim, et.al (2018) mencadangkan agar dibangunkan aplikasi mudah alih berkaitan dengan hadis dalam sistem pembelajaran Mobile Learning dalam merealisasikan gagasan Revolusi Industri 4.0 itu sendiri. Dengan adanya usaha ini, iaanya dapat memberikan rangkaian yang lebih luas kepada generasi digital untuk mendapatkan maklumat khususnya dalam bidang hadis.

